

*Ucapan*  
**BAJET**

**2022**

Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera





# Bajet 2022

## Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras 10, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 PUTRAJAYA

E-mel: [bajet2022@mof.gov.my](mailto:bajet2022@mof.gov.my)

Ucapan Bajet diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Bajet Tahunan.

Edisi 2022 diterbitkan pada 29 Oktober 2021.

Naskhah boleh diperoleh daripada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Jalan Chan Sow Lin,  
50554 KUALA LUMPUR  
Tel.: 03-92366888/92366894  
Faks: 03-92011008/92224773  
E-mel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:  
[www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2021  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

**PNMB**

# Kandungan

<b>02</b>	<b>MUKADIMAH</b>
<b>02</b>	<b>PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI 2021 DAN 2022</b>
<b>04</b>	<b>BAJET 2022: KELUARGA MALAYSIA, MAKMUR SEJAHTERA</b>
<b>06</b>	<b>FOKUS PERTAMA: RAKYAT YANG SEJAHTERA</b>
<b>06</b>	STRATEGI 1: MEMULIH KEHIDUPAN DAN MATA PENCARIAN
<b>19</b>	STRATEGI 2: MEMBANGUN SEBUAH KELUARGA MALAYSIA
<b>28</b>	STRATEGI 3: MEMBINA KEHIDUPAN YANG KONDUSIF
<b>33</b>	<b>FOKUS KEDUA: PERNIAGAAN YANG BERDAYA TAHAN</b>
<b>33</b>	STRATEGI 1: MENGEMBALI KEUPAYAAN PERNIAGAAN
<b>38</b>	STRATEGI 2: MEMACU PELABURAN STRATEGIK
<b>42</b>	STRATEGI 3: MEMULIH SEKTOR-SEKTOR TUMPUAN
<b>48</b>	<b>FOKUS KETIGA: EKONOMI YANG MAKMUR DAN MAMPAN</b>
<b>49</b>	STRATEGI 1: AGENDA KELESTARIAN
<b>52</b>	STRATEGI 2: MERAPATKAN JURANG EKONOMI
<b>55</b>	STRATEGI 3: KONSOLIDASI FISKAL DAN KEMAMPANAN HASIL
<b>58</b>	STRATEGI 4: MENDOKONG PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
<b>61</b>	<b>PENUTUP</b>
<b>63</b>	<b>LAMPIRAN I - TOUCHPOINTS BAJET 2022</b>
<b>97</b>	<b>LAMPIRAN II - LANGKAH CUKAI BAJET 2022</b>



“Marilah kita bersama-sama sebagai  
**KELUARGA MALAYSIA**  
mengembalikan kesejahteraan  
dan kesejahteraan hidup yang pernah  
dikecapi suatu ketika dulu.”

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob  
PERDANA MENTERI MALAYSIA



**“Bahawa Bajet ini..milik mereka  
Suara kita..milik mereka  
Bahawa kemenangan itu..  
milik mereka!”**



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz  
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA








**EKONOMI NEGARA 2022**  
pada harga malar 2015  
(bahagian kepada jumlah dalam %)




<sup>1</sup> Termasuk perubahan dalam stok  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

# BAJET KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022

## DARI MANA DATANGNYA



## KE MANA DIBELANJAKAN



<sup>1</sup> Terdiri daripada hasil dan pinjaman

<sup>2</sup> Tidak termasuk simpanan luar jangka

<sup>3</sup> Kumpulan Wang COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



# Ucapan Bajet 2022

---

Oleh:

YB Senator

Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan

Ketika Membentangkan

Rang Undang-Undang Perbekalan (2022)

Di Dewan Rakyat

Pada Jumaat, 29 Oktober 2021

Tema:

Bajet 2022: Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera

Datuk Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2022 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang."

# Mukadimah

---

1. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.
2. Syukur *Alhamdulillah*, atas nikmat *Allah* yang terbentang luas sepemandangan; seraya kami bertawakal dan berserah, pada setiap daya yang diikhtiarkan. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam* – bahawa Bagindalah suri teladan, buat umat manusia zaman-berzaman.
3. Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, serta saudara dan saudari seluruh Keluarga Malaysia yang dikasihi.
4. Amatlah besar harapan rakyat menjelang **Pembentangan Bajet 2022**, yang sarat didasari dengan usaha kita semua – sebagai sebuah Keluarga Malaysia, untuk bangkit semula memulih negara.
5. Maka, untuk pembentangan kali ini, *Insyaa-Allah* kita harapkan ada perkhabaran-perkhabaran baik. Moga Bajet 2022 menjadi suar harapan, terang menyinar di hujung kemelut pandemik, agar rakyat kembali makmur dalam norma baharu.

## Prestasi dan Cabaran Ekonomi 2021 dan 2022

---

Datuk Yang di-Pertua,

6. Dalam mengharung pandemik global ini, negara-negara sedunia terpaksa mengurus dua beban duka, menyelamatkan nyawa sejagat dan mempertahankan iktisad.
7. Bagi Malaysia, ternyata tahun ini adalah lebih mencabar buat kita. 2021 yang pada awalnya kita jangka sebagai sebuah tahun pemulihan; malangnya telah tertangguh, dek situasi penularan COVID-19 yang terus kritikal sejak pembentangan Belanjawan 2021 setahun lalu.

8. Di luar rencana, COVID-19 bermutasi dan mengganas. Negara kita tidak terkecuali daripada tempias gelombang ketiga sehingga mengakibatkan kes harian pernah mencecah lebih 24 ribu. Kini, jumlah kes direkodkan sudah menjangkau 2.4 juta; dan lebih 28 ribu orang ahli Keluarga Malaysia telah terkorban. Takziah diucapkan kepada ahli keluarga kita yang telah kehilangan orang tersayang akibat virus ini.

9. Buat kesekian kalinya, negara terpaksa mengharungi episod Perintah Kawalan Pergerakan yang panjang, sementara kita laksanakan Pelan Pemulihan Negara yang turut didokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sebagai langkah keluar daripada pandemik durjana ini.

10. *Alhamdulillah*, kita kini berjaya mencapai **95 peratus penduduk dewasa, dan 62 peratus remaja, yang telah divaksinasi sepenuhnya**. Pencapaian ini merupakan antara yang terbaik di dunia. Hasilnya, bilangan kes COVID-19 telah menurun, sementara penggunaan wad ICU bagi kes COVID-19 berada pada tahap 42 peratus. Oleh itu, sistem kesihatan awam kita kini tidak lagi terbeban.

11. Dalam soal memelihara rakyat dan perniagaan, kita tak pernah alpa. Walau digasak pelbagai cabaran dalam ruang fiskal yang terhad, Kerajaan tetap mencari jalan menyediakan bantuan kepada yang memerlukan. Bukanlah perkara yang mudah, tetapi *Alhamdulillah*, sebanyak **lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi telah disediakan Kerajaan dengan jumlah keseluruhan 530 bilion ringgit**, yang tidak termasuk peruntukan Belanjawan 2021.

12. Pakej-pakej inilah yang telah memastikan kita – ada makanan dihidangkan, ada didikan buat anak watan, ada perniagaan yang dipertahan, ada pekerjaan yang diciptakan dan pastinya masih ada lagi sebuah kehidupan.

13. Melaluinya juga, pertumbuhan ekonomi yang sebelum ini menguncup 5.6 peratus pada 2020, kini telah berkembang 7.1 peratus setakat separuh pertama 2021. Walaupun suku ketiga tahun ini dijangka terkesan ekoran PKP ketiga, namun suku keempat dijangka akan memulih apabila hampir semua negeri

beralih ke fasa empat serta sektor ekonomi dan sosial dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh. Keseluruhannya, **pertumbuhan ekonomi kita dijangka berkembang antara 3 hingga 4 peratus** bagi tahun ini, *Insyallah*.

**14.** Pada tahun depan, ekonomi negara diunjur terus berkembang antara **5.5 hingga 6.5 peratus** berpaksikan asas ekonomi yang masih kukuh dan strukturnya yang pelbagai. Namun, prestasi ini turut bergantung kepada faktor-faktor lain, antaranya kejayaan mengawal pandemik, keberkesanan pelaksanaan program vaksinasi serta keteguhan prospek ekonomi dan perdagangan dunia.

## **Bajet 2022: Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera**

---

Datuk Yang di-Pertua,

**15.** Seperti tahun lalu, Bajet 2022 dirangka dengan mengekalkan tradisi keterbukaan *#TeamMOF*. Bajet ini terhasil dari siri turun padang dan jelajah negeri, perbincangan dengan lebih 30 sesi kumpulan fokus selain mengkaji lebih 1,100 memorandum dan hampir 50 ribu cadangan yang diterima melalui portal Bajet 2022.

**16.** Lebih bermakna, Bajet 2022 dirangka setelah 80 sesi sumbang saran bersama ahli-ahli Yang Berhormat merentasi doktrin politik, tak kira Kerajaan mahupun Pembangkang. Kita semua telah bermusyawarah, bertukar-tukar pandangan dan sama-sama memikir kemaslahatan negara.

**17.** Tidak cukup dengan itu, bagi meningkatkan ketelusan penyediaan bajet tahunan, buat julung-julung kalinya *#TeamMOF* telah menerbitkan Kenyataan Pra-Bajet 2022 dan empat Kertas Konsultasi Awam merangkumi topik berkenaan penambahbaikan perolehan kerajaan, pemberian bantuan tunai, insentif cukai dan tanggungjawab fiskal.



18. Saya rakamkan jutaan penghargaan kepada semua pihak yang meluangkan masa dan mengemukakan idea serta pandangan. Pada kami di MOF, inilah bukti kebersamaan kita dalam mengharungi hari-hari mendatang sebagai sebuah keluarga.
19. Tahun hadapan, tumpuan kita semestinya adalah untuk memulih semula setiap segmen sosioekonomi negara. Usaha untuk membina daya tahan turut digerakkan bagi mengukuh keupayaan perniagaan dan sistem kesihatan dalam mendepani cabaran mendatang. Akhirnya, melangkah ke hadapan, instrumen pembaharuan akan mula dilaksana supaya seiring dengan landskap dunia teknologi tanpa sempadan serta agenda kelestarian.
20. Atas iltizam tersebut, Bajet tahun 2022 akan bertemakan, *“Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera”*. Bajet kali ini mendokong Tiga Paksi Utama iaitu **memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan**. Matlamat Bajet 2022 kekal dengan tiga Fokus Induk iaitu:
- Pertama:** Rakyat Yang Sejahtera;
  - Kedua:** Perniagaan Yang Berdaya Tahan; dan
  - Ketiga:** Ekonomi Yang Makmur dan Mampan.
21. Bajet 2022 yang diumumkan kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas telah diadakan sebagai kesinambungan daripada pakej bantuan dan rangsangan ekonomi sebelum ini; juga ditambah baik dan dilengkapi usaha baharu untuk membentuk sebuah Bajet yang inklusif, mampan dan seimbang.
22. Mengambil kira aspirasi, impian dan keperluan ahli Keluarga Malaysia, di samping jangkaan **peningkatan hasil Kerajaan** bagi tahun 2022 kepada 234 bilion ringgit, Kerajaan akan terus menyediakan **bajet yang mengembang**.
23. Bajet 2022 akan menyediakan sejumlah 332.1 bilion ringgit – yang menyaksikan **nilai peruntukan tertinggi** berbanding bajet-bajet sebelum ini. Daripada jumlah tersebut,

Kerajaan bercadang untuk menyediakan 233.5 bilion ringgit bagi belanja mengurus, 75.6 bilion ringgit untuk belanja pembangunan dan 23 bilion ringgit di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Sejumlah 2 bilion ringgit turut disediakan sebagai simpanan luar jangka. Sungguhpun ini merupakan bajet mengembang, **defisit fiskal 2022 diunjur berkurang** kepada 6 peratus daripada KDNK berbanding 6.5 peratus pada 2021.

## Fokus Pertama: Rakyat Yang Sejahtera

Datuk Yang di-Pertua,

**24.** Fokus pertama Bajet ini ialah **Rakyat Yang Sejahtera**. Bagi mendakap erat makna sejahtera, iltizam Keluarga Malaysia atas ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memasang impian, agar setiap daripada kita tersemai nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

**Strategi 1:** Memulih Kehidupan Dan Mata Pencarian

**25.** Strategi pertama di bawah fokus ini ialah **Memulih Kehidupan dan Mata Pencarian**. Tumpuan Kerajaan di bawah strategi ini adalah untuk meneruskan pemberian bantuan tunai langsung secara bersasar, memperkasa aspek pendidikan dan kesihatan awam serta terus menjana peluang-peluang pekerjaan.

**Inisiatif 1: Bantuan Tunai Langsung dan Kebajikan**

**26.** Pada tahun hadapan, inisiatif bantuan tunai langsung akan ditambah baik. Kerajaan akan memperkenalkan **Bantuan Keluarga Malaysia** (atau BKM) dengan beberapa pembaharuan supaya kumpulan yang benar-benar terkesan, diberi lebih tumpuan.

**27.** Pembaharuan ini telah mengambil kira cadangan yang diterima daripada orang ramai melalui penerbitan Kertas Konsultasi Awam berhubung penambahbaikan bantuan rakyat.

Oleh itu, untuk tahun 2022, BKM akan menyalurkan **bantuan iaitu sebanyak 2,000 ringgit** kepada isi rumah yang mempunyai tiga orang anak atau lebih dengan pendapatan kurang 2,500 ringgit sebulan. Pemberian bantuan ini merupakan peningkatan berbanding 1,800 ringgit iaitu kadar tertinggi di bawah Bantuan Prihatin Rakyat (atau BPR) sebelum ini.

**28.** Selanjutnya, maklum balas lain yang diterima turut menyentuh soal cabaran yang perlu ditanggung oleh ibu tunggal dalam menyara anak-anaknya; selain warga emas B40 yang kekurangan simpanan persaraan dan tiada sumber pendapatan tetap. Sebagai pembaharuan untuk tahun hadapan, Kerajaan juga akan memberi **bantuan tambahan sebanyak 500 ringgit lagi kepada ibu atau bapa tunggal** yang mempunyai anak tanggungan dan berpendapatan bulanan sehingga 5,000 ringgit. Selain itu, **bantuan tambahan sebanyak 300 ringgit lagi turut diberikan kepada isi rumah warga emas**. Ini bermakna, kepada ibu atau bapa tunggal dengan tiga anak atau lebih, layak mendapat **BKM maksimum sebanyak 2,500 ringgit**.

**29.** Secara keseluruhan, BKM akan memanfaatkan lebih 9.6 juta penerima dengan peruntukan 8.2 bilion ringgit iaitu peningkatan berbanding 8.6 juta penerima dengan peruntukan 7 bilion ringgit di bawah BPR.

**30.** Selanjutnya, berhubung bantuan yang disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, **syarat kelayakan kebajikan akan dinaikkan kepada Paras Garis Kemiskinan Makanan 2019** iaitu 1,169 ringgit berbanding PGK 2016 iaitu 980 ringgit sebelum ini. Usaha meluaskan liputan perlindungan sosial ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan bagi memastikan bantuan yang sampai ke tangan mereka yang memerlukan, turut mengambil kira kenaikan kos sara hidup semasa. Oleh itu, dengan kenaikan ini, lebih ramai akan menikmati faedah bantuan kebajikan di bawah JKM dengan peruntukan tambahan 200 juta ringgit. Secara keseluruhan, 2.4 bilion ringgit disediakan bagi penyaluran bantuan kebajikan untuk manfaat lebih 440 ribu isi rumah memerlukan.

Datuk Yang di-Pertua,

**31.** Mengambil ibrah firman *Allah Subhanahu Wa Taala* dalam surah al-Baqarah ayat 220 – kita diingatkan akan perlunya menjaga kesejahteraan anak-anak yatim. Sejak wabak COVID-19 menjengah ke tanah kita, lebih 4,700 anak-anak telah hilang tempat bermanja, apabila ibu dan bapa mereka pergi buat selamanya akibat virus ini. Sebagai Keluarga Malaysia, menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan masa depan anak-anak ini terus terjaga.

**32.** Pada tahun hadapan, Kerajaan menyediakan 25 juta ringgit kepada **Yayasan Keluarga Malaysia** bagi memimpin usaha melindungi kebajikan, pendidikan dan masa depan anak-anak ini. Sebagai tambahan, Kerajaan juga menyeru semua pihak khususnya sektor korporat untuk sama menyumbang demi kebajikan anak-anak ini.

**33.** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkesempatan melawat anak-anak yang kehilangan ibu dan bapa akibat COVID-19 pada 16 Oktober lalu. Seluruh negara turut melahirkan rasa simpati atas nasib adik-beradik ini. Buat adik Muhammad Hadhrami; Husna Humaira; Muhammad Harraz; Muhammad Hawwas dan Hannan Humaira serta anak-anak yatim piatu Keluarga Malaysia yang lain, kami sayang semua, kami sentiasa ada untuk menjaga kamu semua.

**34.** Kerajaan menggesa semua pihak tidak kira NGO, komuniti setempat, pemimpin tempatan malah syarikat korporat untuk memainkan peranan bagi memastikan kebajikan anak-anak ini terus terpelihara supaya semua dapat hidup bersama sebagai satu keluarga tanpa terpisah dan dapat membina masa hadapan yang cerah.

## **Inisiatif 2: Akses Kemudahan Kesihatan Awam**

Datuk Yang di-Pertua,

**35.** Kerajaan akan terus mengutamakan aspek kesihatan awam bagi membina daya tahan negara dalam persediaan kita ke fasa endemik COVID-19. Bajet 2022 menyediakan

**32.4 bilion ringgit kepada Kementerian Kesihatan** untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Sebagai Kerajaan yang mementingkan kesejahteraan rakyatnya, peruntukan bagi Kementerian Kesihatan adalah yang kedua terbesar selepas Kementerian Pendidikan.

**36.** Peperangan kita dengan pandemik COVID-19 ini masih belum berakhir. Oleh itu, tambahan 4 bilion ringgit disediakan khusus untuk meneruskan **agenda menangani COVID-19** yang merangkumi 2 bilion ringgit bagi membiayai program vaksinasi. Manakala 2 bilion ringgit lagi disediakan bagi meningkatkan kapasiti fasiliti perkhidmatan kesihatan awam seperti pembelian bekalan ubat, bahan guna habis, PPE dan kit kesihatan. Dalam semangat Keluarga Malaysia, Kementerian Kesihatan juga telah menyumber luar ke hospital swasta dan hospital seliaan Kementerian lain bagi mengoptimumkan kapasiti kesihatan dalam negara.

**37.** Selanjutnya, bagi terus menang dalam melawan COVID-19, Kerajaan bercadang untuk **melaksanakan perolehan ubat antiviral** yang didapati berkesan terhadap pelbagai virus termasuk COVID-19.

**38.** Yang utama sekali, **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan terus diperkasa** bagi membekalkan dos ketiga sebagai vaksin penggalak kepada semua orang dewasa di samping meneruskan vaksinasi kepada anak-anak berusia 12 hingga 17 tahun. Kerajaan telah menandatangani perjanjian untuk mendapatkan 88 juta dos iaitu bersamaan lebih 140 peratus penduduk dan cukup untuk memberi dos ketiga kepada semua penduduk berusia 12 tahun dan ke atas.

**39.** Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada semua ahli Yang Berhormat yang sebulat suara meluluskan pindaan Akta untuk membenarkan kegunaan dana **Kumpulan Wang Amanah Negara** bagi membiayai perolehan vaksin COVID-19. Dengan pindaan ini, Kerajaan akan membelanjakan sebaiknya bagi memenuhi keperluan vaksinasi dalam memulih semula dan membina daya tahan buat rakyat dan perniagaan.

**40.** Bagi tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk memberikan pelepasan cukai individu dan potongan cukai kepada majikan ke atas kos berkaitan pengambilan vaksin penggalak yang dibiayai sendiri.

Datuk Yang di-Pertua,

**41.** Aspek kesihatan awam juga akan diberi perhatian. Dalam memupuk budaya sihat serta menangani masalah penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti, Kerajaan bersetuju untuk meneruskan **Agenda Nasional Malaysia Sihat**. Dalam sesi sembang santai bersama anak muda, Dr Shantesh Kumar telah membangkitkan isu berkenaan penyakit jarang jumpa. Oleh itu, Kerajaan akan memantapkan **pengurusan Klinikal Penyakit Jarang Jumpa** di Malaysia seperti lisosomal.

**42.** Selain itu, ke arah gaya hidup sihat juga, Kerajaan bercadang untuk meluaskan kenaaan **duti eksais ke atas produk minuman bergula** dalam bentuk pracampuran berasaskan coklat atau koko, malt, kopi dan teh. Kerajaan juga bercadang mengenakan **duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin** yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

**43.** Bagi memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan awam, Kerajaan akan **bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah dan St John Ambulance** untuk meningkatkan akses dan capaian respons perkhidmatan ambulans.

**44.** Kerajaan telah bersetuju untuk menyambung pelantikan secara kontrak lebih 10 ribu pegawai perubatan, pergigian dan farmasi selepas tempoh khidmat wajib selama dua tahun kepada maksimum empat tahun bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan sebagai persediaan pengajian kepakaran mereka. Sebagai tambahan, sukacita diumumkan Kerajaan bersetuju **meluluskan penajaan program kepakaran dengan peruntukan 100 juta ringgit untuk manfaat 3,000 pegawai kontrak** perubatan dan pergigian.

45. Krisis pandemik ini telah menerukkan masalah kesempitan hidup, keganasan rumah tangga dan kemurungan sehingga menjadi punca kepada isu kesihatan mental. Maka, Bajet ini memperuntukkan 70 juta ringgit bagi terus memastikan **isu kesihatan mental** ini diberi keutamaan, antaranya untuk memperkukuh perkhidmatan sokongan, kaunseling dan psikososial, menambah program advokasi serta memperkasa peranan NGO sebagai penggerak program kesihatan mental.

46. Selanjutnya, Kerajaan juga bercadang untuk meluaskan skop pelepasan cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pemeriksaan kesihatan meliputi kos khidmat konsultasi pakar psikiatri, ahli psikologi klinikal dan kaunselor yang berdaftar.

### **Inisiatif 3: Pendidikan Berkualiti Untuk Semua**

Datuk Yang di-Pertua,

47. Bajet ini kekal mengutamakan pendidikan sebagai segmen terpenting perbelanjaan negara. **Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menerima peruntukan terbesar iaitu sejumlah 52.6 bilion ringgit** atau 16 peratus daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan Persekutuan. Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi bakal diperuntukkan sejumlah 14.5 bilion ringgit.

48. Tidak ada yang lebih menggembirakan buat anak-anak apabila dapat kembali semula ke sekolah secara bersemuka bersama rakan. Setiap awal tahun, tentunya ibu bapalah yang paling sibuk menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak. Bagi tahun 2022, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan **Bantuan Awal Persekolahan sebanyak 150 ringgit** iaitu meningkat berbanding 100 ringgit sebelum ini. Sejumlah 450 juta ringgit diperuntukkan yang dijangka memanfaatkan 3 juta murid-murid yang layak.

49. Dengan sekolah mula dibuka, suasana pembelajaran yang kondusif buat anak-anak akan terus diberi perhatian. Pada tahun hadapan, sejumlah 1 bilion ringgit disediakan untuk **kerja-kerja**

**penyelenggaraan dan pembaikan sekolah.** Peruntukan ini juga termasuk 140 juta ringgit kepada JAKIM bagi menyelenggara antaranya sekolah tahfiz, sekolah agama rakyat dan institusi pondok berdaftar iaitu meningkat berbanding 100 juta ringgit pada tahun 2021.

**50.** Peruntukan penyelenggaraan kepada lebih 10 ribu sekolah di bawah Kementerian Pendidikan akan diagihkan mengikut jenis sekolah berdasarkan kadar yang seragam. Bagi tahun 2022, sebanyak 120 juta ringgit disediakan untuk manfaat 1,800 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

**51.** Di samping itu, pada tahun hadapan juga, Kerajaan akan terus **menaik taraf sekolah-sekolah daif** dengan peruntukan dinaikkan kepada 746 juta ringgit. Sebilangan besar peruntukan ini adalah untuk menaik taraf sekolah daif dengan 112 projek di Sabah dan 165 projek di Sarawak.

**52.** Bagi **memperkasakan agenda pendidikan khas**, Kerajaan menyediakan 50 juta ringgit antaranya untuk membiayai pembelian peralatan mengajar dan menambah baik fasiliti sekolah berkeperluan khas. Selain itu, sebanyak lapan buah blok baharu pendidikan khas turut dibina, antaranya di SMK Tuanku Lailatul Shahreen di Perlis dan SK Kampung Tun Razak, Bukit Katil di Melaka.

**53.** Bagi memastikan murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah mendapat kandungan khasiat harian demi pertumbuhan fizikal dan mental yang menyeluruh, Kerajaan akan meneruskan penyediaan bekalan susu harian di bawah **Rancangan Makanan Tambahan** dengan peruntukan 400 juta ringgit. Sebahagian perolehan ini akan dikhaskan kepada pengeluar susu tempatan.

**54.** Sewaktu pelaksanaan PdPR, para guru memainkan peranan mereka dalam memastikan setiap anak murid tidak tercicir daripada mendapat pendidikan formal. Sebagai menghargai jasa guru yang menyediakan bahan mengajar tambahan kepada murid-murid semasa tempoh pandemik,



Bajet ini buat pertama kalinya menyediakan **Insentif Khas Alat Bantuan Mengajar** secara sekali bayar sebanyak 100 ringgit kepada lebih 400 ribu guru sekolah di bawah KPM.

Datuk Yang di-Pertua,

**55.** Sepanjang tempoh pandemik, mahasiswa tetap meneruskan pengajian mereka dalam norma yang baharu. Bagi pelajar yang kurang mampu, mereka adakalanya perlu meminjam peranti kawan, atau terpaksa ke pusat internet di pekan, untuk membuat tugas pengajian. Malah, kadang-kadang ada juga antara mereka yang tidak dapat hadir ke kuliah *online*. Bagi memastikan proses pengajian para pelajar B40 terus terpelihara, Kerajaan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi terpilih akan melaksanakan inisiatif **PerantiSiswa Keluarga Malaysia bagi membekalkan sebuah tablet** kepada setiap pelajar B40 di institusi pengajian tinggi. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan peruntukan 450 juta ringgit di samping komitmen syarikat telekomunikasi yang turut menyumbang kira-kira 65 juta ringgit. *Insyallah*, seramai 600 ribu siswa-siswi daripada keluarga B40 bakal menerima manfaat daripada inisiatif ini.

**56.** Sebagai tambahan, Kerajaan bercadang untuk melanjutkan pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga 2,500 ringgit ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet sehingga 31 Disember 2022.

**57.** Seperti semua maklum, PTPTN ditubuhkan bagi mengurus pinjaman pendidikan yang disediakan sebagai kemudahan kepada pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. Sebagai pinjaman, semestinya ia satu amanah yang wajib dibayar semula oleh peminjam. Jika tidak, ia menafikan peluang anak-anak kita pada masa hadapan. Oleh itu, bagi memudahkan proses bayaran balik dan memupuk sikap bertanggungjawab, Kerajaan bersetuju memberikan **diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN** bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022 seperti berikut:

**Pertama:** Diskaun 15 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;

**Kedua:** Diskaun 12 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan

**Ketiga:** Diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual.

**58.** Dalam RMK-12, Kerajaan telah mengenal pasti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (atau TVET) sebagai salah satu pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan pekerja oleh industri kita dengan lebih baik. Bagi **memperkasa bidang TVET**, Kerajaan menyediakan 6.6 bilion ringgit untuk melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah kementerian dan agensi-agensi berkaitan. Tumpuan diberikan kepada usaha memenuhi keperluan industri semasa. Sehubungan itu, peruntukan tambahan 200 juta ringgit disediakan untuk program usaha sama dengan industri termasuk Skim Latihan Dual Nasional dan program persijilan industri.

#### **Inisiatif 4: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan**

Datuk Yang di-Pertua,

**59.** Seperti semua sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang signifikan kepada pekerjaan dan mata pencarian rakyat, dengan kadar pengangguran telah meningkat sehingga 5.3 peratus pada Mei 2020. Sungguhpun ia kini telah menyederhana dengan kadar 4.6 peratus pada Ogos 2021, hampir 750 ribu saudara-saudari kita yang masih menganggur perlu dibantu.

**60.** Oleh itu, mengambil semangat konsep *job guarantee*, bagi tahun hadapan, Kerajaan di bawah inisiatif **Jamin Kerja Keluarga Malaysia** (atau **JaminKerja**) akan menjamin **penyediaan 600 ribu peluang pekerjaan** dengan peruntukan berjumlah 4.8 bilion ringgit.

**61.** Kerajaan melalui PERKESO akan meneruskan usaha pengambilan pekerja melalui inisiatif **insentif pengajian JaminKerja** dengan sasaran 300 ribu orang dan peruntukan 2 bilion ringgit. Di bawah inisiatif ini, kepada **majikan yang**

**mengambil Keluarga Malaysia yang tidak aktif bekerja,** Kerajaan akan memberikan insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30 peratus bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan bergaji 1,500 ringgit ke atas.

**62.** Selain itu, bagi **menggalakkan majikan menyediakan peluang pekerjaan kepada kumpulan tumpuan** seperti OKU, Orang Asli dan banduan pula, Kerajaan akan memberikan insentif sebanyak 30 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 40 peratus bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan bergaji 1,200 ringgit ke atas. Bagi **menggalakkan wanita kembali bekerja,** insentif ini turut dipanjangkan kepada majikan yang menggaji golongan wanita tidak bekerja melebihi 365 hari, ibu tunggal dan suri rumah.

**63.** Selanjutnya, inisiatif *Malaysia Short-term Employment Programme* atau **MySTEP** akan diteruskan dengan menawarkan 80 ribu peluang pekerjaan secara kontrak merangkumi 50 ribu pekerjaan dalam sektor awam dan 30 ribu pekerjaan dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan mulai Januari 2022.

**64.** Bajet ini turut menyasarkan 220 ribu pelatih untuk menjalani pelbagai **program latihan dan peningkatan kemahiran** dengan peruntukan keseluruhan 1.1 bilion ringgit. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah program *place and train* iaitu latihan dengan jaminan pekerjaan. Program peningkatan kemahiran dengan kerjasama industri turut dipergiat dengan keutamaan kepada kemahiran digital seperti contoh program *Global Online Workforce* (atau GLOW) di bawah MDEC.

**65.** Contohnya Puan Zeti Haiza, pengurus di sebuah agensi pelancongan di Melaka. Tanpa pelancong dari luar negara, pendapatannya terjejas. Melalui program latihan GLOW oleh MDEC, Puan Zeti menceburkan diri secara *freelancing* di platform dalam talian untuk menjana pendapatan dari rumah sekali gus boleh menawarkan perkhidmatannya ke luar negara.

**66.** Berdasarkan keberhasilan pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran di bawah Belanjawan 2021, lebih 85 peratus daripada pelatih telah ditawarkan peluang penempatan

pekerjaan. Diharapkan melalui pelaksanaan inisiatif JaminKerja serta langkah pemulihan ekonomi dapat **menurunkan kadar pengangguran negara kepada 4 peratus** dan mencapai tahap guna tenaga penuh.

**67.** Sebagai usaha menggalakkan Keluarga Malaysia mengikuti program latihan serta menceburi bidang baharu, **pelepasan cukai bagi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran** atau kemajuan diri dinaikkan daripada 1,000 kepada 2,000 ringgit sehingga 2023. Selain itu, kepada yang mengambil kursus dengan badan-badan profesional yang diluluskan, mereka layak mendapat pelepasan cukai ke atas yuran sehingga 7,000 ringgit. Kursus profesional yang diluluskan antaranya merangkumi bidang perakaunan, kewangan serta yang berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (atau ESG).

**68.** Kerajaan juga bercadang melanjutkan potongan cukai dua kali kepada syarikat yang memberi biasiswa kepada pelajar institusi pengajian tinggi dan diperluas kepada semua bidang pengajian.

### **Inisiatif 5: Perlindungan Sosial**

Datuk Yang di-Pertua,

**69.** Krisis pandemik ini telah membuktikan bahawa sistem perlindungan sosial perlu diperkukuh dan diberi keutamaan buat semua. Maka, Kerajaan ini komited untuk meneruskan pelbagai dasar dan program perlindungan bagi manfaat Keluarga Malaysia yang memerlukan.

**70.** Di bawah **Program Baucar Perlindungan Tenang**, penerima bantuan B40 layak menerima baucar 50 ringgit sebagai bantuan kewangan untuk membeli produk Perlindungan Tenang termasuk takaful hayat dan kemalangan diri. Untuk tahun hadapan, inisiatif ini akan diteruskan dengan nilai baucar ditingkatkan kepada 75 ringgit. Sebagai tambahan, baucar ini juga boleh **digunakan untuk membeli polisi insurans komprehensif bagi motosikal 150cc ke bawah mulai 1 Januari 2022**. Diharapkan dengan peluasan skop perlindungan ini, kumpulan

B40 terutamanya yang menunggang motosikal untuk mencari rezeki akan memperoleh manfaat daripadanya.

**71.** Selanjutnya, Kerajaan juga bercadang untuk memberikan **pegecualian duti setem kepada produk Perlindungan Tenang serta produk insurans atau takaful** dengan nilai premium atau sumbangan tidak melebihi 150 ringgit bagi individu dan 250 ringgit bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (atau PMKS).

**72.** Setakat 30 September 2021, **mySalam** sebagai skim insurans perubatan khas untuk B40 telah membayar tuntutan berkaitan hospitalisasi dan penyakit kritikal sebanyak lebih 180 juta ringgit kepada 125 ribu pesakit. Di samping itu, 229 ribu individu juga telah menerima pampasan disebabkan COVID-19 dengan nilai keseluruhan 115 juta ringgit. Pada tahun ini, skop mySalam telah diperluas meliputi tuntutan kos peranti perubatan seperti stent untuk jantung. Bagi tahun hadapan, skim MySalam akan diperluas kepada penerima BKM dan manfaat tuntutan kos peranti perubatan juga akan dipanjangkan kepada anak tanggungan penerima mySalam yang layak.

**73. Inisiatif i-Saraan** dilaksanakan bagi menggalakkan pekerja sektor informal menabung untuk hari persaraan melalui caruman KWSP. Melalui inisiatif ini, Kerajaan mencarum sebanyak 15 peratus daripada caruman sukarela yang dibuat oleh pekerja sektor informal, terhad kepada maksimum 250 ringgit setahun. Bagi tahun 2022, Kerajaan akan meluaskan penerima manfaat inisiatif ini untuk turut merangkumi mereka yang berumur antara 55 sehingga 60 tahun. Sejumlah 30 juta ringgit disediakan untuk memanfaatkan lebih 100 ribu peserta sedia ada dan baharu.

**74.** Bagi memberi perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu melalui caruman ke KWSP dan PERKESO, Kerajaan menyediakan 80 juta ringgit di bawah **Program Kasih Suri Keluarga Malaysia** khusus untuk manfaat mereka hingga umur 55 tahun.

**75.** Pada tahun ini, Kerajaan telah meluaskan liputan perlindungan sosial negara di bawah PERKESO untuk turut **mencarum bagi pekerja sendiri dan sektor informal**. Bagi

tahun hadapan, inisiatif ini diteruskan dengan nilai caruman 80 peratus dan meluaskan manfaatnya kepada 9 kategori pekerja sendiri baharu antaranya petani, nelayan, penjaja, artis, ejen pelancongan dan petugas Pemulihan Dalam Komuniti. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan lebih 810 ribu pekerja sendiri.

**76.** Puan Ch'ng Pui Peng dan suaminya yang tinggal di Perak, telah hilang mata pencarian. Selain menyara seorang anak, beliau turut menjaga ibunya yang sudah tua. Sepanjang tempoh mencari peluang kerja baharu, beliau telah diberikan Elaun Mencari Kerja Tambahan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan. Wang yang diperolehi, beliau belanjakan sebaiknya untuk menyara keluarga sementara menunggu pekerjaan tetap. Syukur, Puan Ch'ng kini telah kembali bekerja sejak Oktober lalu. Oleh itu, dalam terus membantu individu yang aktif mencari pekerjaan, Kerajaan akan **meneruskan pemberian Elaun Mencari Pekerjaan** Tambahan kepada pencarum dan bukan pencarum PERKESO.

**77.** Sejak penularan wabak COVID-19, ribuan Keluarga Malaysia yang kehilangan punca pendapatan akibat kematian suami, isteri atau ibu bapa telah menerima faedah pencen penakat di bawah PERKESO. Bagi tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk **meningkatkan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan daripada 475 kepada 550 ringgit** yang akan membantu 56 ribu isi rumah. Selain itu, inisiatif ini diikuti dengan penyelarasan faedah-faedah PERKESO kepada kos sara hidup yang dijangka akan memanfaatkan lebih 400 ribu penerima faedah sedia ada. Dengan peningkatan ini, Kerajaan juga bercadang meningkatkan siling gaji yang diinsuranskan daripada 4,000 kepada 5,000 ringgit untuk menambah baik liputan keselamatan sosial bagi 9 juta pekerja yang dilindungi oleh PERKESO. Secara keseluruhan, inisiatif ini akan melibatkan penambahan faedah PERKESO yang berjumlah 267 juta ringgit.

**78.** Kerajaan bercadang untuk meluaskan pelepasan cukai sehingga 4,000 ringgit kepada pencarum KWSP meliputi caruman secara sukarela seperti mereka yang bekerja sendiri dalam sektor gig.

**79.** Akhir sekali, untuk terus menggalakkan pekerja swasta mencarum dengan PERKESO dan melindungi mereka yang kehilangan pekerjaan, had pelepasan cukai dinaikkan daripada

250 kepada 350 ringgit dan skop pelepasan bagi caruman PERKESO turut diperluas meliputi caruman pekerja melalui Sistem Insurans Pekerjaan.

## **Strategi 2:** Membangun Sebuah Keluarga Malaysia

Datuk Yang di-Pertua,

**80.** Strategi kedua adalah untuk **Membangun Sebuah Keluarga Malaysia**. Apakah maknanya Keluarga Malaysia tanpa inisiatif menyeluruh buat segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, usia, jantina dan wilayah.

## **Inisiatif 1:** Pembangunan Bumiputera dan Syiar Islam

**81.** Bajet 2022 memastikan **agenda pemerksaan Bumiputera** terus diberi keutamaan dalam usaha untuk merapatkan jurang antara kaum di negara ini. Untuk itu, sejumlah 11.4 bilion ringgit disediakan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah payung pembangunan Bumiputera.

**82.** Daripada jumlah tersebut, 6.6 bilion ringgit disediakan bagi **kemudahan pendidikan buat anak-anak Bumiputera** antaranya di bawah MARA, UiTM dan Yayasan Peneraju. Peruntukan ini disediakan untuk pinjaman pendidikan, menaik taraf program sijil ke diploma, selain usaha melahirkan profesional dalam kalangan Bumiputera di bidang perubatan, kejuruteraan dan kewangan.

**83.** Manakala, sebanyak 4.8 bilion ringgit pula adalah untuk melaksanakan pelbagai **program peningkatan kapasiti dan pembiayaan perniagaan** di bawah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, TEKUN Nasional dan Dana Kemakmuran Bumiputera.

**84.** Sebagai usaha **meningkatkan penglibatan syarikat anchor dalam membangunkan vendor Bumiputera tempatan**, potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan operasi yang layak dinaikkan daripada sehingga 300 ribu kepada sehingga 500 ribu ringgit dan dilanjutkan bagi tempoh 5 tahun sehingga 31 Disember 2025.

**85.** Akhir sekali, bagi **menggalakkan penyertaan belia Bumiputera dalam melaksanakan projek-projek berskala kecil perolehan Kerajaan**, sebanyak 200 juta ringgit akan disediakan. Sebagai tambahan, Kerajaan melalui CIDB akan mewujudkan *accelerator programme* khusus kepada kontraktor belia G1 hingga G4 melalui kursus peningkatan kapasiti dan *on-the-job training* dengan peruntukan 10 juta ringgit.

Datuk Yang di-Pertua,

**86.** Aspek **pengimarahannya syiar Islam** juga menjadi tumpuan dalam Bajet 2022. Secara keseluruhan, Kerajaan memperuntukkan 1.5 bilion ringgit bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**87.** Di bawah payung pendidikan Islam, Kerajaan akan melaksana inisiatif berikut:

**Pertama:** Membina sebuah **Sekolah Menengah Agama di Wilayah Persekutuan Labuan** dengan kos keseluruhan projek berjumlah 65 juta ringgit;

**Kedua:** **Meluaskan skop pengajaran Takmir** di bawah JAKIM kepada agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan menambah 1,000 orang Guru Takmir; dan

**Ketiga:** Menyalurkan **pemberian khas sekali bayar sebanyak 500 ringgit** untuk manfaat 70 ribu orang Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut, Guru Takmir dan Guru KAFa.

**88.** Kerajaan akan terus memperkasa wakaf sebagai instrumen agihan semula kekayaan bagi pembangunan ekonomi ummah. Bagi melahirkan lebih ramai usahawan tani dan pengusaha industri halal serta membantu mereka sekiranya ditimpa bencana, Kerajaan akan menyalurkan dana permulaan sebanyak 10 juta ringgit bagi memulakan inisiatif **Wakaf Halal PKS, Wakaf Pertanian dan Wakaf Bencana**. Syarikat-syarikat korporat dan individu dialu-alukan untuk mewakafkan harta mereka ke dalam tabung ini.



## **Inisiatif 2: Pembangunan Semua Kaum**

Datuk Yang di-Pertua,

**89.** Selain daripada program-program nasional untuk manfaat semua, sebanyak **200 juta ringgit turut disediakan khusus untuk kaum Cina**. Peruntukan ini antaranya untuk melaksanakan program baik pulih rumah dan kemajuan kampung baru, akses pembiayaan bagi penduduk kampung baru dan Pembiayaan untuk usahawan PKS.

**90.** Bagi **kaum India** pula, **sebanyak 145 juta ringgit disediakan** antaranya untuk melaksanakan program memperkasa sosioekonomi komuniti India di bawah Unit Transformasi Masyarakat India dan dana pembiayaan di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India oleh TEKUN.

**91.** Dalam menggalakkan **anak-anak Sabah dan Sarawak** mendalami ilmu berkaitan budaya dan warisan, **sebanyak 10 juta ringgit disediakan** untuk tujuan ini.

**92.** Kepada komuniti **Orang Asli** pula, **sebanyak 274 juta ringgit diperuntukkan**, antaranya bagi melaksanakan Program Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli seperti pemberian subsidi dan bantuan persekolahan serta bantuan kebajikan untuk manfaat hampir 200 ribu Orang Asli. Untuk tahun hadapan, Kerajaan akan menaikkan **kadar wang saku murid sekolah menengah** kepada 4 ringgit sehari.

**93.** Bagi mendokong agenda perpaduan dan budaya sukarela di peringkat komuniti, Kerajaan menyediakan **geran 6,000 ringgit untuk setiap Kawasan Rukun Tetangga (atau KRT)**. Lebih 8,000 KRT akan menerima manfaat daripada geran ini dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit.

**94.** Kerajaan juga memperuntukkan 50 juta ringgit bagi kerja-kerja **pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat** di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan ini turut merangkumi pelaksanaan aktiviti-aktiviti komuniti dengan kerjasama pengurusan rumah ibadat dan penduduk setempat.

### Inisiatif 3: Pembangunan Wanita

Datuk Yang di-Pertua,

**95.** Bila kita sebut perihal seorang yang bernama wanita, merekalah insan yang begitu istimewa dan patut dihargai sebagai pasangan kita dunia akhirat. Kaum wanita, jika diberi peluang dan ruang, boleh menjadi daya penggerak utama produktiviti dan ekonomi negara. Kita seharusnya memastikan kaum wanita dapat memenuhi potensi mereka dalam menyumbang kepada kesejahteraan kita bersama.

**96.** Sumbangan wanita dalam ekonomi tidak pernah dinafikan malah perlu diperkukuh. Buat masa ini, golongan wanita memegang 25 peratus daripada komposisi ahli lembaga pengarah bagi 100 syarikat awam utama. Namun, masih terdapat 27 peratus atau 252 syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang belum mempunyai komposisi pengarah wanita. Bagi mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan dan memperkukuh kepimpinan serta keberkesanan lembaga pengarah, Kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti akan **mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senarai awam.** Cadangan ini dijangka berkuat kuasa pada 1 September 2022 bagi syarikat bermodal besar dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain.

**97.** Selain itu, Kerajaan juga menyediakan 5 juta ringgit kepada **Yayasan Kepimpinan Wanita** bagi merencanakan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi melalui antaranya latihan kepimpinan muda dan program keusahawanan.

**98.** Bagi membantu usahawan wanita yang turut terkesan akibat COVID-19 serta sebagai langkah meningkatkan kapasiti perniagaan mereka, sejumlah 230 juta ringgit dana pembiayaan akan disediakan antaranya melalui **Program DANANITA di bawah MARA dan TEKUNITA di bawah TEKUN.**

**99.** Kerajaan juga akan melaksanakan **Program MyKasih Kapital** untuk menggalakkan wanita menjana pendapatan dari rumah. Insentif dalam bentuk bantuan asas modal perniagaan akan diberikan di samping program bimbingan bagi

menggalakkan perniagaan secara dalam talian. 5,000 peserta termasuk 2,000 ibu tunggal akan meraih manfaat daripada program ini.

**100.** Bagi menambah baik sistem sokongan sedia ada buat kaum ibu berkerjaya, 30 juta ringgit disediakan untuk menyediakan **kemudahan taska di bangunan-bangunan Kerajaan**, terutamanya di hospital dan universiti awam. Kerajaan juga menggalakkan majikan sektor swasta untuk pengaturan kerja fleksibel serta menyediakan kemudahan taska di pejabat. Untuk itu, selain insentif cukai, Kerajaan turut akan meminda garis panduan bagi membenarkan taska beroperasi di aras melebihi tingkat 1 pejabat.

**101.** Sebagai mengiktiraf wanita berkerjaya yang menguruskan anak-anak mereka ketika waktu bekerja, Kerajaan bercadang untuk **melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga 3 ribu ringgit bagi bayaran yuran taska dan tadika** sehingga tahun taksiran 2023.

**102.** Kita harus akui pada tangan suri kita, tersemat keringat yang menghayun buaian, yang memupuk dan sama menyumbang kepada kehidupan. Namun, kadangkala ada pula tangan-tangan lain yang tidak mengerti perjuangan seorang ibu, isteri, dan puteri sehingga tergamak berkelakuan tidak manusiawi. Ini tidak sepatutnya berlaku.

**103.** Oleh itu, dalam perjuangan menoktahkan kerakusan ini, Kerajaan bersedia untuk memperuntukkan 13 juta ringgit khas untuk **memperkasa Bahagian D11 Polis Diraja Malaysia** bagi **Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak**, termasuk pewujudan 100 perjawatan baharu. Di samping itu, program kesedaran komuniti berhubung keganasan terhadap wanita di seluruh negara melalui **Skwad WAJA** akan dilaksanakan.

**104.** Selain itu, bagi melindungi kebajikan lebih ramai mangsa keganasan rumah tangga, Kerajaan juga akan **menambah Pusat Sokongan Sosial Setempat** serta bekerjasama dengan NGO untuk meningkatkan bilangan **Rumah Perlindungan Khas Wanita**.

**105.** Aspek kesihatan dan kebersihan diri remaja wanita amat penting dalam mengurangkan sebarang risiko kesihatan dan keciciran di sekolah. Timbalan saya, YB Paya Besar dalam sebuah

sesi libat urus telah mengenal pasti satu isu serius. Dianggarkan 130 ribu remaja wanita dari keluarga B40 di Malaysia tidak mendapat akses kepada produk kebersihan seperti tuala wanita atas sebab kekangan kewangan. Oleh itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia akan **mengedarkan secara percuma kit asas kebersihan diri** setiap bulan kepada 130 ribu remaja wanita golongan B40. Di samping itu, kempen dan pendidikan kesihatan reproduktif juga akan terus dijalankan di sekolah-sekolah dengan kerjasama pihak NGO.

**106.** Selanjutnya, berhubung segmen kesihatan wanita juga, sejumlah lebih 11 juta ringgit disediakan sebagai **subsidi ujian mammogram** kepada wanita berisiko tinggi dan melaksanakan **ujian saringan kanser serviks** kepada wanita.

#### **Inisiatif 4: Pembangunan Komuniti Tumpuan**

Datuk Yang di-Pertua,

**107.** Kerajaan ini akan terus giat melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan memelihara kebajikan komuniti tumpuan, terutamanya melibatkan warga emas, kanak-kanak, OKU dan lain-lain.

**108.** Menjelang tahun 2030, Malaysia bakal dikategorikan sebagai negara menua. Bagi **memastikan setiap warga emas yang memerlukan mendapat sokongan berterusan**, Bajet ini menyediakan lebih 635 juta ringgit khusus untuk bantuan kebajikan, institusi penjagaan dan pusat aktiviti warga emas.

**109.** Aspek **keselamatan kanak-kanak** adalah penting lebih-lebih lagi ketika kita sedang berada di jalan raya untuk menuju ke suatu destinasi. Bagi memastikan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kereta, Kerajaan akan mensubsidi 50 peratus atau sehingga 150 ringgit untuk pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak oleh keluarga B40. Sejumlah 30 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini dan bakal memanfaatkan 188 ribu keluarga B40.

**110.** Selanjutnya, aspek kesihatan kanak-kanak juga perlu dititikberatkan. Masalah kurang zat terutamanya dalam kalangan kanak-kanak miskin bandar sangat membimbangkan. Bagi tahun hadapan, Kerajaan menyediakan 24 juta ringgit bagi:

**Pertama:** Meluaskan **Program Community Feeding** kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin bandar di Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan sasaran untuk menyediakan makanan tambahan lima kali seminggu kepada 100 kanak-kanak berusia 1 hingga 6 tahun;

**Kedua:** Meluaskan skop penerima bantuan **Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan** bagi manfaat lebih 1,100 kanak-kanak; dan

**Ketiga:** Menubuhkan **Bank Susu Ibu untuk bayi pramatang di Neonatal Care Unit** melibatkan hospital di Pulau Pinang, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Datuk Yang di-Pertua,

**111.** Kebajikan golongan OKU tidak pernah dilupakan. Bagi tahun hadapan, Kerajaan menyediakan peruntukan khusus 30 juta ringgit bagi **menaik taraf infrastruktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU**. Peruntukan ini antaranya untuk menyediakan lebih banyak laluan khas bagi kegunaan golongan cacat penglihatan.

**112.** Selain itu, 10 juta ringgit juga diperuntukkan untuk Pusat Latihan Berkahari serta sebuah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Kerajaan bagi melaksanakan **program latihan dan bimbingan ajar kepada golongan OKU**.

**113.** Bagi memastikan tempat buat anak muda OKU menceburi bidang pekerjaan, Kerajaan akan menyediakan **kuota khas sebanyak 1 peratus untuk program MyStep** kepada golongan OKU.

**114.** Mungkin tidak ramai yang mengenali gerangan Puan Tan Lee Bee, Khairunnisa Kho Abdullah, Wan Zuraidah Abu dan Goh Soo Leng. Merekalah sebenarnya yang berjasa sebagai jurubahasa

isyarat yang sering kita lihat di sudut kaca televisyen. Bagi meningkatkan akses terhadap media di samping membolehkan golongan OKU cakna dengan berita semasa dan informasi terkini, dengan bantuan BERNAMA, **semua rangkaian TV termasuk saluran swasta akan menyediakan jurubahasa isyarat** dalam penyampaian berita mereka.

**115.** Bagi tahun hadapan, Kerajaan bersetuju untuk menanggung sepenuhnya **bayaran Lesen Kenderaan Motor** kepada semua kenderaan persendirian yang dimiliki oleh OKU. Harapnya, ini sedikit sebanyak meringankan kos sara hidup golongan OKU.

**116. Program Pemulihan Dalam Komuniti** merupakan antara medium intervensi awal untuk anak-anak kurang upaya meningkatkan kemahiran diri dan menceburi pekerjaan. Setakat ini, USM merupakan universiti pertama yang melaksanakan program ini. Tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk meluas pelaksanaannya ke universiti-universiti awam lain.

#### **Inisiatif 5: Pembangunan Belia dan Sukan**

Datuk Yang di-Pertua,

**117.** Pemuda-pemudi belia negara ialah penentu pada jatuhan banggunya negara ini. Pendedahan kepada alam pekerjaan amat penting untuk mereka berhadapan dengan dunia sebenar yang kian mencabar. Sejak 2019, Kerajaan telah mula membayar elaun sebanyak 900 ringgit kepada pelajar yang menjalani program latihan industri. Oleh itu, saya **menyeru agar pihak swasta turut memberi elaun sekurang-kurangnya 900 ringgit** atas khidmat pelajar tersebut.

**118.** Selain itu, Kerajaan akan menyediakan **insentif kepada majikan yang menggaji perantis** lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun sebanyak 900 ringgit sebulan bagi tempoh enam bulan; iaitu meningkat berbanding 800 ringgit sebelum ini.

**119.** Bagi belia yang menceburi bidang keusahawanan pula, pelan pembiayaan sebanyak 150 juta akan disediakan di bawah Bank Simpanan Nasional dan Agrobank.

- 120.** Kerajaan bercadang untuk **melanjutkan galakan cukai bagi Program Latihan Industri Berstruktur** sehingga tahun taksiran 2025 dan turut diperluas kepada pelajar di peringkat Ijazah Sarjana, Sijil Profesional serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2.
- 121.** Bagi memupuk budaya transaksi tanpa tunai di premis perniagaan, Kerajaan memperkenalkan **program e-Start** iaitu sebuah Skim Transaksi Tanpa Tunai. e-Start akan mengkreditkan 150 ringgit secara *one-off* ke dalam akaun e-dompet para belia berumur 18 hingga 20 tahun dan juga pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi. Dengan peruntukan 300 juta ringgit, Kerajaan berharap lebih 2 juta belia yang menerima manfaat daripada program ini dapat menggunakan sebaiknya melalui pembelian berguna seperti buku dan kelengkapan pembelajaran.
- 122.** Lagu Negaraku, yang berkumandang di bumi Tokyo menandakan kejayaan atlet kita merangkul pingat emas di Kejohanan Paralimpik Tokyo. Tahniah diucapkan khususnya kepada Bonnie Bunyau Gustin, Cheah Liek Hou dan Abdul Latif Romly serta seluruh kontinjen negara atas pencapaian membanggakan ini. Menjelang Paralimpik Paris 2024, kejayaan yang lebih besar pastinya menjadi sasaran. Bagi **memperkasa Sukan OKU**, 10 juta ringgit diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negara khusus untuk meningkatkan program latihan atlet OKU dan melaksanakan Liga Sukan OKU.
- 123.** Dalam konteks yang lebih luas, Bajet ini turut menyediakan 159 juta ringgit bagi **membina, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan sukan** di seluruh negara. Peruntukan ini antaranya untuk memulakan pembinaan sebuah stadium di Bukit Merbau, Pasir Putih, Kelantan merangkumi pelbagai fasiliti sukan seperti gelanggang hoki, lapang sasaran menembak dan pusat akuatik.
- 124.** Bagi memastikan rakyat kembali aktif selaras pemulihan pasca-COVID 19, Kerajaan akan memperuntukkan 50 juta ringgit bagi melaksanakan program seperti **pembudayaan gaya hidup aktif, Fit Forever dan Penganjuran Hari Sukan Negara**.

**125.** E-Sukan kini sudah menjadi fenomena baharu dalam kalangan anak muda dan dilihat mempunyai prospek terbaik pembangunan sukan negara. Bagi merencanakan pertumbuhan e-Sukan, 20 juta ringgit disediakan bagi pembangunan **e-Sukan kebangsaan** termasuk 5 juta ringgit untuk **mewujudkan Pusat Kecemerlangan Sukan Dron.**

**126.** Saya amat gembira apabila membaca berita bahawa terdapat atlet e-Sukan anak tempatan yang berjaya meraih pencapaian cemerlang di kejohanan antarabangsa di Romania baru-baru ini. Kejayaan seperti ini adalah bukti bahawa negara kita mempunyai bakat-bakat muda yang perlu disokong dan digilap. Bagi mengiktiraf pencapaian atlet e-Sukan kelahiran Malaysia yang telah mengharumkan nama negara seperti NothingToSay, xNova, Mushi dan Oli, Kerajaan bercadang untuk **memberikan pengecualian cukai pendapatan ke atas wang hadiah kemenangan kejohanan e-sukan yang layak.**

**127.** Industri sukan juga terjejas akibat pandemik COVID-19. Larangan aktiviti sukan tertentu telah menyebabkan banyak pengusaha fasiliti sukan berdepan cabaran untuk memulakan semula perniagaan mereka setelah ekonomi kembali dibuka. Untuk meringankan keperluan kewangan pengusaha, Bank Simpanan Nasional akan menyediakan **dana pembiayaan** sehingga 50 juta ringgit dengan kadar faedah 0 peratus untuk enam bulan pertama dan moratorium untuk enam bulan.

**Strategi 3:** Membina Kehidupan yang Kondusif

**128.** Strategi ketiga adalah untuk **Membina Kehidupan Yang Kondusif.** Usaha di bawah strategi ini tertumpu kepada meringankan kos sara hidup, menggalakkan pemilikan rumah kediaman, akses kepada kemudahan pengangkutan, pembangunan infrastruktur luar bandar serta pertahanan dan keselamatan awam.

**Inisiatif 1:** Meringankan Kos Sara Hidup

Datuk Yang di-Pertua,

**129.** Secara keseluruhan, Kerajaan menyediakan lebih **31 bilion ringgit khusus untuk subsidi, bantuan dan insentif bagi Bajet 2022.** Peruntukan ini adalah untuk meminimumkan kesan



peningkatan kos sara hidup rakyat melibatkan kawalan harga barang dan perkhidmatan.

**130.** Bagi memastikan kawasan luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak, mendapat barangan keperluan asas seperti LPG dan petrol pada harga yang berpatutan, Kerajaan memperuntukkan 200 juta ringgit untuk **membiayai kos pengangkutan dan pengedaran barangan asas ke kawasan luar bandar.**

**131.** Kerajaan amat memahami kekangan kewangan yang dihadapi oleh rakyat akibat PKP yang berpanjangan, terutamanya dari segi pengurusan aliran tunai. Untuk menambah wang dalam tangan kepada rakyat, **KWSP akan melanjutkan tempoh pengurangan kadar caruman minimum KWSP daripada 11 kepada 9 peratus** sehingga Jun 2022 melibatkan anggaran nilai 2 bilion ringgit.

**132.** Untuk mengurangkan kos pemilikan kenderaan, Kerajaan juga akan **melanjutkan 100 peratus pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang CKD dan 50 peratus ke atas CBU** termasuk MPV dan SUV selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022.

## **Inisiatif 2: Pemilikan Rumah Kediaman**

Datuk Yang di-Pertua,

**133.** Setiap daripada Keluarga Malaysia berhak memiliki rumah kediaman sebagai keperluan kehidupan. Untuk itu, Kerajaan akan meneruskan **projek-projek perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan rendah** dengan nilai keseluruhan 1.5 bilion ringgit. Peruntukan ini antaranya bagi meneruskan program-program rumah mesra rakyat dan bantuan menyelenggara perumahan rakyat. Pada masa yang sama, Kerajaan tidak lagi mengenakan **Cukai Keuntungan Harta Tanah** bagi pelupusan oleh individu warganegara, pemastautin tetap dan selain syarikat mulai tahun ke enam dan ke atas.

**134.** Saya mendengar keluhan pekerja gig, pengusaha kecil dan petani yang sukar membeli rumah kerana tiada pendapatan tetap sehingga menyebabkan mereka sukar mendapatkan pinjaman perumahan. Ada antara mereka yang sebenarnya mempunyai

keupayaan untuk membayar balik pinjaman tetapi tiada bukti pendapatan tetap. Untuk tahun hadapan, bagi membantu kumpulan ini membeli rumah, Kerajaan menyediakan jaminan sehingga 2 bilion ringgit kepada bank melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan** untuk memberi akses pembiayaan kepada golongan ini membeli rumah.

### **Inisiatif 3: Akses Kemudahan Pengangkutan**

Datuk Yang di-Pertua,

**135.** Penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak ada yang terpaksa menempuh jalan balak dan memakan masa berjam-jam untuk mendapatkan perkhidmatan di pekan berdekatan. Kerajaan memahami kesukaran yang dihadapi oleh mereka seperti penduduk di Kudat dan Long Pasiah di Sabah serta Ba'kelalan dan Bario di Sarawak. Oleh itu, bagi tahun hadapan, Kerajaan akan terus **memberikan subsidi sebanyak 209 juta ringgit bagi perkhidmatan pengangkutan udara** untuk manfaat penduduk setempat.

**136.** Saya tertarik dengan perkhidmatan tren yang kini sedang tular iaitu '*Train to Dabong*'. Dabong di Kuala Krai, Kelantan memang merupakan kawasan tumpuan bagi akitiviti ekopelancongan dan harga tambang tiket kereta api untuk ke sana juga adalah berpatutan. Perkhidmatan tren KTMB sememangnya sentiasa penuh pada hujung minggu. Pada hari-hari biasa pula, kebanyakan penumpang merupakan murid-murid sekolah. Mereka kini menerima manfaat di bawah **inisiatif Pas MyRail5** yang cuma berharga 5 ringgit sebulan untuk perjalanan tanpa had. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan pemberian **subsidi bagi menampung sebahagian kos operasi perkhidmatan tren kurang ekonomik** di luar bandar terutamanya di wilayah timur dan meneruskan inisiatif Pas MyRail5 untuk manfaat murid sekolah.

**137.** Selain inisiatif ini, Kerajaan juga menyediakan 80 juta ringgit sebagai **Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti** untuk manfaat pengendali bas henti-henti dan 115 juta ringgit bagi inisiatif **pas perjalanan bas dan rel tanpa had dengan harga 50 ringgit sebulan untuk pengguna terutamanya di Lembah Klang**.

#### **Inisiatif 4: Infrastruktur Luar Bandar**

Datuk Yang di-Pertua,

**138.** Kerajaan akan terus menambah baik aspek kesejahteraan penduduk luar bandar dalam usaha **mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah**. Bagi tahun hadapan, lebih 2.5 bilion ringgit disediakan bagi melaksanakan pelbagai program berikut:

**Pertama:** Hampir 1.5 bilion ringgit untuk **projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa** sepanjang 519 kilometer bagi manfaat lebih 130 ribu penduduk setempat;

**Kedua:** 382 juta ringgit bagi **bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif** dengan sasaran 4,800 buah rumah;

**Ketiga:** 485 juta ringgit untuk **bekalan elektrik luar bandar** dengan sasaran lebih 2,100 buah rumah; dan

**Keempat:** 107 juta ringgit bagi memasang 7 ribu unit **Lampu Jalan Kampung**, menyelenggara lebih 500 ribu unit Lampu Jalan Kampung dan menaik taraf 20 buah jambatan uzur serta kerja-kerja awalan bagi 30 buah jambatan baharu.

**139.** Daripada keseluruhan peruntukan ini, sebahagian besar iaitu 1.5 bilion ringgit disediakan untuk **pembangunan infrastruktur luar bandar Sabah dan Sarawak**.

#### **Inisiatif 5: Pertahanan & Ketenteraman Awam**

Datuk Yang di-Pertua,

**140.** Kemakmuran ekonomi tidak akan tercapai tanpa negara yang aman dan damai. Bagi tahun hadapan, Bajet ini menyediakan peruntukan kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri masing-masing sebanyak 16 bilion dan 17 bilion ringgit.

**141.** Antaranya sejumlah 1.6 bilion ringgit diperuntukkan untuk mempertingkatkan **kesiagaan aset-aset utama Angkatan Tentera Malaysia**. Peruntukan ini turut melibatkan 14 juta ringgit bagi mengganti peralatan utama PASKAL dan PASKAU seperti payung terjun, alat selam litar tertutup dan bot.

**142. Kebajikan anggota-anggota polis dan tentera** kita juga tetap menjadi keutamaan. Bagi tahun hadapan, 230 juta ringgit disediakan untuk kerja-kerja menyelenggara sekolah dalam kem tentera, fasiliti ketenteraan dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera. Peruntukan ini turut melibatkan penggantian dan pembaikan lif serta kuarters PDRM.

**143.** Ke arah memperkukuh kedaulatan negara, Kerajaan akan **menambah lapang pos kawalan Pasukan Gerakan Am** antaranya di Pagalungan di Sabah dan Temong Mura di Sarawak bagi meningkatkan kawalan keselamatan sempadan yang berterusan oleh anggota penguatkuasaan. Selain itu, Kerajaan juga akan **menambah empat pintu masuk imigresen baharu** antaranya di Telok Melano dan Baleh, Sarawak bagi memenuhi keperluan peningkatan pergerakan melalui imigresen susulan perubahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan dan pembukaan Lebuhraya Pan Borneo jajaran Telok Melano.

**144.** Dalam menghadapi musim banjir Monsun Timur Laut, **kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara** adalah amat penting. Bagi tahun 2022, peruntukan sebanyak 100 juta ringgit disediakan, antaranya bagi meringankan beban mangsa banjir melalui pemberian Kit Makanan.

**145.** Selanjutnya, Kerajaan akan melaksanakan inisiatif **Malaysian Incentive Community Empowerment** melalui pemberian geran sehingga 10 ribu ringgit kepada 2,000 pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dalam kategori Kebajikan, Sosial, Keselamatan dan Hak Asasi. Inisiatif ini melibatkan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit.

## Fokus Kedua: Perniagaan Yang Berdaya Tahan

Datuk Yang di-Pertua,

**146.** Daripada secekal-cekal peniaga kecil hinggalah sebesar syarikat multinasional, semua segmen perniagaan menerima impak langsung daripada krisis COVID-19. Misalnya, dilaporkan bahawa lebih 37 ribu perniagaan PKS telah ditutup semenjak krisis ini bermula. Dalam meminimum kesan ini, Kerajaan telah umumkan pelbagai inisiatif melalui pakej-pakej bantuan dan rangsangan bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

**147.** Dengan kebanyakan sektor ekonomi kini kembali beroperasi, permintaan domestik dijangka memulih. Namun, masih terdapat sebilangan segmen ekonomi yang terjejas teruk, memerlukan sokongan untuk bangkit semula dan membina daya tahan. Maka, fokus kedua iaitu **Perniagaan Yang Berdaya Tahan** akan menumpukan kepada strategi untuk mengembalikan keupayaan perniagaan melalui akses kepada pembiayaan, memacu pelaburan strategik dan memulih sektor-sektor tumpuan.

**Strategi 1:** Mengembali Keupayaan Perniagaan

**148.** Dalam **mengembali keupayaan perniagaan** sebagai strategi pertama, Kerajaan sebagai pemudah cara akan memperbanyak akses pembiayaan kepada sektor perniagaan, terutamanya untuk pengusaha PMKS dan sektor informal. Berdasarkan sesi libat urus yang telah saya hadiri dengan pelbagai pihak, akses kepada kemudahan pembiayaan kerap kali dibangkitkan, baik oleh usahawan kecil, mahupun syarikat besar.

**149.** Untuk itu, bagi tahun 2022, pakej pembiayaan dengan nilai keseluruhan berjumlah 40 bilion ringgit disediakan di bawah **Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia** (atau SemarakNiaga). Skim pembiayaan ini merangkumi pinjaman langsung, jaminan pembiayaan dan suntikan ekuiti dengan sasaran untuk memanfaatkan setiap golongan usahawan tidak kira perusahaan mikro ataupun syarikat tersenarai awam.

## Inisiatif 1: Skim Kredit Mikro

**150.** Tahun depan, pembiayaan kredit mikro bernilai hampir 1.8 bilion ringgit akan disediakan melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, Agrobank, BSN, Bank Rakyat dan Bank Negara Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri peka akan perlunya akses kepada pembiayaan tanpa faedah disediakan terutamanya bagi membantu para peniaga kecil.

**151.** Dengan itu, **Skim Pembiayaan Informal dan Mikro** di bawah TEKUN akan menawarkan pinjaman sehingga 10 ribu ringgit pada kadar faedah 0 peratus berserta moratorium selama 12 bulan dengan keutamaan diberi kepada peniaga sektor informal dan mikro. Selain itu, **BSN dan Agrobank juga akan menawarkan pinjaman mikro sehingga 75 ribu ringgit** pada kadar 0 peratus untuk enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

**152.** Menyedari kepentingan sumbangan gerakan koperasi, Kerajaan akan meneruskan **Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi** (TRANSFER) dengan peruntukan sebanyak 10 juta ringgit bagi memulihkan aktiviti koperasi yang terjejas. Di samping itu, dana sebanyak 30 juta ringgit akan disediakan untuk Program **Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi**. Pasa masa sama, bagi menyokong aktiviti perniagaan oleh koperasi, program seperti penyediaan tapak perniagaan *food truck* di kawasan bandar utama akan dilaksanakan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**153.** Kerajaan juga menyokong perluasan **program I-TEKAD**, iaitu sebuah program kewangan sosial yang menawarkan modal permulaan, kredit mikro dan latihan kemahiran kepada usahawan mikro dengan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit.

## Inisiatif 2: Pembiayaan Perniagaan dan Pembiayaan Alternatif

Datuk Yang di-Pertua,

**154.** Untuk syarikat yang berdaya maju namun mempunyai kekangan mendapatkan dana baharu kerana terjejas oleh situasi semasa, Kerajaan dan institusi kewangan telah merangka suatu

pembiayaan bentuk baharu yang lebih anjal bagi membolehkan syarikat mempunyai lebih keupayaan untuk memulihkan perniagaan.

**155.** Satu perkembangan menarik sewaktu pandemik ini ialah peningkatan pesat dalam pembiayaan melalui kaedah *equity crowd funding* dan *peer-to-peer financing*, iaitu lebih 1.3 bilion ringgit dana diperolehi melalui kaedah-kaedah ini sejak tempoh pandemik bermula. Makanya, bentuk pembiayaan sebegini akan terus disokong dengan peruntukan 80 juta ringgit secara geran padanan untuk Malaysia Coinvestment Fund, tambahan kepada pelaburan oleh BPMB sebanyak 100 juta ringgit.

**156.** Bagi membantu syarikat yang berdepan masalah *gearing* atau leveraj, kaedah pendanaan bernilai 2.1 bilion ringgit melalui pelaburan ekuiti dan *quasi-equity* akan diperkenalkan. Kaedah ini akan diterajui oleh SME Bank dengan kerjasama TERAJU dan BSN dengan dana bernilai 600 juta ringgit dan terbuka kepada semua terutamanya usahawan Bumiputera. Selain itu, BPMB juga akan menawarkan Skim RESET (atau *Rehabilitation and Support Through Equity*) dan BNM juga menyediakan *Business Recapitalisation Fund* bernilai 1 bilion ringgit untuk tujuan yang sama.

**157.** Secara keseluruhan, sejumlah 14.2 bilion ringgit dana tersedia untuk PKS. Untuk ketersediaan dana yang berterusan, dana khas BNM terutamanya *Targeted Relief and Recovery Facility* telah ditingkatkan sebanyak 2 bilion ringgit dan menjadikan jumlah ketersediaan pelbagai dana PKS BNM pada masa ini sebanyak 11.2 bilion ringgit. Selain itu, institusi kewangan seperti SME Bank, PUNB, BPMB, AgroBank, MIDF dan MARA turut menyediakan dana untuk PKS.

**158.** Satu inisiatif khusus untuk membantu syarikat tersenarai di Bursa juga akan diperkenalkan. Inisiatif ini bertujuan membantu syarikat berdaya maju tetapi terkesan akibat pandemik COVID-19 mendapat suntikan dana tambahan melalui **sebuah SPV milik Kerajaan dalam bentuk instrumen ekuiti** atau instrumen lain yang berkaitan. Untuk tujuan ini, Khazanah Nasional Berhad akan diberi mandat bagi membantu Kerajaan menyediakan infrastruktur untuk mentadbir dana bersaiz sekurang-kurangnya 3 bilion ringgit.

### **Inisiatif 3: Jaminan Pembiayaan Perniagaan**

Datuk Yang di-Pertua,

**159.** Sehingga kini, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (atau SJPP) telah memberikan jaminan pembiayaan perniagaan bernilai lebih 46 bilion ringgit kepada lebih 44 ribu syarikat. Ia telah membantu memudahkan PKS mendapat pembiayaan terutamanya dalam tempoh sukar ini. Lantaran itu, SJPP akan ditambah baik dengan menyediakan jaminan untuk pembiayaan yang dijadual dan distruktur semula dengan tambahan had jaminan sebanyak 10 bilion ringgit termasuk 2 bilion ringgit dihaskan untuk bumiputera. Ini akan membantu syarikat mendapatkan pembiayaan baharu yang sebelum ini sukar diperolehi. Untuk mengurangkan kos transaksi, pengecualian duti setem akan diberikan ke atas dokumen transaksi penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan.

### **Inisiatif 4: Kemudahan Menjalankan Perniagaan**

Datuk Yang di-Pertua,

**160.** Untuk memastikan ekonomi dibuka dengan selamat dan mengurangkan risiko penularan virus COVID-19, pematuhan kepada SOP terutamanya di tempat kerja adalah amat penting.

**161.** Oleh itu, bagi kerja-kerja mengubah suai fasiliti perniagaan supaya mematuhi keperluan SOP seperti pengudaraan serta ruang duduk pelanggan dan pekerja, Kerajaan bercadang untuk **melanjutkan potongan cukai ke atas kos pengubahsuaian dan pembaharuan premis sehingga 300 ribu ringgit sehingga 31 Disember 2022.**

**162.** Selanjutnya, bagi syarikat yang berdaftar di bawah **Safe@Work**, potongan cukai tambahan sehingga 50 ribu ringgit ke atas perbelanjaan sewaan premis penginapan pekerja akan dilanjutkan untuk satu tahun lagi.

**163.** Bagi menambah **peluang penyertaan dalam perolehan Kerajaan**, syarat keperluan pendaftaran akan dipermudah. Syarikat yang pertama kali mendaftar sijil pendaftaran perniagaan



MOF, dikenakan bayaran cuma 150 ringgit berbanding 450 ringgit sebelum ini. Sebagai tambahan, syarikat yang beroperasi daripada premis perniagaan jenis SOHO, *shared partition* dan *co-working space* juga dibenarkan mendaftar.

**164.** Untuk memberi kemudahan kepada pelawat perniagaan dan pelabur, sebuah ***Business Travellers Center*** telah dibuka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Pusat ini memudahkan ketibaan Pelawat Perniagaan Jangka Pendek yang dikecualikan daripada menjalani kuarantin wajib tertakluk kepada pematuhan SOP yang ketat. Tahun hadapan, sebuah pusat sehenti yang sama akan disediakan di Johor untuk Pelawat Perniagaan Jangka Pendek dari Singapura dengan kos 10 juta ringgit.

**165.** Setiap kali saya berjumpa dengan usahawan PMKS, mereka yakin bahawa tahun 2022 ialah masa untuk kembali merencanakan ekonomi negara. Namun, setelah dua tahun diselubungi pandemik COVID-19, mereka tetap memerlukan bantuan sebelum boleh bangkit semula sepenuhnya. Oleh itu, Kerajaan mencadangkan beberapa inisiatif berikut:

**Pertama:** Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bagi PMKS selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022;

**Kedua:** Semua perniagaan dibenar membuat pindaan anggaran cukai pendapatan yang kena dibayar dalam bulan ke 11 sebelum 31 Oktober 2022;

**Ketiga:** Potongan cukai khas sehingga Jun 2022 kepada pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang memberikan pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30 peratus; dan

**Keempat:** Kerugian terkumpul yang tidak dapat diserap boleh dibawa ke hadapan untuk tempoh daripada maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut kepada maksimum 10 tahun taksiran berturut-turut.

## Strategi 2: Memacu Pelaburan Strategik

Datuk Yang di-Pertua,

**166.** Kerajaan tetap komited untuk memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik dan dapat memberi kesan limpahan signifikan kepada ekonomi. Strategi kedua pula adalah untuk **memacu pelaburan strategik** dalam sektor-sektor utama dan mengukuhkan pemboleh pertumbuhan.

### Inisiatif 1: Pelaburan Dalam Sektor Utama

**167.** Dana khas pelaburan strategik sehingga 2 bilion ringgit disediakan bagi menarik pelaburan asing strategik dalam kalangan syarikat multinasional, khususnya yang dapat melengkapkan rantaian nilai industri dan memacu penjanaaan pekerjaan berteraskan pengetahuan dan peluang pembangunan PKS tempatan.

**168.** Bagi memperkasa daya pemulihan ekonomi negara, Bajet ini memperuntukkan **25 juta ringgit** untuk meneroka pelaburan berimpak tinggi dan pasaran eksport baharu melalui **Misi Perdagangan dan Pelaburan**.

**169.** Untuk memenuhi keperluan kemahiran terutamanya oleh industri dengan aktiviti nilai tambah tinggi, **80 juta ringgit** akan disediakan melalui MITI bagi melatih 20 ribu pekerja yang **menyokong kluster industri** seperti MRO di Subang, E&E di Kulim dan Kimia di Gebeng. Di samping itu, 50 juta ringgit juga disediakan melalui pusat pembangunan kemahiran negeri, seperti di Sarawak, Johor dan Pulau Pinang, bagi meningkatkan tahap kemahiran TVET untuk 5,000 pekerja dalam bidang seperti kimpalan minyak dan gas, automasi perindustrian dan mekatronik.

**170.** Saya berpeluang bertemu dengan Encik Kamarul Muhamed, pengasas syarikat Aerodyne Group di Cyberjaya dan berasa amat kagum dengan perkembangan syarikat Bumiputera ini. Syarikat Aerodyne telah memulakan operasi pada tahun 2014 dengan hanya tiga orang pekerja sahaja. Pada hari ini, Aerodyne telah berkembang pesat dan dinobatkan sebagai *syarikat* terbesar di dunia *dalam* industri perkhidmatan teknologi dron. Maka,

bagi terus merancakkan penglibatan pemain industri tempatan menceburi bidang ini, **geran padanan bernilai 100 juta ringgit** disediakan untuk syarikat PKS Bumiputera **meneroka peluang perniagaan dalam bidang aeroangkasa.**

**171.** Bagi meningkatkan produktiviti melalui automasi, Kerajaan turut menyediakan 100 juta ringgit sebagai **geran padanan Automasi Pintar** kepada 200 syarikat pembuatan dan perkhidmatan untuk mengautomasikan proses perniagaan mereka.

**172.** Kerajaan juga akan **melanjutkan elaun pelaburan semula (atau EPS) tambahan** selama dua tahun bagi syarikat sedia ada di Malaysia yang telah tamat tempoh kelayakan EPS dan EPS khas. Ini menjadikan tempoh keseluruhan EPS tambahan ini kepada 5 tahun. Langkah ini adalah antara cadangan daripada Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan atau PEMUDAH yang telah dipertimbangkan untuk Bajet 2022. Maka, Kerajaan akan terus meneliti cadangan seumpamanya bagi menambah baik kelancaran urusan perniagaan atau *ease of doing business* demi memacu pelaburan.

**173.** Dalam melahirkan lebih ramai **PMKS Halal** yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa, 25 juta ringgit diperuntukkan kepada Halal Development Corporation untuk melaksanakan pelbagai program termasuk Penjenamaan Digital Produk Halal PMKS dan program Peningkatan Kebolehpasaran Produk Halal PMKS.

## **Inisiatif 2: Sains, Teknologi dan Inovasi**

Datuk Yang di-Pertua,

**174.** Kerajaan menyediakan 423 juta ringgit di bawah MOSTI dan KPT bagi **mempregiat aktiviti R&D** ke arah mengaplikasikan pembaharuan yang selari dengan perkembangan sains dan teknologi. Peruntukan ini termasuk 295 juta ringgit kepada universiti awam untuk terus berperanan dalam ekosistem penyelidikan dan inovasi serta menggalakkan kerjasama dengan industri.

**175.** Selain itu, Kerajaan juga akan menyediakan 12 juta ringgit secara geran padanan melalui **Collaborative Research in Engineering, Science and Technology** dalam bidang seperti Gallium Nitride untuk diaplikasikan dalam LED dan kenderaan elektrik. Bidang fokus R&D ini disyorkan oleh Encik Tan dari Clarion Malaysia semasa sesi dialog saya bersama-sama tokoh industri Elektrikal dan Elektronik sebelum ini.

**176.** Sejumlah 30 juta ringgit akan disediakan bagi melaksanakan **Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat** di bawah Taman Teknologi Malaysia sebagai pusat sehenti untuk ekosistem inovasi dengan pembangunan kluster teknologi baharu muncul seperti dron, robotik dan kenderaan berautonomi. Hab ini dijangka memberi manfaat dan pendedahan kepada 10 ribu bakal usahawan.

**177.** Sebagai contoh kejayaan *startup*, Puan Goh Ai Ching dari Pulau Pinang pernah menerima geran Cradle Fund dan telah mengasaskan Piktochart, syarikat yang menyediakan perkhidmatan komunikasi visual melalui infografik menarik. Piktochart telah berjaya menembusi pasaran luar negara dan antara pengguna perkhidmatan mereka ialah Kerajaan Amerika Syarikat dan syarikat Disney. Antara infografik yang dipaparkan pada skrin di hadapan Yang Berhormat sekalian juga menggunakan perisian Piktochart.

**178.** Bagi menggalakkan kejayaan seperti yang dicapai Piktochart, Cradle Fund sebagai agensi penyelaras ekosistem *startup* akan diperuntukkan 20 juta ringgit untuk mempergiat usaha memulih dan membina daya tahan ekonomi *startup*. Selari dengan matlamat Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (atau MyDIGITAL), **strategi MyStartup** akan dilaksanakan secara berfasa untuk memberi manfaat kepada lebih 2,500 syarikat dan mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan.

**179.** Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah 45 juta ringgit sebagai galakan transformasi teknologi ke arah revolusi industri keempat atau **Industry4WRD** dalam kalangan PKS serta syarikat tahap pertengahan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan.

**180.** Bagi merencanakan inovasi, **National Regulatory Sandbox** di bawah MOF iaitu FUTURISE akan digiatkan lagi untuk menjalankan kajian industri dan mengesyorkan langkah melancarkan inovasi dalam masyarakat dan *ease of doing business*.

### **Inisiatif 3: Inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH)**

Datuk Yang di-Pertua,

**181.** GLC memainkan peranan penting sebagai penggerak modal insan dan kewangan serta pemangkin transformasi ekonomi negara. Tahun ini, GLC telah banyak membantu dalam agenda pemulihan negara antaranya termasuk pengedaran komputer riba kepada 150 ribu pelajar melalui Tabung Cerdik dan tawaran pekerjaan melalui program *MySTEP*. Untuk tahun 2022, syarikat GLC akan terus memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan negara. Antara inisiatif utama yang bakal dilaksanakan termasuklah:

**Pertama:** Inisiatif **JALINAN GLC: MEMPERKASA PMKS** bagi membantu usahawan melalui inisiatif seperti khidmat nasihat dan sokongan kewangan dengan dana kolektif bernilai 5 bilion ringgit;

**Kedua:** Inisiatif **JALINAN GLC CSR: SEJAHTERA RAKYAT** untuk menolong rakyat melalui inisiatif seperti derma peralatan perubatan dan program biasiswa dengan dana kolektif bernilai 500 juta ringgit;

**Ketiga:** Mempercepat bayaran kepada vendor selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh pengesahan invoice;

**Keempat:** Memastikan 40 peratus perolehan tempatan dianugerahkan kepada usahawan Bumiputera;

**Kelima:** Menawarkan 30 ribu peluang pekerjaan di bawah program *MySTEP* and *PROTEGÉ*; dan

**Keenam:** Mempertingkatkan kerja-kerja sukarela dalam kalangan GLC.

**182.** Dalam membina daya tahan, syarikat GLC akan terus membuat pelaburan antaranya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, pemodenan rantaian bekalan dan infrastruktur 5G. Secara kolektif, sekurang-kurangnya 30 bilion ringgit akan diperuntukkan untuk perbelanjaan modal dan pelaburan pada tahun hadapan.

**183.** Diharapkan melalui program Perkukuh Pelaburan Rakyat, GLC akan lebih berdaya tahan dan mempunyai prospek pertumbuhan yang lebih baik. Contohnya, Khazanah Nasional Berhad telah menyediakan Dana Impak sebanyak 6 bilion ringgit sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor baharu bernilai tinggi.

### **Strategi 3:** Memulih Sektor-Sektor Tumpuan

Datuk Yang di-Pertua,

**184.** Bagi strategi ketiga, Kerajaan memberi komitmen untuk **memulihkan dan memangkin pembaharuan beberapa sektor tumpuan** seperti industri pelancongan, kreatif, peruncitan, pertanian dan komoditi supaya dapat kembali beroperasi pada kapasiti maksimum.

### **Inisiatif 1: Industri Pelancongan**

**185.** Sektor pelancongan merupakan industri yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Antara yang terkesan sepanjang tempoh ini ialah Encik Jasni Amir, pengarah urusan sebuah agensi pelancongan yang menumpukan kepada pakej haji dan umrah. Disebabkan COVID-19 dan penutupan pintu sempadan antarabangsa, syarikat Encik Jasni tidak dapat beroperasi sepenuhnya. Syarikat beliau bergantung kepada bantuan Kerajaan, khususnya Program Subsidi Upah untuk mengekalkan pekerjaannya serta menjadualkan semula pinjaman bagi mengurangkan komitmen kewangannya.

**186.** Bagi membantu pihak seperti Encik Jasni, beberapa inisiatif utama dengan nilai keseluruhan 1.6 bilion ringgit akan dilaksanakan pada tahun hadapan merangkumi:

**Pertama: Pelaksanaan Program Subsidi Upah bersasar** kepada pemain industri pelancongan. Kerajaan akan meneruskan inisiatif PSU khusus kepada pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus. Dengan peruntukan sebanyak 600 juta ringgit, inisiatif ini bakal memanfaatkan lebih 26 ribu majikan dan 330 ribu pekerja;

**Kedua: Pembiayaan khusus bagi sektor pelancongan** sebanyak 600 juta ringgit di bawah *PENJANA Tourism Financing* dan *BPMB Rehabilitation Scheme*;

**Ketiga: Bantuan Khas kepada lebih 20 ribu pengusaha pelancongan** yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk tempoh tiga bulan dengan peruntukan 85 juta ringgit;

**Keempat: Penyelenggaraan infrastruktur pelancongan** dengan peruntukan 50 juta ringgit termasuk Bangunan Sultan Abdul Samad serta Lembah Bujang di Kedah;

**Kelima: Pemberian geran padanan bagi tujuan pembaikan** kepada 738 hotel bajet yang berdaftar di bawah MOTAC serta **geran pembaikan kepada pemilik inap desa berdaftar** dengan peruntukan 30 juta ringgit;

**Keenam: Pemberian geran padanan kepada syarikat yang** menganjurkan **program berkaitan seni dan budaya** dengan peruntukan 50 juta ringgit; dan

**Ketujuh: Dana galakan bagi tujuan aktiviti promosi serta galakan pelancongan domestik** dengan peruntukan 60 juta ringgit.

**187.** Pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pelancongan domestik sehingga 1,000 ringgit dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2022. Kita harus menikmati keindahan serta kepelbagaian destinasi pelancongan daripada taman eko rimba di Taman Eko Rimba Bukit Ayer di Perlis,

warisan bersejarah di Kota A Famosa Melaka, pantai Teluk Cempedak di Pahang, Kampung Budaya di Kota Kinabalu dan Gunung Santubong di Sarawak.

**188.** Kerajaan akan menggiatkan lagi usaha pemulihan industri pelancongan kesihatan antarabangsa dengan kadar segera bagi **memperkuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancongan kesihatan** dengan peruntukan 20 juta ringgit kepada *Malaysia Healthcare Travel Council*.

**189.** Selanjutnya, Kerajaan bercadang untuk melanjutkan beberapa galakan cukai termasuk pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa sehingga tahun taksiran 2025.

**190.** Pengecualian duti hiburan ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di semua Wilayah Persekutuan dan pengecualian cukai pelancongan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022. Pihak negeri juga disaran untuk memberi pengecualian duti hiburan bagi menyokong pemulihan sektor ini.

## **Inisiatif 2: Industri Kreatif**

Datuk Yang di-Pertua,

**191.** Dalam merencanakan semula aktiviti industri kreatif, agensi-agensi seperti **FINAS, CENDANA dan MyCreative Ventures akan menggiatkan pelbagai inisiatif**. Sejumlah 188 juta ringgit disediakan antaranya untuk meneruskan pelbagai inisiatif seperti Dana Kandungan Digital, projek Kandungan Multimedia Digital, Insentif Filem, program Perkasa Modal Insan dan perlindungan PERKESO kepada golongan artis.

**192.** Sebagai tambahan, pada tahun hadapan Kerajaan akan menjayakan **Program Rih Keluarga Malaysia** melalui dana padanan pinjaman pelaburan berjumlah 20 juta ringgit. Langkah ini dijangka memberi 5 ribu peluang pekerjaan baharu.



**193.** Nama Upin dan Ipin, Ejen Ali dan Boboboi terkenal bukan sahaja di negara kita tetapi tersohor serantau Asia Tenggara. Bagi mengetengahkan lebih banyak animasi tempatan ke persada antarabangsa, Kerajaan memperuntukkan 30 juta ringgit melalui **Skim Padanan Pinjaman Pelaburan** bagi inisiatif Platform Animasi Negara yang akan dikendalikan oleh MyCreative Ventures.

### **Inisiatif 3: Industri Peruncitan**

Datuk Yang di-Pertua,

**194.** Industri peruncitan juga antara yang terjejas disebabkan pandemik. Bagi tahun 2022, tumpuan khas diberikan bagi membantu perusahaan sosial, halal, kraf tangan, pertanian dan usahawan tempatan untuk beralih kepada khidmat digital. Melihat kepada kejayaan kempen **Shop Malaysia Online dan Go-eCommerce Onboarding** yang telah memanfaatkan lebih daripada 500 ribu usahawan tempatan, Kerajaan akan meneruskan program ini dengan peruntukan 250 juta ringgit.

**195.** Usahawan PMKS layak menerima manfaat sehingga 2,000 ringgit bagi aktiviti penerapan e-dagang, latihan dalam pemasaran dan pembayaran digital. Sebagai inisiatif menyokong pemulihan sektor pelancongan, Kerajaan menggalakkan penggunaan baucar **Shop Malaysia Online** di premis perniagaan dan pembelian tiket tempat tarikan pelancong seperti zoo dan taman tema.

**196.** Bagi merencanakan penghasilan dan pembelian produk tempatan, Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif menyokong produk hasil tangan tempatan dan produk khazanah alam melalui **Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia, Program Jualan Malaysia dan Program Khazanah Alam Industri Jualan Langsung** dengan peruntukan 33 juta ringgit.

**197.** Saya yakin ramai dalam kalangan kita pernah membeli Putu Bambu World yang dijual di hentian rehat dan rawat lebuhraya. Pengasasnya Encik Mohamad Hassan bermula dengan hanya sebuah gerai kecil pada tahun 2008 dan dengan papan tanda kadbod yang ditulis tangan. Hari ini, bilangan francais Putu

Bambu World di seluruh negara telahpun mencecah 70 cawangan. Kepada yang berminat menjadi usahawan francais, Kerajaan melalui **PERNAS akan menyediakan 74 juta ringgit antara lain untuk menyediakan program latihan dan bimbingan perniagaan dan skim pembiayaan mudah kosong peratus** selama enam bulan pertama beserta moratorium.

#### **Inisiatif 4: Industri Pertanian, Jaminan Makanan dan Komoditi**

Datuk Yang di-Pertua,

**198.** Kerajaan akan terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur.

**199. Pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak 1.7 bilion ringgit antaranya 1.5 bilion ringgit bagi subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi termasuk subsidi baja padi huma sebanyak 40 juta ringgit. Insentif hasil tangkapan nelayan juga turut disediakan berjumlah 150 juta ringgit.

**200.** Bagi tahun 2022, inisiatif bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan berjumlah 120 juta ringgit akan dilaksanakan seperti berikut:

**Pertama: Pelbagai projek Jaminan Bekalan Makanan** melibatkan pelbagai negeri termasuk Pembangunan Industri Akuakultur dan Estet Kerang-Kerangan di Johor;

**Kedua: Program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara** bagi menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan dan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani dan pengusaha agromakanan;

**Ketiga: Program Bantuan Insentif Makanan Ternakan Ruminan melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit** bagi membolehkan penternak kecil ruminan mendapatkan bekalan makanan ternakan dengan harga lebih murah selaras dengan konsep ekonomi kitaran; dan

**Keempat: Program Galakan Usahawan Tekno PKS** bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman dan pemprosesan makanan melalui aplikasi teknologi untuk manfaat 140 usahawan tani.

**201.** Dalam usaha meningkatkan kawasan pertanian dan memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan belia termasuk graduan untuk menjana pendapatan, dicadangkan tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan dan tanah Rizab Melayu disewakan bagi projek pertanian atau perniagaan. Melalui inisiatif ini, tanah-tanah tersebut juga dapat diuruskan secara optimum dan teratur.

**202.** Sebagai pelengkap, program pembiayaan sehingga 1.25 bilion ringgit akan disediakan oleh Agrobank dan BNM melalui antaranya *AgroFood Facility* berjumlah 500 juta ringgit dan Dana Pembiayaan Agromakanan oleh AgroBank berjumlah 200 juta ringgit.

Datuk Yang di-Pertua,

**203.** Kerajaan memperuntukkan 2.5 bilion ringgit bagi tahun 2022 untuk terus memperkasa pembangunan masyarakat luar bandar melalui program pembangunan komoditi. Daripada jumlah ini, 1.3 bilion ringgit disalurkan kepada FELDA bagi tujuan pakej pemulihan dan pembangunan peneroka, 495 juta ringgit untuk manfaat peserta FELCRA dan 699 juta ringgit untuk kemajuan pekebun kecil bagi perusahaan getah di bawah RISDA.

**204.** Kerajaan akan melaksanakan **Program Transformasi Perusahaan Getah Negara** bertujuan menyatukan pekebun kecil, usahawan getah dan koperasi kecil dalam satu konsortium yang lebih besar, agar mampu untuk memproses getah sekerap ke bentuk getah krip.

**205.** Bagi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi pekebun kecil kategori B40, Kerajaan akan memperkenalkan dan memperluas **penggunaan teknologi RRM Hydrobest** kepada pekebun kecil melalui geran padanan.

**206.** Kerajaan juga bersetuju untuk meneruskan **Bantuan Musim Tengkujuh** untuk membantu meringankan beban sara hidup bagi 320 ribu pekebun kecil yang kehilangan pendapatan semasa musim tengkujuh dengan peruntukan 190 juta ringgit.

**207.** Kerajaan juga akan memberikan **perlindungan takaful kepada semua ahli peladang PPK seluruh Malaysia** di bawah Skim Perlindungan Takaful *Smart Card* Peladang dengan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit.

**208.** Selanjutnya, bagi menyokong industri kelapa sawit, Kerajaan memperuntukkan 10 juta ringgit bagi melaksanakan **Skim Rangsangan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil** dan 20 juta ringgit untuk usaha menangani kempen anti-minyak sawit di peringkat antarabangsa.

**209.** Akhir sekali, untuk tahun hadapan, Kerajaan bersetuju **menaikkan nilai ambang kenaan levi keuntungan luar biasa kelapa sawit** bagi Semenanjung Malaysia daripada 2,500 kepada 3,000 ringgit dan bagi Sabah dan Sarawak daripada 3,000 kepada 3,500 ringgit. Manakala kadar levi Sabah dan Sarawak diselaraskan kepada 3 peratus seperti mana kadar levi di Semenanjung.

## **Fokus 3: Ekonomi Yang Makmur Dan Mampan**

### **Datuk Yang di-Pertua,**

**210.** Fokus ketiga ialah **Ekonomi yang Makmur dan Mampan**. Kerajaan komited untuk mengukuhkan agenda pembangunannya supaya pertumbuhan kekal mampan dan inklusif. Di samping itu, Bajet 2022 akan terus menyokong pelaksanaan RMKe-12, yang memberi keutamaan kepada tiga tema iaitu penjanaan semula ekonomi, kesejahteraan dan inklusiviti, dan kemampanan, ke arah Keluarga Malaysia yang makmur sejahtera. Di bawah fokus ini, penumpuan akan diberikan kepada agenda kelestarian, merapatkan jurang ekonomi, konsolidasi fiskal dan kemampanan hasil serta mendokong penyampaian perkhidmatan awam.

## Strategi 1: Agenda Kelestarian

**211.** Strategi pertama di bawah fokus ketiga adalah untuk mengukuhkan **Agenda Kelestarian** negara. Kita komited untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (atau SDG) dan penggubalan bajet tahunan sudah mula dijangkakan kepada 17 SDG. Selain itu, Bajet kali ini dan tahun-tahun seterusnya juga akan dijangkakan kepada *green budgeting* bagi beralih ke arah pelaksanaan projek dan program pembangunan bersifat mesra alam.

### Inisiatif 1: Amalan Rendah Karbon

**212.** Perubahan iklim merupakan isu sejagat dan impaknya adalah sama buruk seperti pandemik yang kita alami hari ini.

**213.** Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menzahirkan komitmen untuk menjadikan **Malaysia sebagai sebuah negara neutral karbon** seawal-awalnya pada tahun 2050. Komitmen ini memerlukan negara untuk memacu pembaharuan supaya pertumbuhan kekal mampan dan berdaya saing di pasaran global.

**214.** Bagi memenuhi sasaran neutral karbon, inisiatif **Voluntary Carbon Market** akan dilancarkan di bawah kendalian Bursa Malaysia. Inisiatif ini akan bertindak sebagai platform sukarela bagi dagangan kredit karbon antara pemilik aset hijau dengan mana-mana entiti ke arah peralihan amalan rendah karbon.

**215.** Selain itu, untuk **membantu PMKS meningkatkan amalan lestari dan rendah karbon** seperti menambah penggunaan bahan mentah lestari dan tenaga boleh diperbaharui, BNM akan menyediakan Kemudahan Peralihan Kepada Rendah Karbon dengan nilai dana sebanyak 1 bilion ringgit secara padanan dengan dana yang setara daripada institusi kewangan peserta.

**216.** Kerajaan melihat potensi **kenderaan elektrik** (atau EV) yang memiliki ciri-ciri *energy efficient vehicle* sebagai usaha meminimum pencemaran asap kenderaan ke udara. Bagi

menyokong pembangunan industri EV tempatan, Kerajaan bercadang untuk memberikan pengecualian sepenuhnya ke atas duti import, duti eksais dan cukai jualan bagi kenderaan EV. Pengecualian cukai jalan sehingga 100 peratus juga diberikan kepada kenderaan berkenaan. Di samping itu, pelepasan cukai pendapatan individu sehingga 2,500 ringgit turut diberikan ke atas kos pembelian dan pemasangan, sewaan dan sewa beli kemudahan serta bayaran yuran langganan kemudahan pengecasan EV.

## **Inisiatif 2: Alam Sekitar dan Biodiversiti**

Datuk Yang di-Pertua,

**217.** Keindahan alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti negara merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya. Bagi tahun 2022, Kerajaan menyediakan 450 juta ringgit kepada pelbagai kementerian untuk melaksanakan beberapa inisiatif antaranya seperti berikut:

**Pertama:** Projek **pemeliharaan alam** seperti *Penang Hill Biosphere Reserve* dan *Tasik Chini Reserve* serta projek **pemuliharaan alam** seperti menangani hakisan pantai di Pantai Merdeka di Kedah dan mengatasi banjir di Melaka;

**Kedua:** Program **memperkasa penglibatan komuniti tempatan, veteran tentera dan Orang Asli** seperti suku Jahai, sebagai pengawal biodiversiti kawasan hutan dengan pertambahan pengambilan peronda sehingga 1,000 orang;

**Ketiga:** Pemberian **bantuan bagi kos operasi zoo, usaha meningkatkan pembiakan Harimau Malaya** dan pelaksanaan **program Frozen Zoo** untuk memelihara kelangsungan spesis terancam;

**Keempat:** **Kempen Penanaman 100 juta Pokok** dengan sasaran 20 juta pokok setahun; dan

**Kelima:** Geran sokongan bagi menyokong peranan **World Wildlife Fund, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia** serta **Rakan Alam Sekitar**.

**218.** Bagi menerapkan pelaksanaan **Ecological Fiscal Transfer** (atau EFT) bagi memelihara biodiversiti, peruntukan EFT berjumlah 70 juta ringgit akan disediakan **setiap tahun** kepada semua negeri dan mekanisme pelaksanaannya diperkukuh melalui kriteria ekologi berasaskan keberhasilan.

### **Inisiatif 3: Pemerksaan Komuniti**

Datuk Yang di-Pertua,

**219.** Sejak pandemik bermula, pelbagai pihak terutamanya NGO, GLC, perusahaan sosial dan komuniti telah memainkan peranan yang berkesan sebagai ejen di lapangan bagi menyokong usaha Kerajaan membangunkan sosioekonomi rakyat. Pada tahun ini, Kerajaan bersama-sama Yayasan Hasanah telah membiayai pelbagai inisiatif untuk golongan rentan.

**220.** Satu contoh penerima Geran Khas Hasanah ialah Earth Heir iaitu sebuah perusahaan sosial yang mempromosi barang-barang kraf mesra alam yang dihasilkan oleh komuniti tempatan. Saudari Sasibai Kimis, pengasas Earth Heir bercita-cita besar untuk membantu penghasil kraf ini mengembangkan pendapatan mereka secara mampan. Earth Heir dan suku kaum Dusun Minokok di Sabah telah bekerjasama untuk menghasilkan beg yang saya gunakan untuk membawa ucapan Bajet 2022 hari ini.

**221.** Bagi tahun hadapan, sejumlah **100 juta ringgit akan terus disediakan secara geran padanan dengan sumbangan Yayasan milik GLC** kepada NGO untuk membiayai pelbagai program sosial membantu golongan rentan dari segi pendidikan, penjaanan pendapatan dan kesihatan mental.

**222.** Pada masa yang sama, bagi memastikan perusahaan sosial seperti Earth Heir dapat terus berkembang dan membantu golongan sasaran mereka, Kerajaan bercadang untuk memberikan **pengecualian cukai ke atas semua pendapatan Perusahaan Sosial** sehingga 3 tahun taksiran berdasarkan kepada tempoh sah laku akreditasi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Bersama Akreditasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Yayasan Hasanah.

**223. Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan** yang telah diperkenalkan secara rintis sebelum ini bertujuan meningkatkan peluang perusahaan sosial untuk menyertai perolehan Kerajaan. Mulai tahun hadapan, inisiatif ini akan diperluaskan pelaksanaannya kepada semua Kementerian.

**224.** Di samping itu, Kerajaan juga memperuntukkan 14 juta ringgit kepada **United Nation Development Programme** sebagai menyokong usaha mereka menjalankan pelbagai inisiatif antaranya mewujudkan aktiviti pelancongan selamat dan aktiviti restorasi di Mersing, Johor dan Manjung, Perak.

**225.** Akhir sekali, sebagai **galakan kepada penjawat awam untuk turut serta menyumbang tenaga di dalam khidmat masyarakat**, cuti tanpa rekod maksimum 5 hari setahun dibenarkan dengan pertubuhan yang diluluskan.

#### **Inisiatif 4: Sukuk Kelestarian**

Datuk Yang di-Pertua,

**226.** Malaysia komited dalam memenuhi obligasinya sebagai penandatanganan Perjanjian Paris. Pada April lalu, Kerajaan berjaya menerbitkan **Sukuk Kelestarian** berdaulat yang pertama di dunia menerusi terbitan berjumlah 800 juta dolar Amerika. Sukuk ini telah dilanggan melebihi 5.6 kali yang mencerminkan keyakinan pelabur terhadap negara. Bagi tahun hadapan, Kerajaan akan menerbitkan Sukuk Kelestarian dalam Ringgit Malaysia sehingga 10 bilion ringgit untuk disalurkan kepada projek sosial atau mesra alam yang layak.

#### **Strategi 2: Merapatkan Jurang Ekonomi**

Datuk Yang di-Pertua,

**227.** Strategi kedua dalam fokus ini adalah untuk merapatkan jurang ekonomi merentas dimensi. Tahun 2022 akan turut menumpukan kepada usaha melaksanakan projek-projek utama negara yang berupaya memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat di samping merapatkan jurang ekonomi antara lokaliti.



## Inisiatif 1: Projek Pembangunan untuk Pemulihan

**228.** Bagi memastikan usaha merangsang pemulihan ekonomi dipergiat, Kerajaan akan meneruskan **pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur negara** bernilai 3.5 bilion ringgit, antaranya pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dan *Central Spine Road*.

**229.** Bagi merancakkan lagi aktiviti pembangunan infrastruktur berimpak tinggi secara kerjasama awam swasta, Kerajaan memperuntukkan dana permulaan sebanyak 200 juta ringgit menerusi pewujudan **Dana Mudah Cara Infrastruktur Ketiga** di bawah seliaan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

**230.** Selanjutnya, Kerajaan juga akan terus melaksanakan projek-projek kecil dan sederhana bernilai 2.9 bilion ringgit yang dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 ke G4 di seluruh negara. Peruntukan ini antaranya melibatkan projek selenggara jalan, baik pulih infrastruktur dan peralatan usang universiti awam, politeknik dan kolej komuniti serta projek-projek lain melibatkan ameniti sosial di luar bandar.

## Inisiatif 2: Pembangunan Antara Wilayah

Datuk Yang di-Pertua,

**231.** Keseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah adalah penting bagi memastikan kesemua ahli Keluarga Malaysia dapat menikmati hasil pembangunan. Bagi lima **koridor wilayah** pembangunan ekonomi, projek-projek pembangunan akan diteruskan dengan peruntukan sejumlah 690 juta ringgit merangkumi 6 projek baharu dan 66 projek sambungan seperti projek pertanian pintar di Igan, Sarawak.

**232.** Kerajaan juga prihatin membantu kerajaan negeri meningkatkan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, **peruntukan khusus berjumlah 260 juta ringgit iaitu 20 juta ringgit bagi setiap negeri** akan disediakan bagi memfokuskan kepada projek berkenaan jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**233.** Seterusnya, **Sabah dan Sarawak** akan menerima **peningkatan peruntukan perbelanjaan pembangunan** masing-masing kepada 5.2 bilion ringgit dan 4.6 bilion ringgit. Peruntukan ini antaranya adalah untuk melaksanakan projek infrastruktur air, elektrik, dan jalan raya, serta kemudahan pendidikan dan kesihatan.

**234.** Usaha bank bergerak yang dimulakan di Sarawak tahun ini seperti di Pekan Sungai Asap, Belaga mendapat sambutan memberangsangkan. Penduduk luar bandar datang beramai-ramai untuk menggunakan perkhidmatan bank bergerak yang disediakan oleh BSN. Baru-baru ini, perkhidmatan ini juga diluaskan ke Sabah atas usaha Yang Berhormat Sipitang. Tahun hadapan, sebanyak tambahan 20 lagi **bank bergerak** dijangka mula beroperasi merangkumi 250 kawasan dan mukim di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak.

### **Inisiatif 3: Projek Ketersambungan Digital**

Datuk Yang di-Pertua,

**235.** Dalam menyediakan kemudahan jalur lebar terkini kepada Keluarga Malaysia, pelaksanaan **inisiatif Jalinan Digital Negara**, (atau JENDELA) akan terus dipergiat. Bagi tahun 2022, Kerajaan menyediakan 700 juta ringgit untuk meneruskan usaha ketersambungan digital di 47 kawasan perindustrian dan 630 buah sekolah terutamanya di luar bandar.

**236.** Bagi memastikan **golongan penduduk di PPR** tidak ketinggalan, Kerajaan juga memperuntukkan 30 juta ringgit bagi menyediakan kemudahan internet di 40 PPR sedia ada.

**237.** **Penyediaan perkhidmatan 5G** bakal melakar landskap teknologi baharu dan menawarkan pengalaman pengguna yang lebih baik dan pantas. Di samping itu, ia juga merapatkan jurang digital serta mencipta peluang pekerjaan baharu. Bagi tahun 2022, perkhidmatan 5G akan diperluas kepada 36 peratus daripada kawasan kepadatan tinggi termasuk di bandar-bandar utama di Johor, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

**238.** Untuk meningkatkan penerapan digital dalam kalangan PMKS, Kerajaan akan menambah baik inisiatif **Skim Geran Pendigitalan PKS**. Untuk tahun 2022, jumlah dana bagi skim ini telah dinaikkan kepada 200 juta ringgit dengan 50 juta ringgit dikhususkan untuk usahawan mikro Bumiputera di luar bandar.

**239.** Bagi menggiatkan lagi transformasi pendigitalan perniagaan dalam kalangan usahawan luar bandar, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan juga mentransformasikan **600 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia** sebagai Pusat Sehenti untuk membimbing usahawan mikro menggunakan teknologi digital.

**240.** Nomad digital ialah golongan yang menjana pendapatan secara dalam talian tanpa lokasi fizikal yang tetap. Golongan ini berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara terutamanya sebagai pelancong. Untuk memanfaatkan perkembangan ini, Kerajaan akan memperkenalkan program **Malaysia Digital Nomad** untuk mewujudkan komuniti dan ekosistem nomad digital di Malaysia dengan menggunakan sektor pelancongan sebagai pemangkin.

### **Strategi 3:** Konsolidasi Fiskal dan Kemampuan Hasil

Datuk Yang di-Pertua,

**241.** Kerajaan telah menangani krisis pandemik COVID-19 dalam keadaan ruang fiskal yang sempit memandangkan ekonomi masih belum pulih sepenuhnya dan kutipan hasil yang terjejas. Oleh itu, Kerajaan terpaksa bergantung kepada sumber hasil bukan cukai di samping meningkatkan hutang statutorinya bagi memastikan pakej bantuan dan rangsangan serta projek pembangunan dapat diteruskan. Bagi tahun 2022, iaitu tahun pemulihan ekonomi, reformasi dan pengukuhan fiskal akan dimulakan bagi membina semula benteng ketahanan fiskal negara dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan.

## **Inisiatif 1: Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA)**

**242.** Bagi inisiatif pertama, Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan **Akta Tanggungjawab Fiskal** dengan tujuan meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal negara bagi memastikan kemampuan fiskal dan menyokong kestabilan ekonomi makro.

**243.** Seperti yang telah saya maklumkan, Kertas Konsultasi Awam berkenaan Akta tersebut telah diterbitkan dan semua maklum balas konstruktif akan dipertimbangkan untuk menambah baik draf yang sedang disediakan. Kerajaan bercadang untuk membentangkan Akta ini pada tahun hadapan.

**244.** Selain itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan *Public Expenditure Review* dengan kerjasama Bank Dunia bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam tanpa menjejaskan sistem penyampaian awam. Dengan itu, produktiviti perbelanjaan awam dapat ditingkatkan bagi memastikan nilai faedah terbaik bagi setiap ringgit duit rakyat.

## **Inisiatif 2: Langkah-langkah Kemampuan Hasil**

**245.** Sebagai inisiatif kedua **langkah kemampuan hasil** dan selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa, Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai sama rata seperti berikut:

**Pertama:** Kadar duti setem nota kontrak dinaikkan daripada 0.1 peratus kepada 0.15 peratus dan had duti setem 200 ringgit setiap nota kontrak dimansuhkan. Pada masa yang sama, aktiviti pembrokeran dagangan saham tersenarai tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan;

**Kedua:** Cukai pendapatan dikenakan kepada pemastautin di Malaysia ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber luar negara dan diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022;

**Ketiga:** Cukai jualan dikenakan ke atas barang bernilai rendah dari luar negara yang dijual oleh peniaga dalam talian dan dihantar kepada pengguna di Malaysia melalui perkhidmatan kurier udara;

**Keempat:** Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan penghantaran barang yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan termasuk platform e-Dagang kecuali perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman serta perkhidmatan logistik;

**Kelima:** Program Khas Pengakuan Sukarela Jabatan Kastam Diraja Malaysia diperkenalkan secara berfasa dengan insentif remisi penalti sebanyak 100 peratus bagi fasa pertama dan remisi penalti sebanyak 50 peratus bagi fasa kedua. Remisi cukai juga akan dipertimbangkan bagi kes tertentu;

**Keenam:** Sijil Pematuhan Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia akan dijadikan sebahagian prasyarat untuk syarikat menyertai perolehan Kerajaan bermula 1 Januari 2023; dan

**Ketujuh:** Penggunaan nombor pengenalan cukai (atau TIN) akan dilaksanakan mulai tahun 2022 bagi memperluaskan asas cukai pendapatan.

**246.** Dalam meningkatkan disiplin fiskal dan ketelusan serta melengkapi program Strategi Hasil Jangka Sederhana serta kajian insentif cukai yang sedang diusahakan, **Penyata Perbelanjaan Cukai** akan diterbitkan. Ini penting dalam menentukan kos yang ditanggung Kerajaan berhubung pemberian insentif cukai, pengecualian secara *one-off* dan penetapan dasar cukai lain.

Datuk Yang di-Pertua,

**247.** Berikutan krisis pandemik COVID-19, keperluan meningkat untuk membiayai golongan rakyat yang terjejas. Bagi memastikan sistem kesihatan awam lebih berdaya tahan dalam menghadapi sebarang ancaman pada masa hadapan, Kerajaan bercadang

untuk memperkenalkan cukai khas secara *one-off* kepada syarikat yang menjana pendapatan tinggi. Dengan nama **Cukai Makmur**, syarikat dengan pendapatan bercukai sehingga 100 juta ringgit pertama akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24 peratus dan pendapatan bercukai selebihnya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 33 peratus bagi tahun taksiran 2022.

#### **Strategi 4:** Mendokong Penyampaian Perkhidmatan Awam

Datuk Yang di-Pertua,

**248.** Perkhidmatan awam merupakan tunjang dalam usaha kita menangani pandemik COVID-19. Kerajaan amat menghargai sokongan dan pengorbanan setiap penjawat awam dalam melaksanakan program dan projek serta pelbagai pakej bantuan dan rangsangan selama ini. Strategi keempat di bawah fokus ketiga adalah untuk terus **mendokong penyampaian perkhidmatan awam**. Usaha memberikan perkhidmatan berintegriti dan menentukan ketelusan tadbir urus Kerajaan akan terus dipergiat bagi memastikan penyampaian terbaik kepada rakyat.

#### **Inisiatif 1:** Pembaharuan Penyampaian Perkhidmatan

**249.** Bagi memacu transformasi digital dalam perkhidmatan Kerajaan, **inisiatif MyDIGITAL** telah dilancarkan pada 19 Februari lalu. Pelaksanaan projek Identiti Digital Nasional akan dimulakan pada tahun 2022 dan merupakan satu platform pengesahan pengenalan diri bagi membolehkan kesalinghubungan pelbagai sistem transaksi untuk memudahkan pengguna berurusan secara digital dan selamat.

**250.** Selain itu, **MyDIGITAL** juga menyasarkan penggunaan 80 peratus *cloud storage* dalam perkhidmatan Kerajaan pada tahun 2022. Oleh itu, inisiatif *Digital First Programme* akan diperkenalkan bagi meningkatkan usaha penggunaan pengkomputeran awan. Secara tidak langsung, inisiatif ini akan meminimum penggunaan storan fizikal dan membudaya konsep tanpa kertas.

**251.** Jika dahulu, rakyat perlu pergi ke kaunter-kaunter dan pejabat Kerajaan sekiranya ingin berurusan atau mendapatkan sebarang perkhidmatan. Kini, komitmen untuk memastikan

rakyat terutamanya kumpulan tumpuan mendapat akses yang pantas kepada perkhidmatan Kerajaan, pelbagai usaha dipergiat antaranya melalui program klinik bergerak, pemberian vaksin COVID-19 bergerak dan bank bergerak.

**252.** Bagi tahun hadapan, Kerajaan akan **meluaskan perkhidmatan klinik bergerak** oleh Hospital Pengajar Universiti sebagai usaha menambah akses saringan dan pendidikan kesihatan di kawasan-kawasan tumpuan. Selain itu, sebagai tambahan, Jabatan Pengangkutan Jalan juga akan menyediakan sebanyak **20 buah kaunter bergerak JPJ** khusus untuk manfaat penduduk pedalaman.

**253.** Bagi meneruskan akses perkhidmatan Kerajaan pada luar waktu pejabat, sebanyak **100 kiosk dengan fasiliti lengkap komputer akan disediakan di UTC** untuk memudahkan orang awam yang ingin berurusan dengan pihak JPJ seperti proses memperbaharui lesen memandu.

## **Inisiatif 2: Kebajikan Penjawat Awam**

Datuk Yang di-Pertua,

**254.** Sejak COVID-19 mula membarah di tanah air kita, penjawat awam ialah perawatnya yang setia, yang menatang kita bagai sebuah keluarga, tanpa jemu dan leka. Dalam mengharungi episod duka ini, anggota barisan hadapan, juga disambut keringat sukarelawan telah sama-sama menjayakan setiap agenda Kerajaan dengan berkesan. Terima kasih, terima kasih, terima kasih kami ucapkan.

**255.** Oleh itu bagi tahun hadapan, Kerajaan bercadang untuk menambah baik beberapa kemudahan anggota perkhidmatan awam seperti berikut:

**Pertama:** Menurunkan kadar keuntungan **skim pembiayaan komputer dan telefon pintar** untuk penjawat awam daripada 4 kepada 2 peratus;

**Kedua:** Memperuntukkan 365 juta ringgit antaranya bagi **menyelenggara kuarters** dan bangunan guna sama di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah;

**Ketiga:** Meneruskan inisiatif **Perlindungan Kemalangan Diri** sehingga 100 ribu ringgit untuk manfaat 40 ribu peminjam baharu LPPSA. Skop perlindungan ini akan diperluas dengan penambahan 3 jenis perlindungan baharu merangkumi hilang upaya separa, sebahagian dan kekal, badal haji serta perbelanjaan pemulihan kecederaan disebabkan kemalangan;

**Keempat:** Meningkatkan **Kadar Bayaran Insentif Pengawasan Banduan** daripada 150 kepada 200 ringgit sebulan yang bakal memanfaatkan lebih 14 ribu pegawai penjara. Sebagai tambahan, elaun ini juga dipanjangkan kepada 775 pegawai kader di institusi penjara yang terlibat dalam tugas pengawasan banduan;

**Kelima:** Meningkatkan **Elaun Penugasan Sukarelawan Simpanan Polis** (atau PVR) daripada 7 ringgit 80 sen kepada 9 ringgit 80 sen sejam untuk pegawai; dan daripada 6 ringgit kepada 8 ringgit sejam untuk anggota. Kenaikan ini bakal memanfaatkan hampir 10 ribu PVR; dan

**Keenam:** Memberikan **bayaran insentif sebanyak 200 ringgit kepada Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 dan Pembantu Perawatan Kebajikan Gred U11 dan U14** yang bertugas di 24 institusi kebajikan atas jasa dan pengorbanan mereka yang terlibat secara langsung dalam perkhidmatan menjaga dan merawat penghuni warga emas, OKU dan pesakit mental.

**256.** Dalam menangani krisis COVID-19, ramai penjawat awam terutamanya barisan hadapan tetap komited kepada tugasannya dan antaranya tidak berpeluang bercuti. Bagi mengiktiraf pengorbanan tersebut, sukacita diumumkan **gantian cuti rehat dinaikkan daripada maksimum 150 hari kepada 160 hari**. Di samping itu, Kerajaan juga akan melaksanakan kemudahan



membenarkan **penebusan awal GCR** sehingga 50 peratus atau 80 hari. Kemudahan ini mengambil kira keperluan penjawat awam seperti menunaikan haji atau membiayai pengajian tinggi anak.

**257.** Bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam dalam menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat terutamanya semasa negara mengharungi tempoh yang penuh cabaran ini, Kerajaan mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan** kepada 1.3 juta penjawat awam Gred 56 dan ke bawah sebanyak 700 ringgit dan 1 juta pesara Kerajaan sebanyak 350 ringgit dengan implikasi Kewangan sebanyak 1.3 bilion ringgit. Diharapkan semoga bantuan ini dapat menjadi pemangkin kepada penjawat awam untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi.

**258.** Semua inisiatif yang dibentangkan pada hari ini tidak akan bermakna sekiranya pelaksanaannya tidak sampai kepada ahli Keluarga Malaysia dengan tuntas dan berkesan. Sehubungan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mempengerusikan sebuah **jawatankuasa pemantauan** yang diselaras oleh Kementerian Kewangan bagi memastikan semua inisiatif Bajet 2022 berjaya mencapai objektif yang disasarkan.

## PENUTUP

**Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara-saudari yang merupakan Keluarga Malaysia kita.**

**259.** Kini, tiba kita di penghujung pembentangan ini.

Hampir usai AMANAH yang diberikan, berlabuh kita di muara senja, sauh sudah labuh, pendayung sudah sandar, mualim tak sabar menanti jeda.

Maka, berpeganglah kita pada ibrah—yang terkandung dalam **ayat 32, surah Al-Qalam**— setelah segala usaha, berserahlah kita pada Yang Maha Esa, semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala menganugerahkan bagi kita, sesuatu yang lebih baik daripada hari ini.

Namun, ketahuilah... perjuangan menentang wabak ini belum berakhir.

Nasib rakyat masih perih, barisan hadapan kita belum pulang dari perbatasan ke pangkuan keluarga mereka, peperangan masih membara di luar sana.

Tapi kita sudah hampir di ambang kemenangan, yakinlah, kita dekat sekali. Cukup dekat.

Justeru, dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon Ahli-ahli Yang Berhormat semua dokonglah belanjawan ini.

Suara tuan-puan ada hikmat: melindungi hayat, memberi kita kudrat... melawan musuh, wabak durjana...

Belanjawan ini—kita tempa bersama

kukuh bagai waja, besi jadi kersani.

Belanjawan ini—perisai pelindung KELUARGA kita,

dari sasana bahaya ke puncak jaya,

dari Dewan mulia ini, berikanlah rakyat kita, khabar yang baik-baik belaka:

bahawa Bajet ini... milik mereka,  
suara kita... milik mereka,  
bahawa kemenangan itu... milik mereka!

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**260.** Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Lampiran I**  
***Touchpoints***  
**Langkah Bajet 2022**



# Fokus Pertama Rakyat yang Sejahtera

## Strategi 1: Memulih Kehidupan Dan Mata Pencarian

Langkah Bajet 2022				
Inisiatif 1: Bantuan Tunai Langsung dan Kebajikan				
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan Keluarga Malaysia (<b>RM8.2 b</b>)               <ul style="list-style-type: none"> <li>9.6 juta penerima</li> <li>Bantuan tambahan bagi ibu atau bapa tunggal/warga emas/bujang yang layak. (cth: bapa tunggal, &lt;RM2,500, &gt;3 anak = RM2,000 + RM500)</li> </ul> </li> </ul>				
Pendapatan	Bil. Penerima / Kadar Bantuan			
Isi Rumah	Bil Penerima	ANAK 0	ANAK 1-2	ANAK $\geq 3$
<RM2,500	4.0 juta	RM1,000	RM1,500	RM2,000
RM2,501- RM5,000	0.8 juta	RM400	RM600	RM800
Tambahan Kadar Isi Rumah:				
Ibu/Bapa Tunggal (IBT) Isi Rumah	0.5 juta		RM500	
Warga Emas Isi Rumah	0.9 juta		RM300	
Warga Emas Bujang/Tiada Pasangan <RM5,000	1.0 juta		RM600	
Bujang <RM2,500	3.8 juta		RM350	

## Langkah Bajet 2022

- Syarat kelayakan kebajikan untuk 4 kategori bantuan Jabatan Kebajikan utama dinaikkan daripada PGK 2016 RM980 kepada PGK Makanan 2019 iaitu RM1,169
  - 4 bantuan tersebut adalah:
    - Bantuan Kanak-kanak
    - Bantuan Warga Emas
    - Bantuan OKU Tidak Bekerja
    - Bantuan Am Persekutuan
  - Peningkatan syarat kelayakan tersebut melibatkan tambahan RM200 juta kepada RM2.4 bilion
- Yayasan Keluarga Malaysia **(RM25 j)**
  - Ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi melindungi kebajikan dan pendidikan anak-anak yatim piatu akibat COVID-19
  - Dana permulaan daripada Kerajaan RM25 juta akan dipadankan dengan sumbangan daripada sektor Korporat

### Inisiatif 2: Akses Kemudahan Kesihatan Awam

- Peruntukan Kementerian Kesihatan **(RM32.4 b)**
- Tambahan peruntukan khusus bagi meneruskan agenda menangani COVID-19 **(RM2 b)**
  - Bekalan ubat, gas perubatan, reagen dan bahan guna habis **(RM750 j)**
  - Penyumberluaran perkhidmatan perubatan ke hospital dan makmal swasta **(RM190 j)**
  - Kelengkapan PPE dan *sanitiser* kepada petugas KKM **(RM230 j)**
  - Hospital Pengajar dan Hospital Medan termasuk meningkatkan kapasiti wad ICU dan perolehan peralatan perubatan Jabatan Radiologi Hospital Tentera **(RM200 j)**
  - Kit Kesihatan kepada 3.6 juta keluarga B40 mengandungi pelitup muka guna semula, kit ujian sendiri, *pulse oximeter* dan *thermometer* **(RM450 j)**
  - Perolehan ubat antiviral terhadap pelbagai virus termasuk COVID-19
- Membekalkan dos ketiga sebagai vaksin penggalak kepada semua rakyat berumur 12 tahun hingga 17 tahun ke atas
  - Kerajaan telah menandatangani perjanjian untuk mendapatkan 88 juta dos iaitu bersamaan lebih 140%
  - Dana Kumpulan Wang Amanah Negara digunakan bagi membiayai perolehan vaksin COVID-19 **(RM6 b)**

## Langkah Bajet 2022

- Pelepasan cukai individu dan potongan cukai kepada majikan ke atas kos berkaitan pengambilan vaksin penggalak yang dibiayai sendiri
- Agenda Nasional Malaysia Sihat **(RM15 j)**
- Memantapkan pengurusan Klinik Penyakit Jarang Jumpa **(RM20 j)**
- Mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan vape
- Meluaskan duti eksais ke atas produk minuman bergula
- Meningkatkan akses dan capaian respons perkhidmatan ambulans **(RM8 j)**
- Menyambung pelantikan secara kontrak lebih 10,000 pegawai perubatan, pergigian dan farmasi
- Meluluskan penajaan program kepakaran bagi 3,000 pegawai kontrak meliputi pegawai perubatan dan pergigian **(RM100 j)**
- Kesihatan Mental **(RM70 j)**
  - Program kesihatan mental, kaunseling dan psikososial, menambah bilangan program advokasi kesihatan mental dan memperkasa peranan NGO
  - Meluaskan skop pelepasan cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan berkaitan kesihatan mental

### Inisiatif 3: Pendidikan Berkualiti Untuk Semua

- Peruntukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia **(RM52.6 b)**
- Peruntukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi **(RM14.5 b)**
- Bantuan Awal Persekolahan dinaikkan daripada RM100 kepada RM150 bagi memanfaatkan 3 juta murid **(RM450 j)**
- Penyelenggaraan dan pembaikan sekolah kepada lebih 10,000 sekolah di bawah KPM **(RM900 j)**
  - Penyelenggaraan 1,800 sekolah Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil **(RM120 j)**
- Penyelenggaraan sekolah Tahfiz, sekolah agama rakyat dan institusi pondok berdaftar **(RM140 j)**
- Menaik taraf sekolah daif melibatkan 330 projek termasuk 43 projek baharu **(RM746 j)**
  - 112 projek di Sabah dan 165 projek di Sarawak
- Pembelian peralatan pengajar dan menambah baik fasiliti sekolah berkeperluan khas **(RM50 j)**
- Pembinaan 8 blok baharu pendidikan khas **(kos projek: RM124 j)**
- Penyediaan makanan di bawah Rancangan Makanan Tambahan dan bekalan susu harian **(RM400 j)**

## Langkah Bajet 2022

- Insentif Khas Alat Bantuan Mengajar secara sekali bayar sebanyak RM100 kepada lebih 400 ribu guru sekolah di bawah KPM **(RM42 j)**
- Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia **(RM450 j)**
  - sebuah tablet kepada setiap pelajar B40 di institusi pengajian tinggi
  - Kerajaan akan menyediakan peruntukan RM450 juta untuk membiayai kos peranti
  - syarikat telekomunikasi turut menyumbang kira-kira RM65 juta ringgit
- Melanjutkan pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet sehingga 31 Disember 2022
- Menaik taraf infrastruktur dan penggantian kemudahan usang di universiti awam dan kolej komuniti **(RM40 j)**
- Menaik taraf talian akses Malaysian Research and Education Network (MyREN) di institusi pengajian tinggi kepada 500Mbps hingga 10Gbps **(RM67 j)**
- Diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022:
  - Diskaun 15% atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman
  - Diskaun 12% untuk bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran
  - Diskaun 10% untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual
- Memperkasa bidang pendidikan dan latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) **(RM6.6 b)**
- Program tambahan **(RM200 j)**
  - Program PERKASA TVET di bawah PTPK untuk latihan jangka pendek bagi 13,000 orang pelatih **(RM100 j)**
  - Program SLDN di bawah JPK melibatkan 10,000 pelatih **(RM60 j)**
  - Program TVET di bawah JPKK melibatkan 25,000 pelatih **(RM50 j)**
- Pembinaan Pusat GiatMara baharu di Setiu dan Marang, Terengganu **(RM11 j)**



## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 4: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan

- JaminKerja Keluarga Malaysia (JaminKerja) bagi menyediakan 600,000 peluang pekerjaan merangkumi inisiatif **(RM4.8 b)**
  - Insentif Penggajian JaminKerja
  - *Malaysia Short-term Employment Programme* (MySTEP)
  - Program latihan dan peningkatan kemahiran
- Insentif Penggajian JaminKerja oleh PERKESO akan memberi manfaat kepada seramai 300,000 pencari kerja **(RM2 b)**

KATEGORI INSENTIF	KELAYAKAN
<b>a) 20%</b> dari gaji pekerja pada 6 bulan pertama & <b>30%</b> dari gaji pekerja bagi 6 bulan terakhir	
Pencari Kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu berumur 16 – 50 tahun yang tidak aktif bekerja</li> </ul>
Ganti Pekerja Asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggantian jawatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing dan pegawai dagang</li> <li>• Tambahan 10% daripada gaji akan diberikan kepada pekerja setiap bulan bagi tempoh 12 bulan</li> </ul>
<b>b) 30%</b> dari gaji pekerja bagi 6 bulan pertama & <b>40%</b> dari gaji pekerja bagi 6 bulan terakhir	
Golongan Rentan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu/Graduan yang menganggur melebihi 180 hari</li> <li>• Bekas Tentera</li> <li>• Orang Asli</li> <li>• Banduan/Orang yang diparol</li> <li>• Golongan Orang Kurang Upaya yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>• Peserta Program RTW PERKESO</li> <li>• Pekerja berumur 50 tahun dan ke atas</li> </ul>
Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan wanita yang tidak bekerja melebihi 365 hari termasuk <i>career break</i></li> <li>• Ibu tunggal/suri rumah</li> <li>• Termasuk tawaran kerja secara fleksibel</li> </ul>
Sektor Utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Digital Skills Related</i> (ICT)</li> <li>• Sektor Pelancongan</li> </ul>

## Langkah Bajet 2022

### c) Elaun sebanyak **RM900 sebulan** bagi tempoh 6 bulan

Perantis

- Lepasan sekolah dan graduan berumur 18-30 tahun
- Tawaran pekerjaan adalah untuk jenis jawatan Eksekutif
- Diploma dan ke atas sahaja

### d) Insentif bekerja di sektor gig berjumlah **RM600 sebulan** bagi tempoh 6 bulan

Pekerja Gig

- Melibatkan pencari kerja daripada kategori:
  - Orang yang kehilangan pekerjaan
  - Golongan rentan seperti miskin termasuk senarai individu berdaftar dengan eKasih
  - Pekerja yang ditimpa cuti tanpa gaji
  - Individu/Graduan yang menganggur melebihi 30 hari
  - Golongan suri rumah dan berpendapatan rendah
- Tambahan RM200 sebulan disediakan jika pekerja gig dapat menerima hasil yang lebih daripada RM2,500 sebulan ataupun bekerja lebih daripada 120 jam

- Malaysia Short-term Employment Programme (MySTEP) menawarkan 80,000 penempatan pekerjaan dalam sektor awam dan GLC (**RM1.8 b**)
  - 50,000 di sektor awam
  - 30,000 di GLC
- Program latihan dan peningkatan kemahiran yang menasaskan seramai 220,000 peserta (**RM1.1 b**)

## Langkah Bajet 2022

Latihan dan Peningkatan Kemahiran	Agensi	Sasaran
HRDC	HRDC	36 ribu
Koridor Wilayah	Koridor	16 ribu
PRUV-ATM	Perhebat	5 ribu
SLDN Plus	JPK	10 ribu
KPT-CAP	KPT	20 ribu
KPT-PACE	KPT	45 ribu
TVET Training	JPPKK	25 ribu
MITI Reskilling	MITI	24 ribu
MDEC	MDEC	12 ribu
<i>Upskilling for Deeptech and Future Skills</i>	MOSTI	5 ribu
Peneraju Skill dan Peneraju Teknologi	JPM	3 ribu
Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri	FMSDC	5 ribu
PERKASA TVET	PTPK	13 ribu
Program Inkubator Graduan Kreatif	MyCreative Ventures	1 ribu
<b>JUMLAH</b>		<b>220 ribu</b>

- Pelepasan cukai bagi perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 sehingga 2023
- Pelepasan cukai ke atas yuran kursus dengan mana-mana badan profesional yang diluluskan sehingga RM7,000

### Inisiatif 5: Perlindungan Sosial

- Nilai baucar Perlindungan Tenang dinaikkan kepada RM75
  - Baucar juga boleh digunakan untuk membeli polisi insurans motosikal 150cc ke bawah mulai 1 Januari 2022
- Pengecualian duti setem kepada produk Perlindungan Tenang serta produk insurans atau takaful
  - Nilai sumbangan <RM150 bagi individu
  - Nilai sumbangan <RM250 bagi PMKS

## Langkah Bajet 2022

- Perluasan mySalam kepada semua penerima BKM dan peluasan skop manfaat peranti perubatan mySalam kepada anak tanggungan penerima mySalam yang layak
- Inisiatif i-Saraan diperluaskan kepada mereka yang berumur antara 55 sehingga 60 tahun **(RM30 j)**
- Program Kasih Suri Keluarga Malaysia di bawah KWSP dan PERKESO
  - Perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu terhadap risiko hilang upaya, keuzuran ataupun yang berumur **(RM80 j)**
- Perluasan perlindungan PERKESO kepada 9 kategori baharu iaitu artis, penjaja, perikanan, pertanian, sektor pelancongan, OKU, Orang asli, Orang asal Sabah Sarawak dan penyelia dan petugas Pemulihan Dalam Komuniti
- Meneruskan pemberian Elaun Mencari Pekerjaan **(RM300 j)**
  - Pencarum PERKESO - elaun 80% bagi gaji bulan pertama, 50% bagi gaji bulan kedua hingga keenam dan 30% bagi gaji tiga bulan terakhir
  - Bukan pencarum PERKESO – elaun RM300 untuk tempoh 3 bulan
- PERKESO Skim Ilat **(RM267 j)**
  - Meningkatkan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan daripada RM475 kepada RM550
  - Penyelarasan faedah PERKESO
- Meningkatkan siling gaji yang diinsuranskan daripada RM4,000 kepada RM5,000 untuk menambah baik liputan keselamatan sosial bagi 9 juta pekerja yang dilindungi oleh PERKESO
- Meluaskan pelepasan cukai sehingga RM4,000 kepada pencarum KWSP meliputi caruman secara sukarela
- Menaikkan had pelepasan cukai daripada RM250 kepada RM350 dan skop pelepasan bagi caruman PERKESO turut diperluas meliputi caruman pekerja melalui Sistem Insurans Pekerjaan

# Strategi 2: Membangun Sebuah Keluarga Malaysia

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Pembangunan Bumiputera dan Syiar Islam

- Agenda Pemerkasaan Bumiputera - Melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah payung pembangunan Bumiputera **(RM11.4 b)**
  - Pendidikan Anak-Anak Bumiputera - Program pendidikan oleh MARA, UiTM dan Yayasan Peneraju **(RM6.6 b)**
  - Program peningkatan kapasiti dan pembiayaan perniagaan **(RM4.8 b)**
- Pembangunan Tanah Rizab Melayu - Meningkatkan ekuiti pemilikan Bumiputera oleh Pelaburan Hartanah Berhad **(RM50 j)**
- Program Vendor Bumiputera - Lanjutan tempoh insentif cukai sehingga 31 Disember 2025
- Taraf Bumiputera - Pengisytiharan *Beneficial Ownership* dan penubuhan agensi Penyelarasan Pusat bagi meningkatkan ketelusan status syarikat Bumiputera
- Penyertaan Kontraktor Belia Bumiputera
  - Mewujudkan *accelerator programme* oleh CIDB **(RM10 j)**
  - Pemberian projek berskala kecil perolehan Kerajaan kepada kontraktor bumiputera **(RM200 j)**
- Pemerkasaan Technology Depository Agency - Pemerkasaan Industrial Collaboration Program (ICP) yang dikawal selia Technology Depository Agency
- Pengimarahannya Syiar Islam - Peruntukan bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri **(RM1.4 b)**
- Program Pendidikan Islam - Pembinaan Sekolah Agama di Wilayah Persekutuan Labuan **(Kos Projek: RM65 j)**
- Pertambahan 1,000 guru Takmir **(RM10.8 j)**
- Pemberian khas RM500 sekali bayar kepada 70,000 orang Imam, Bilal, Siak, Noja, Marbut, Guru Takmir dan guru KAFA **(RM35 j)**
- Dana permulaan bagi memulakan inisiatif Wakaf Halal PKS, Wakaf Pertanian dan Wakaf Bencana **(RM10 j)**

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 2: Pembangunan Semua Kaum

- Program Kaum Cina - Peruntukan baik pulih rumah dan kemajuan kampung baru dan dana pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Usahawan PKS **(RM200 j)**
- Program Kaum India - Program memperkasa sosioekonomi komuniti India (MITRA) dan Skim Pembangunan Masyarakat India oleh TEKUN **(RM145 j)**
- Program Bumiputera Sabah dan Sarawak - Program pendidikan kepada anak-anak Bumiputera Sabah dan Sarawak berkenaan budaya dan warisan **(RM10 j)**
- Program Peningkatan Taraf Hidup Orang Asli - Elaun ketua masyarakat, subsidi, bantuan persekolahan dan kenaikan kadar wang saku murid kepada RM4 **(RM274 j)**
- Agenda Perpaduan - Penyediaan geran RM6,000 bagi setiap kawasan Rukun Tetangga **(RM50 j)**
- Rumah Ibadat - Program pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat **(RM50 j)**

### Inisiatif 3: Pembangunan Wanita

- *Woman on Board* - Mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam berkuatkuasa pada 1 September 2022 bagi syarikat bermodal besar (large capped) dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain
- Pemerksaan peranan wanita - Program kepimpinan muda dan keusahawanan wanita oleh Yayasan Kepimpinan Wanita **(RM5 j)**
- Usahawan wanita - Pembiayaan bagi usahawan wanita melalui BSN, Agrobank, Program DANANITA (MARA) dan TEKUNITA (TEKUN) **(RM230 j)**
- Usahawan Wanita
  - Program MyKasih Kapital merangkumi bantuan asas modal perniagaan, bimbingan serta latihan bagi menggalakkan perniagaan secara dalam talian melibatkan 5,000 peserta **(RM6.25 j)**
  - Penyediaan taska di bangunan-bangunan Kerajaan terutamanya di hospital dan universiti awam **(RM30 j)**
  - Kerajaan menggalakkan pengaturan kerja fleksibel dan kemudahan taska di pejabat. Garis panduan taska di bangunan dimudahcara untuk memudahkan taska beroperasi di atas Aras 1
  - Pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM3,000 bagi bayaran yuran taska dan tadika sehingga tahun taksiran 2023

## Langkah Bajet 2022

- Keselamatan wanita
  - Pemerkasaan Bahagian D11 PDRM **(RM13 j)** dan Skuad WAJA **(RM10 j)**
  - Penambahan Pusat Sokongan Sosial Setempat bagi melindungi mangsa keganasan rumah tangga **(RM4.5 j)**
  - Penambahan Rumah Perlindungan Khas Wanita **(RM10 j)**
- Program pemberian kit asas kebersihan diri kepada 130,000 remaja wanita B40 **(RM10 j)**
- Program Pencegahan Kesihatan Wanita - Subsidi ujian mammogram dan ujian saringan kanser serviks **(RM11.5 j)**

### Inisiatif 4: Pembangunan Komuniti Tumpuan

- Program Bantuan Warga Emas **(RM635 j)**
  - Bantuan sosioekonomi warga emas dan wang saku institusi warga emas **(RM607 j)**
  - Geran operasi NGO terutamanya bagi operasi Institusi Penjagaan Warga Emas **(RM19 j)**
  - Memperkukuh Pusat Aktiviti Warga Emas dan Unit Penyayang Warga Emas **(RM9 j)**
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
  - Bantuan Makanan Tambahan dan Bantuan Geran Per Kapita serta kerja-kerja membina 69 buah Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Tabika dan taska KEMAS baharu **(RM190 j)**
- Keselamatan Kanak-Kanak
  - Subsidi 50% atau sehingga RM150 bagi pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak oleh keluarga B40 **(RM30 j)**
- Kesihatan Kanak-Kanak **(RM24 j)**
  - Meluaskan *Program Community Feeding* kepada kanak-kanak keluarga miskin bandar di Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya
  - Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan
  - Penubuhan Bank Susu Ibu untuk bayi pramatang di *Neonatal Care Unit* di Hospital Pulau Pinang, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak
- Kebajikan OKU
  - Menjadikan bangunan-bangunan Kerajaan mesra OKU **(RM30 j)**
- Latihan OKU
  - Program latihan di Pusat Latihan Berdikari dan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Kerajaan **(RM10 j)**
  - Menubuhkan lebih banyak Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di universiti awam **(RM10 j)**

## Langkah Bajet 2022

- Akses Media OKU
  - Penyediaan jurubahasa isyarat dalam penyampaian berita di stesen TV **(RM1 j)**
- Lesen cukai jalan kenderaan persendirian OKU dibiayai penuh oleh Kerajaan
- Pekerjaan OKU
  - Kuota khas sebanyak 1% di bawah program MyStep untuk golongan OKU

### Inisiatif 5: Pembangunan Belia & Sukan

- Pekerjaan Golongan Belia
  - Penyediaan insentif RM900 kepada majikan yang menggaji perantis bagi tempoh 6 bulan
  - Sektor swasta disaran membayar elaun sekurang-kurangnya RM900 kepada pelajar yang menjalani latihan industri
- Usahawan Belia
  - Pelan pembiayaan usahawan belia oleh BSN dan Agrobank **(RM150 j)**
  - Perluasan galakan cukai bagi Program Latihan Industri Berstruktur sehingga tahun taksiran 2025
- Program eStart **(RM300 j)**
  - Kredit RM150 *one-off* ke dalam akaun e-dompot belia berumur 18 – 20 tahun termasuk pelajar sepenuh masa di IPT
- Sukan OKU - Program latihan atlet OKU dan pelaksanaan Liga Sukan OKU oleh MSN **(RM10 j)**
- Sukan - Penambahbaikan kemudahan sukan **(RM159 j)**
- Gaya hidup sihat - Program membudayakan gaya hidup aktif **(RM50 j)**
- e-Sukan
  - Pembangunan e-sukan kebangsaan **(RM15 j)**
  - Pengecualian cukai pendapatan ke atas wang kemenangan kejohanan e-sukan luar negara
  - Mewujudkan Pusat Kecemerlangan Sukan Dron **(RM5 j)**
- Pembiayaan sektor sukan dengan kadar faedah 0% untuk tempoh 6 bulan pertama dan moratorium 6 bulan oleh BSN **(RM50 j)**



# Strategi 3: Membina Kehidupan Yang Kondusif

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Meringankan Kos Sara Hidup

- Subsidi, bantuan dan insentif **(RM31 b)**
- Pembiayaan kos pengangkutan dan pengedaran barang asas (LPG dan Petrol) ke kawasan luar bandar (khususnya Sabah dan Sarawak) **(RM200 j)**
- Melanjutkan tempoh pengurangan kadar caruman minimum KWSP daripada 11% kepada 9 % sehingga Jun 2022 **(RM2 b)**
- Melanjutkan 100% pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang CKD dan 50% ke atas CBU termasuk MPV dan SUV selama 6 bulan sehingga 30 Jun 2022

### Inisiatif 2: Pemilikan Rumah Kediaman - RM1.5 b

- Pemilikan Rumah Kediaman **(RM1.5 b)**
  - Cukai Keuntungan Harta Tanah tidak dikenakan ke atas pelupusan yang dibuat mulai tahun keenam dan ke atas
  - Projek Perumahan Rakyat: - 11,800 unit rumah **(RM398 j)**
  - Program Rumah Mesra Rakyat - 3,000 unit rumah **(RM315 j)**
  - Program Perumahan Penjawat Awam **(RM266 j)**
  - Program Bantuan Rumah: membina rumah baharu dan membaik pulih rumah 14,000 rumah **(RM361 j)**
  - Program Penyelenggaraan Perumahan dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia **(RM125 j)**
- Pembiayaan **(RM2 b)**
  - Skim Jaminan Kredit Perumahan: Pinjaman perumahan kepada golongan tiada pendapatan tetap

### Inisiatif 3: Akses Kemudahan Pengangkutan – RM518.6 j

- Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah dan Sarawak **(RM209 j)**
- Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-Henti (ISBSF) **(RM80 j)**
- Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-Henti (SBST) **(RM78 j)**
- Subsidi Tren Tidak Ekonomik (TTE) Sektor Wilayah Timur **(RM33 j)**
- Inisiatif MyRail5 - Pas perjalanan bulanan tanpa had selama 30 hari dengan harga RM5 kepada pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU) **(RM3.6 j)**
- Pas perjalanan bas dan rel tanpa had - Perkhidmatan bas dan rel dengan harga RM50 sebulan **(RM115 j)**

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 4: Infrastruktur Luar Bandar – RM2.5 b

- Projek Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa: 519 kilometer **(RM1.5 b)**
- Bekalan air luar bandar dan bekalan air alternatif: 4,800 buah rumah **(RM382 j)**
- Bekalan elektrik luar bandar: Lebih 2,100 buah rumah **(RM485 j)**
- Memasang 7,000 unit lampu jalan kampung, menyelenggara lebih 500,000 unit lampu jalan kampung dan menaik taraf 20 buah jambatan uzur serta kerja-kerja awalan bagi 30 buah jambatan baharu **(RM107 j)**
- Daripada RM2.5 bilion pembangunan infrastruktur luar bandar diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak **(RM1.5 b)**

### Inisiatif 5: Pertahanan & Ketenteraman Awam

- Peruntukan Kementerian Pertahanan **(RM16 b)**
- Peruntukan Kementerian Dalam Negeri **(RM17 b)**
- Mempertingkatkan kesiapsiagaan aset utama Angkatan Tentera Malaysia **(RM1.6 b)**
- Menggantikan peralatan utama PASKAL dan PASKAU seperti payung terjun, alat selam litar tertutup dan bot **(RM14 j)**
- Menyelenggara sekolah dalam kem tentera, fasiliti ketenteraan dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera, penggantian dan pembaikan fasiliti serta kuarters PDRM **(RM230 j)**
- Menambah 8 pos kawalan Pasukan Gerakan Am antaranya di Pagalungan, Sabah dan Temong Mura, Sarawak **(RM2.2 j)**
- Menambah 4 pintu masuk imigresen baharu antaranya di Telok Melano dan Baleh, Sarawak
- Kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) **(RM100 j)**
- *Malaysian Incentive Community Empowerment* - Pemberian geran sehingga RM10,000 kepada 2,000 pertubuhan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia **(RM20 j)**

## Fokus Kedua Perniagaan Yang Berdaya Tahan

### Strategi 1: Mengembali Keupayaan Perniagaan

Langkah Bajet 2022			
Inisiatif 1: Skim Kredit Mikro			
<ul style="list-style-type: none"> <li>Daripada pembiayaan kredit mikro RM1.8 bilion, fasiliti utama adalah seperti berikut:</li> </ul>			
Agensi	Program/Skim	Saiz Dana (RM juta)	Terma Pembiayaan
TEKUN	Skim Pinjaman Informal dan Mikro (SPIM)	200	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 0%</li> <li>Saiz: Sehingga RM10,000</li> <li>Tempoh: Sehingga 5 tahun (termasuk moratorium)</li> <li>Moratorium: 12 bulan</li> </ul>
TEKUN	Pelbagai skim mikro kredit	225	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 4%</li> <li>Saiz: Sehingga RM100,000</li> <li>Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> <li>Moratorium: 6 bulan</li> </ul>
BSN	Pelbagai Skim Pembiayaan Mikro Mudah	800	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 4% selanjutnya</li> <li>Saiz: Sehingga RM75,000</li> <li>Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> <li>Moratorium: 6 bulan</li> </ul>

## Langkah Bajet 2022

Agensi	Program/Skim	Saiz Dana (RM juta)	Terma Pembiayaan
Agrobank	Skim mikro kredit	250	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 3% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM75,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>

- Pembiayaan Koperasi
  - Program transformasi ekonomi gerakan ekonomi (TRANSFER) **(RM10 j)**
  - Program pembiayaan intervensi pemulihan ekonomi koperasi **(RM30 j)**
  - Penyediaan tapak perniagaan food truck kawasan bandar **(RM1.75 j)**

### Inisiatif 2 (a): Pembiayaan Perniagaan dan Pembiayaan Alternatif

Agensi	Program/Skim	Saiz Dana (RM juta)	Terma Pembiayaan
PUNB	Pelbagai program pembiayaan	200	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 5.0% - 8.0% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM10 juta</li> <li>• Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>
MIDF	<i>Jumpstart Financing</i>	50	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 2.0% - 3.0%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM500,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> <li>• Moratorium: 18 bulan</li> </ul>

## Langkah Bajet 2022

Agensi	Program/Skim	Saiz Dana (RM juta)	Terma Pembiayaan
Agrobank	Pelbagai program pembiayaan agromakanan	550	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 3.0% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM500,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 8 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>
BPMB	<i>Working Capital Scheme</i>	500	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 4%</li> <li>• Saiz: RM1 juta - RM10 juta</li> <li>• Tempoh: Sehingga 3 tahun</li> </ul>
SME Bank	<i>IBS Promotion Fund (IBS2.0)</i>	200	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: berdasarkan risiko</li> <li>• Saiz: Sehingga RM10 juta</li> <li>• Tempoh: Sehingga 15 tahun</li> <li>• Moratorium: tiada</li> </ul>
SME Bank	Program Pembiayaan Usahawan Muda ( <i>Young Entrepreneur Fund – YEF 2.0</i> )	100	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 5%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM1 juta</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>
SME Bank	<i>SME Recapitalisation Fund</i>	600	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: dividen <math>\pm</math> 6%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM5 juta</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>
BPMB	<i>RESET Fund</i>	500	<ul style="list-style-type: none"> <li>• n/a</li> </ul>
MyCIF	<i>Equity Crowdfunding Peer-to-peer lending (P2P)</i>	80	<ul style="list-style-type: none"> <li>• n/a</li> </ul>

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 2(b): Dana Bank Negara Malaysia untuk PKS (Berdasarkan jumlah peruntukan)

Agensi	Program/Skim	Terma Pembiayaan
BNM	<i>Targeted Relief and Recovery Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM500,000 Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium) Moratorium: sekurang-kurangnya 6 bulan
BNM	<i>Low Carbon Transition Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 5% setahun (bagi bahagian yang disalurkan oleh BNM) Saiz: Sehingga RM5 juta (bagi bahagian yang disalurkan oleh BNM) Tempoh: Sehingga 10 tahun (Butiran akan dimuktamadkan kemudian)
BNM	<i>Business Recapitalisation Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 3.5% setahun (bagi pembiayaan kredit) + dividen (ditentukan oleh pembiaya ekuiti) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun (Butiran akan dimuktamadkan kemudian)
BNM	<i>Agrofood Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 3.75% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 8 tahun
BNM	<i>Micro Enterprises Facility</i>	Kadar pinjaman: ditentukan oleh institusi kewangan Saiz: Perusahaan Mikro (termasuk pekerja sambilan ( <i>gig workers</i> ) yang menggunakan platform digital dan pekerja yang bekerja sendiri): Sehingga RM50,000 Tempoh: Sehingga 5 tahun
BNM	<i>SME Automation and Digitalisation Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 4% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM3 juta Tempoh: Sehingga 10 tahun

## Langkah Bajet 2022

Agensi	Program/Skim	Terma Pembiayaan
BNM	<i>PENJANA Tourism Financing</i>	Kadar pinjaman: sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM300,000; Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium) Moratorium: sekurang-kurangnya 6 bulan
BNM	<i>All Economic Sectors Facility</i>	Kadar pinjaman: sehingga 7% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM5 juta Tempoh: Sehingga 5 tahun
BNM	<i>High Tech Facility – National Investment Aspirations</i>	Kadar pinjaman: sehingga 3.5% setahun (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% setahun (termasuk fi jaminan) Saiz: Sehingga RM1 juta untuk tujuan modal kerja; atau sehingga RM5 juta untuk tujuan perbelanjaan modal ( <i>capital expenditure, CAPEX</i> ) atau gabungan modal kerja dan CAPEX Tempoh: Sehingga 7 tahun

- Jumlah dana tersedia pada 30 September 2021: **RM11.2 b** daripada jumlah fasiliti **RM31.1 bilion**

### Inisiatif 3: Jaminan Pembiayaan Perniagaan

- Penambahbaikan Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan
  - Meningkatkan had jaminan pembiayaan perniagaan sehingga RM10 bilion sebagai tambahan kepada RM20 bilion yang telah diumumkan di bawah pakej PEMULIH
  - Menjamin kemudahan pembiayaan yang dijadual dan distruktur semula sehingga 80% untuk tempoh 36 bulan sehingga maksimum RM20 juta termasuk ketika tempoh pemberian 12 bulan moratorium bayaran balik
  - Menjamin kemudahan pembiayaan baharu sehingga 80% termasuk ketika tempoh pemberian 12 bulan moratorium bayaran balik
- Jaminan RM2 bilion daripada tambahan RM10 bilion had baharu dikhususkan kepada peminjam Bumiputera

### Inisiatif 4: Kemudahan Menjalankan Perniagaan

- Lanjutan potongan cukai ke atas kos pengubahsuaian sehingga RM300,000 bagi menyokong pematuhan SOP seperti menambahbaik pengudaraan
- Potongan cukai tambahan sehingga RM50,000 ke atas perbelanjaan sewaan premis penginapan pekerja
- Penguatkuasaan pematuhan SOP COVID-19 melalui Kementerian Dalam Negeri dan juga pematuhan Akta 446 melalui Kementerian Sumber Manusia
- Menambah peluang penyertaan dalam perolehan Kerajaan, syarat keperluan pendaftaran akan dipermudahkan
- Mewujudkan *Business Travellers Centre* kedua di Johor **(RM10 j)**
- Layanan cukai
  - Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan
  - Kebenaran pindaan anggaran cukai
  - Potongan cukai khas atas pengurangan sewa
  - Kerugian terkumpul dibawa ke hadapan



# Strategi 2: Memacu Pelaburan Strategik

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Pelaburan Dalam Sektor Utama

- Dana khas pelaburan strategik bagi menarik pelaburan asing strategik dalam kalangan syarikat multinasional **(RM2 b)**
- Misi Perdagangan dan Pelaburan untuk meneroka pelaburan berimpak tinggi dan pasaran eskport baharu **(RM25 j)**
- Program kemahiran untuk melatih 20,000 pekerja bagi menyokong kluster industri **(RM80 j)**
- Program pembangunan kemahiran negeri bagi melatih 5,000 pekerja bidang seperti kimpalan minyak dan gas, automasi perindustrian dan mekatronik **(RM50 j)**
- Geran padanan Automasi Pintar kepada 200 syarikat pembuatan dan perkhidmatan **(RM100 j)**
- Lanjutan tempoh Elaun Pelaburan Semula
- Program-program pembangunan produk Perusahaan Mikro Kecil Sederhana halal **(RM25 j)**

### Inisiatif 2: Sains, Teknologi dan Inovasi

- Mempergiat aktiviti R&D di bawah MOSTI dan KPT **(RM423 j)**
- Geran padanan melalui *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* **(RM12 j)**
- Melaksanakan Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat di bawah Taman Teknologi Malaysia bagi manfaat 10,000 bakal usahawan **(RM30 j)**
- Program *MyStartup Cradle Fund* bagi mempergiat usaha memulih dan membina daya tahan ekonomi *startup* **(RM20 j)**
- Program transformasi teknologi ke arah revolusi industri keempat atau Industry4WRD dalam kalangan PKS **(RM45 j)**
- *National Regulatory Sandbox* di bawah FUTURISE akan digiatkan lagi

### Inisiatif 3: Inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH)

- JALINAN GLC: MEMPERKASA PKS bagi membantu usahawan PMKS melalui inisiatif seperti khidmat nasihat dan sokongan kewangan **(RM5 b)**
- JALINAN GLC CSR: SEJAHTERA RAKYAT untuk menolong rakyat melalui inisiatif seperti derma peralatan perubatan dan program biasiswa **(RM500 j)**
- Mempercepat bayaran kepada vendor selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh pengesahan invoice
- 40% perolehan tempatan dianugerahkan kepada usahawan Bumiputera
- Menawarkan 30,000 peluang pekerjaan bermula Januari 2022 di bawah program mySTEP and PROTEGÉ
- Mempertingkatkan kerja-kerja sukarela dalam kalangan GLC
- Unjuran pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM30 bilion oleh syarikat GLC pada tahun 2022 dalam bidang tenaga boleh diperbaharui, pemodenan rangkaian bekalan atau infrastruktur 5G
- Dana Impak disediakan di bawah Khazanah Nasional Berhad **(RM6 b)**

# Strategi 3: Memulih Sektor-Sektor Tumpuan

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Industri Pelancongan - RM1.6 b

- Program Subsidi Upah bersasar kepada pemain industri pelancongan **(RM600 j)**
  - Membantu pengusaha pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30%
  - RM600 selama 3 bulan terhad kepada 500 pekerja
  - Memberi manfaat kepada lebih 26,000 majikan dan 330,000 pekerja
- Pembiayaan khusus sektor Pelancongan
  - BNM - PENJANA Tourism Financing **(RM500 j)**
  - BPMB - BPMB Rehabilitation Scheme **(RM100 j)**
- Bantuan Khas kepada pengusaha pelancongan **(RM85 j)**
- Pelaksanaan projek pelancongan **(RM82 j)**
  - Projek pelestarian Taman Tamadun Islam di Kuala Terengganu
  - Pembangunan Melaka Island Geopark dan Island Zipline, di Pulau Besar, Melaka
  - Menaik taraf kemudahan pelancongan di Kompleks Gua Gelap, Gua Keris dan Gua Pagar di Dabong, Kelantan
- Penyelenggaraan infrastruktur pelancongan **(RM50 j)**
  - Bangunan Sultan Abdul Samad
  - Carcosa Seri Negara
  - Lembah Bujang di Kedah
  - Lombong Sungai Lembing di Pahang
- Geran padanan kepada pemilik inap desa berdaftar **(RM30 j)**
  - Membaiki kondisi dan fasiliti hotel /inap desa (738 hotel bajet)
- Geran Sepadan Pelancongan, Seni dan Budaya kepada syarikat swasta/badan berkanun bukan kerajaan bagi menganjurkan program/acara/projek berkaitan seni & kebudayaan **(RM50 j)**
- Dana galakan bagi mempromosi serta menggalakkan pelancongan domestik **(RM60 j)**
- Pelancongan Kesihatan bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancongan kesihatan **(RM20 j)**
- Pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pelancongan
- Pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti.
- Pengecualian duti hiburan dan cukai pelancongan

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 2: Industri Kreatif - RM238 j

- Inisiatif industri kreatif yang diteruskan (**RM188 j**)
  - Dana Kandungan Digital (**RM60 j**)
  - Projek Kandungan Multimedia Digital (**RM90 j**)
  - Insentif Filem (**RM15 j**)
  - Program Perkasa Modal Insan (**RM3 j**)
- Program Rihuh Keluarga Malaysia (**RM20 j**)
- Skim Padanan Pinjaman Pelaburan bagi inisiatif Platform Animasi Negara (**RM30 j**)
- Skim Perlindungan Sosial PERKESO kepada kumpulan kreatif (**RM5 j**)

### Inisiatif 3: Industri Peruncitan - RM307 j

- *Shop Malaysia Online* dan *Go-eCommerce Onboarding* (**RM250 j**)
- Penghasilan dan pembelian produk tempatan
  - Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia, Program Jualan Malaysia dan Program Khazanah Alam Industri Jualan Langsung (**RM33 j**)
  - Logo Buatan Malaysia sebagai rujukan utama kepada agensi Kerajaan dan syarikat yang terlibat dalam perolehan Kerajaan
  - Program Perjanjian *Off-Take* kesihatan serta mengkaji untuk meluaskan kepada sektor keselamatan dan pertahanan bagi menggalakkan pembangunan industri tempatan
- Program latihan dan bimbingan perniagaan dan skim pembiayaan mudah (**RM74 j**)
  - Skim pembiayaan mudah 0% selama 6 bulan pertama berserta moratorium

### Inisiatif 4: Industri Pertanian, Jaminan Makanan & Komoditi

- Pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan (**RM1.7 b**)

Bil.	Subsidi/Insentif Pertanian	Peruntukan (RM juta)
1.	Subsidi Harga Padi	570
2.	Subsidi Baja Padi	383
3.	Subsidi Benih Padi Sah	75
4.	Subsidi Baja Padi Bukit/Huma	40
5.	Insentif Pengeluaran Padi	462
6.	Insentif Hasil Tangkapan Nelayan	151
Jumlah keseluruhan (RM)		1,700

## Langkah Bajet 2022

- Jaminan Bekalan Makanan
  - Pelbagai projek Jaminan Bekalan Makanan **(RM66 j)**
    - Pembangunan Industri Akuakultur dan Estet Kerang-Kerangan di Negeri Johor
    - Pembangunan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan Berteknologi Tinggi di Negeri Pahang
  - Program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara **(RM20 j)**
  - Program Bantuan Insentif Makanan Ternakan Ruminan melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit **(RM25 j)**
  - Program Galakan Usahawan Tekno PKS **(RM10 j)**
- Sewaan tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan dan tanah Rizab Melayu bagi tujuan projek pertanian atau perniagaan
- Program Pembiayaan Skim SemarakNiaga
  - BNM - *Agrofood Facility* **(RM500 j)**
  - Agrobank – Dana Pembiayaan Agromakanan **(RM200 j)**
- Program Pembangunan Komoditi **(RM2.5 b)**
  - FELDA bagi tujuan pakej pemulihan dan pembangunan peneroka **(RM1.3 b)**
  - Inisiatif bagi Manfaat peserta FELCRA **(RM495 j)**
  - Kemajuan pekebun kecil bagi perusahaan getah di bawah RISDA **(RM699 j)**
- Program Transformasi Perusahaan Getah Negara bagi 600 pekebun kecil getah **(RM5 j)**
- Program peningkatan produktiviti getah **(RM15 j)**
- Geran padanan - Teknologi RRIM Hydrobest bagi membantu meningkatkan Taraf Sosioekonomi Pekebun Kecil Kategori B40 **(RM5 j)**
- Bantuan Musim Tengkujuh kepada 320,000 pekebun kecil **(RM190 j)**
- Skim Perlindungan Takaful *Smart Card* Peladang kepada lebih 920,000 ahli peladang PPK dengan bayaran premium sebanyak RM5 untuk tempoh perlindungan selama setahun **(RM5 j)**
- Skim Rangsangan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil **(RM10 j)**
- Kempen anti minyak sawit diperingkat antarabangsa **(RM20 j)**
- Kenaikan nilai ambang kenaan levi keuntungan luar biasa kelapa sawit bagi Semenanjung Malaysia daripada RM2,500 kepada RM3,000 dan bagi Sabah dan Sarawak daripada RM3,000 kepada RM3,500 dan pelarasan kadar levi

# Fokus Ketiga Ekonomi Yang Makmur Dan Mampan

## Strategi 1: Agenda Kelestarian

### Langkah Bajet 2022

#### Inisiatif 1: Amalan Rendah Karbon

- *Voluntary Carbon Market* (VCM) oleh Bursa Malaysia
- Dana padanan - Kemudahan peralihan kepada rendah karbon **(RM1 b)**
- Pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan bagi kenderaan EV

#### Inisiatif 2: Alam Sekitar & Biodiversiti - RM450 j

- Projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam **(RM115 j)**
- Program memperkasa penglibatan komuniti tempatan, veteran tentera dan Orang Asli sebagai pengawal biodiversiti kawasan **(RM37 j)**
- Program Pemerkasaan Ekopelancongan Sumber Asli Ke Arah Pembangunan Komuniti Setempat **(RM15 j)**
- Bantuan bagi kos operasi zoo dan pameran tetap, program kerjasama zoo dan pameran tetap bagi meningkatkan pembiakan Harimau Malaya dan program *Frozen Zoo* **(RM13 j)**
- Kempen penanaman 100 juta pokok **(RM10 j)**
- Program menangani pencemaran alam sekitar **(RM24 j)**
- Dana Bagi Pengerak Program SDG **(RM9 j)**
- Projek rintis penghasilan biofuel dan sistem tuaian air hujan di bangunan Kerajaan **(RM7 j)**
- *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) **(RM70 j)**
- Perluasan skop galakan cukai teknologi hijau bagi pembelian aset hijau dan perkhidmatan hijau yang layak kepada projek Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan
- Program Pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water* - NRW) **(RM150 j)**

### Inisiatif 3: Pemerكَasaan Komuniti

- Geran padanan kepada NGO **(RM100 j)**
  - Penjanaaan pendapatan dan peningkatan pekerjaan bagi golongan rentan di kawasan luar bandar **(RM30 j)**
  - Menangani isu kesihatan mental melalui program kesedaran dan pembangunan kapasiti **(RM20 j)**
  - Pendidikan dalam konteks pembelajaran selepas waktu sekolah serta pengajaran dalam talian **(RM20 j)**
  - Pemeliharaan alam sekitar dan kebajikan haiwan **(RM20 j)**
  - Pemeliharaan seni dan warisan **(RM5 j)**
  - Perusahaan sosial **(RM5 j)**
- Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan perusahaan sosial
- Geran kepada NGO dan universiti bagi program perusahaan sosial **(RM10 j)**
- Pembelajaran digital termasuk aplikasi pendidikan dalam talian dan program robotik **(RM20 j)**
- Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan kepada semua Kementerian
- Peruntukan kepada United Nation Development Program bagi aktiviti pelancongan dan geran pembiayaan bagi syarikat *startup*, NGO dan SOE tempatan **(RM14 j)**
- Cuti tanpa rekod maksimum 5 hari setahun kepada penjawat awam yang melibatkan diri dalam aktiviti NGO

### Inisiatif 4: Sukuk Kelestarian

- Penerbitan Sukuk Kelestarian **(RM10 b)**

# Strategi 2: Merapatkan Jurang Ekonomi

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Projek Pembangunan Untuk Pemulihan

- Pelbagai projek infrastruktur **(RM3.53 b)**
  - Meneruskan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sabah daripada Sindumin ke Rampayan Laut
  - Meneruskan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak daripada Semantan ke Jalan Pujut *Link*
  - Projek Skim Pemindahan Air Jeniang, Kedah
  - Meneruskan projek *Central Spine Road* di jajaran Paloh 2 ke Gua Musang dan menyiapkan jajaran Kg Orang Asli Sungai Chandan ke Kg Asap dan Raub *ByPass*
  - Membina pakej lebuh raya dari Kok Lanas ke Bukit Tiu, Lebuh Raya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan
  - Pembaikan Cerun dan Jalan Dari Kg. Tuit Ke Kg. Mat Daling (Seksyen 2), Jerantut, Pahang
  - Pembinaan *Floodwall* Rantau Panjang
- Dana Mudahcara Infrastruktur Ketiga di bawah seliaan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri memberi fokus kepada usahasama awam swasta yang bersifat *user pay* dan tidak melibatkan dana Kerajaan **(RM200 j)**
- Projek kecil dan sederhana G1 – G4 **(RM2.9 b)**
  - Projek-projek kecil senggaraan sekolah, pejabat, bangunan, jambatan, lampu jalan dan lampu isyarat **(RM800j)**
  - Projek Kecil di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan **(RM327.8j)**
  - Jalan Perhubungan Desa dan Jalan Persekutuan **(RM323.9j)**
  - Kerja-kerja pembaikan turapan jalan (*pavement*) dan penyelenggaraan cerun **(RM241.3j)**
  - Projek-projek kecil senggaraan sekolah-sekolah dalam kem tentera, fasiliti kesihatan ATM dan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) **(RM200j)**
  - Pembaikan fasiliti yang rosak akibat banjir **(RM175j)**
  - Penyelenggaraan lif perumahan, baik pulih rumah, rumah ibadat dan rumah sembelih **(RM166.9j)**
  - Program Ameniti Sosial (PAMS) di luar bandar termasuk di Perkampungan Orang Asli **(RM81.9j)**
  - Bekalan air dan elektrik luar bandar **(RM34.3 j)**
  - Menaik taraf gelanggang sukan di pelbagai Negeri **(RM21.5j)**
  - Lain-lain **(RM481.2j)**



### Inisiatif 2: Pembangunan Antara Wilayah

- Pembangunan koridor **(RM690 j)**
- Peruntukan khusus negeri – RM20 juta setiap negeri **(RM260 j)**
- Peruntukan DE Sabah **(RM5.2 b)** dan Sarawak **(RM4.6 b)**
- Bank Bergerak – tambahan 20 buah di 250 kawasan pendalaman

### Inisiatif 3: Projek Ketersambungan Digital

- Penerusan JENDELA **(RM700 j)**
- Rangkaian ICT di institusi pendidikan KPM **(RM50 j)**
- Ketersambungan digital di 40 PPR sedia ada **(RM30 j)**
- Perkhidmatan 5G: di hujung 2021, di Kuala Lumpur dan bagi 2022, bandar-bandar utama di Selangor, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak
- Skim Geran Pendigitalan PKS dengan tumpuan baharu kepada usahawan mikro Bumiputera **(RM200 j)**
- Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Keluarga Malaysia **(RM90 j)**
  - Transformasi 600 PEDi kepada Pusat Sehenti (*One Stop Centre/OSC*) bagi Program Pemeraksanaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK)
- Projek Rintis - Malaysia Digital Nomad **(RM5 j)**

# Strategi 3: Konsolidasi Fiskal Dan Kemampuan Hasil

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA)

- Akta Tanggungjawab Fiskal
- *Public Expenditure Review*

### Inisiatif 2: Langkah-langkah Kemampuan Hasil

- Langkah Kemampanan Hasil
  - Layanan duti setem ke atas nota kontrak dan layanan cukai perkhidmatan ke atas aktiviti pembrokeran dagangan saham tersenarai
  - Cukai pendapatan ke atas pendapatan dari luar negeri
  - Cukai jualan ke atas barang bernilai rendah
  - Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran barang
  - Program Khas Pengakuan Sukarela JKDM
  - Sijil Pematuhan Cukai LHDN
  - Penggunaan nombor pengenalan cukai
- Penyata Perbelanjaan Cukai
- Kenaan Cukai Makmur

# Strategi 4: Mendukung Penyampaian Perkhidmatan Awam

## Langkah Bajet 2022

### Inisiatif 1: Pembaharuan Penyampaian Perkhidmatan

- Inisiatif MyDigital
  - Identiti Digital Nasional: membolehkan urusan digital dengan selamat (kos projek RMKe-12 RM460 j)
  - *Digital First Programme* bagi meningkatkan penggunaan perkomputeran awam
- JPJ – 100 kiosk di UTC dan 20 buah kaunter bergerak **(RM24 j)**
- Perkhidmatan klinik bergerak oleh Hospital Pengajar Universiti **(RM20 j)**

### Inisiatif 2: Kebajikan Penjawat Awam

- Kadar keuntungan skim pembiayaan komputer dan telefon pintar diturunkan kepada 2%
- Penyelenggaraan kuarters dan bangunan guna sama di bawah seliaan BPH **(RM365 j)**
- Memperluas perlindungan kemalangan diri sehingga RM100,000 kepada 40,000 peminjam baharu LPPSA
- Bayaran insentif pengawasan banduan ditingkatkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan dan diluaskan kepada pegawai kader di penjara
- Kenaikan elaun penugasan Sukarelawan Simpanan Polis
  - Pegawai - RM7.80 kepada RM9.80
  - Anggota – RM6.00 kepada RM8.00
- Bayaran insentif RM200 kepada Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 dan Pembantu Perawatan Kebajikan Gred U11 dan U14
- Gantian cuti rehat dinaikkan daripada maksimum 150 hari kepada 160 hari
- Penebusan awal GCR sehingga 50% atau 80 hari
- Bantuan Khas Kewangan: 1.3 juta Gred 56 dan ke bawah RM700 dan 1 juta pesara RM350 **(RM1.3 b)**
- Jawatankuasa Pemantauan Bajet 2022 yang akan dipengerusikan YAB Perdana Menteri bagi memastikan pelaksanaan tuntas dan berkesan



# **Lampiran II**

# **Langkah Cukai**

# **Bajet 2022**



# Senarai Lampiran

**105 LAMPIRAN 1**

Kajian Semula Pelepasan Cukai Bagi Caruman Perkeso

---

**106 LAMPIRAN 2**

Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Yuran Kursus *Up-Skilling* Dan *Self-Enhancement*

---

**107 LAMPIRAN 3**

Peluasan Skop Pelepasan Cukai Ke Atas Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

---

**108 LAMPIRAN 4**

Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan

---

**109 LAMPIRAN 5**

Lanjutan Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Bagi Perbelanjaan Pelancongan Domestik

---

**110 LAMPIRAN 6**

Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Bayaran Yuran Taman Asuhan Kanak-Kanak Atau Taman Didikan Kanak-Kanak

---

**111 LAMPIRAN 7**

Lanjutan Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Bagi Pembelian Telefon Bimbit, Komputer Dan Tablet

---

**112 LAMPIRAN 8**

Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Anuiti Tertanggung

---

**113 LAMPIRAN 9**

Cukai Ke Atas Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Malaysia

---

**114 LAMPIRAN 10**

Pengenaan Cukai Makmur

---

**115 LAMPIRAN 11**

Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Perusahaan Sosial

---

**116 LAMPIRAN 12**

Kajian Semula Layanan Cukai Ke Atas Kerugian Berkumpulan

---

**117 LAMPIRAN 13**

Lanjutan Potongan Cukai Khas Bagi Pengurangan Sewa Premis Perniagaan

---

**118 LAMPIRAN 14**

Pengecualian Duti Setem Ke Atas Perjanjian Pinjaman/ Pembiayaan Bagi Pembiayaan Antara Rakan Setara

---



**119 LAMPIRAN 15**

Kajian Semula Layanan Duti Setem Ke Atas Polisi  
Insurans Atau Sijil Takaful Dengan Premium/  
Sumbangan Tahunan Bernilai Kecil

---

**121 LAMPIRAN 16**

Kajian Semula Duti Setem Ke Atas Nota Kontrak Bagi  
Dagangan Saham Tersenarai

---

**122 LAMPIRAN 17**

Lanjutan Pengecualian Duti Setem Ke Atas Perjanjian  
Penstrukturan Semula Atau Penjadualan Semula  
Pinjaman/Pembiayaan

---

**123 LAMPIRAN 18**

Lanjutan Pengecualian Duti Setem Bagi Surat Cara  
Berkaitan Percantuman Dan Pemerolehan

---

**124 LAMPIRAN 19**

Kajian Semula Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah  
Bagi Individu Dan Pemastautin Tetap Serta Selain  
Syarikat

---

**125 LAMPIRAN 20**

Galakan Cukai Bagi Menyokong Pembangunan Industri  
Kenderaan Elektrik

---

**127 LAMPIRAN 21**

Galakan Cukai Bagi Projek *Late-Life Assets* Untuk Industri Petroleum Hulu

---

**129 LAMPIRAN 22**

Galakan Cukai Bagi Skim *Digital Ecosystem Acceleration*

---

**131 LAMPIRAN 23**

Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program *Internship Berstruktur*

---

**133 LAMPIRAN 24**

Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Syarikat *Anchor* Di Bawah Program Pembangunan Vendor

---

**135 LAMPIRAN 25**

Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Biasiswa

---

**137 LAMPIRAN 26**

Peluasan Skop Galakan Cukai Bagi Teknologi Hijau

---

**139 LAMPIRAN 27**

Lanjutan Kadar Cukai Pendapatan Istimewa Kepada Individu Bukan Warganegara Yang Memegang Jawatan Utama Dalam Syarikat Yang Membuat Pelaburan Baharu Strategik

---

**141 LAMPIRAN 28**

Lanjutan Galakan Cukai Untuk Penganjuran Aktiviti Kesenian, Kebudayaan, Sukan Dan Rekreasi Di Malaysia

---

**142 LAMPIRAN 29**

Lanjutan Galakan Cukai Bagi Pembelian Kenderaan Pelancongan

---

**143 LAMPIRAN 30**

Lanjutan Pengecualian Cukai Pelancongan

---

**144 LAMPIRAN 31**

Lanjutan Pengecualian Duti Hiburan Di Wilayah Persekutuan

---

**145 LAMPIRAN 32**

Lanjutan Rebat Cukai Bagi Penubuhan Entiti Baharu Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana

---

**147 LAMPIRAN 33**

Lanjutan Elaun Pelaburan Semula Tambahan

---

**148 LAMPIRAN 34**

Lanjutan Galakan Cukai Bagi Kos Pengubahsuaian Dan Pembaharuan Premis Perniagaan

---

**149 LAMPIRAN 35**

Lanjutan Potongan Cukai Tambahan Ke Atas Perbelanjaan Penginapan Pekerja (*Safe@Work*)

---

**150 LAMPIRAN 36**

Lanjutan Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Kereta Penumpang

---

**151 LAMPIRAN 37**

Cukai Jualan Ke Atas *Low Value Goods*

---

**152 LAMPIRAN 38**

Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Penghantaran Barang

---

**153 LAMPIRAN 39**

Pengecualian Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Pembrokeran Berkaitan Dagangan Saham Tersenarai

---

**154 LAMPIRAN 40**

Duti Eksais Ke Atas Cecair Atau Gel Yang Digunakan Dalam Rokok Elektronik Dan *Vape*

---

**155 LAMPIRAN 41**

Peluasan Skop Duti Eksais Produk Minuman Bergula

---

**157 LAMPIRAN 42**

Kajian Semula Levi Keuntungan Luar Biasa

---

## LAMPIRAN 1

# Kajian Semula Pelepasan Cukai Bagi Caruman Perkeso

---

### Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2016, pelepasan cukai sehingga RM250 diberikan kepada pekerja di sektor swasta yang mencarum dengan skim perlindungan keselamatan sosial yang dikawal selia oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Caruman pekerja melalui Sistem Insurans Pekerjaan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 untuk perlindungan pendapatan akibat kehilangan pekerjaan tidak layak pelepasan cukai.

### Cadangan

Bagi terus menggalakkan pekerja swasta untuk mencarum dengan PERKESO khususnya melindungi mereka yang berisiko kehilangan pekerjaan, dicadangkan pelepasan ini dikaji semula seperti berikut:

- i. skop pelepasan cukai bagi caruman PERKESO diperluaskan untuk meliputi caruman pekerja melalui Sistem Insurans Pekerjaan; dan
- ii. had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM250 kepada RM350.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2022.

## **Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Yuran Kursus *Up-Skilling* Dan *Self-Enhancement***

---

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan individu terhad sehingga RM1,000 daripada jumlah pelepasan yuran pengajian sebanyak RM7,000 diberikan ke atas perbelanjaan yuran menghadiri kursus *up-skilling* atau *self-enhancement* dalam mana-mana bidang kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Pelepasan ini diberikan bagi tahun taksiran 2021 dan tahun taksiran 2022.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan warganegara Malaysia meningkatkan dan memperbaharui kemahiran serta menceburi bidang baharu, dicadangkan had pelepasan ini dinaikkan daripada sehingga RM1,000 kepada sehingga RM2,000 bagi tahun taksiran 2022 dan dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2023.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2022 dan tahun taksiran 2023.

### LAMPIRAN 3

## Peluasan Skop Pelepasan Cukai Ke Atas Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

### Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2019, pelepasan cukai pendapatan individu diberikan ke atas caruman mandatori pekerja atau yang bekerja sendiri kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sumbangan takaful atau bayaran premium insurans hayat seperti berikut:

Bil.	Jenis Caruman	Jumlah Pelepasan
1.	Bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful.	Sehingga RM3,000
2.	Caruman kepada skim yang diluluskan (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis.	Sehingga RM4,000
<b>Jumlah</b>		<b>Sehingga RM7,000</b>

Bagi penjawat awam yang telah diberi taraf berpencen, pelepasan cukai pendapatan ke atas sumbangan takaful atau bayaran premium insurans hayat diberikan sehingga RM7,000.

### Cadangan

Bagi menggalakkan tabungan untuk persediaan menghadapi hari tua, dicadangkan skop pelepasan cukai kepada pencarum KWSP diperluaskan untuk meliputi pencarum secara sukarela termasuk penjawat awam berstatus berpencen.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2022.

## **Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan**

---

### **Kedudukan Semasa**

Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM8,000 layak dituntut ke atas perbelanjaan rawatan perubatan penyakit serius bagi pembayar cukai individu, pasangan dan anak serta rawatan kesuburan bagi pembayar cukai dan pasangan. Tuntutan pelepasan cukai hendaklah dibuktikan dengan resit dan perakuan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan rawatan diberi kepada pembayar cukai, pasangan atau anak. Pelepasan ini termasuk amaun sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan pemeriksaan kesihatan penuh dan RM1,000 bagi perbelanjaan vaksinasi.

### **Cadangan**

Bagi membantu rakyat yang mengalami impak kesihatan mental akibat pandemik COVID-19, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan individu bagi perbelanjaan pemeriksaan kesihatan penuh diperluaskan meliputi kos pemeriksaan atau khidmat konsultasi berkaitan kesihatan mental daripada:

- i. ahli psikiatri yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615); atau
- ii. ahli psikologi klinikal yang berdaftar dengan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774); atau
- iii. kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2022.



## LAMPIRAN 5

# Lanjutan Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Bagi Perbelanjaan Pelancongan Domestik

---

### Kedudukan Semasa

Pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 telah diberikan bagi perbelanjaan pelancongan domestik yang dilakukan antara 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2021 meliputi:

- i. perbelanjaan penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC); dan
- ii. bayaran masuk ke pusat tarikan pelancong.

Pada Mac 2021, melalui PEMERKASA, skop pelepasan khas ini diperluaskan kepada perbelanjaan pembelian pakej pelancongan melalui ejen pelancongan tempatan yang berdaftar dengan MOTAC, merangkumi:

- i. bayaran perkhidmatan pemandu pelancong tempatan;
- ii. pembelian produk kraf tangan tempatan;
- iii. makanan dan minuman; dan
- iv. pengangkutan termasuk *hop-on hop-off*.

### Cadangan

Bagi membantu fasa pemulihan industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19, dicadangkan pelepasan khas cukai pendapatan individu ini dilanjutkan bagi perbelanjaan yang dilakukan mulai 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2022.

## **Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Bayaran Yuran Taman Asuhan Kanak-Kanak Atau Taman Didikan Kanak-Kanak**

---

### **Kedudukan Semasa**

Mulai tahun taksiran 2020, pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,000 diberikan kepada ibu atau bapa ke atas bayaran yuran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui PENJANA, had pelepasan ini dinaikkan sehingga RM3,000 bagi tahun taksiran 2020 dan tahun taksiran 2021.

### **Cadangan**

Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa dalam menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak, dicadangkan pelepasan sehingga RM3,000 ini dilanjutkan untuk 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi tahun taksiran 2022 dan tahun taksiran 2023.

## LAMPIRAN 7

# Lanjutan Pelepasan Khas Cukai Pendapatan Individu Bagi Pembelian Telefon Bimbit, Komputer Dan Tablet

---

### Kedudukan Semasa

Melalui PENJANA, Kerajaan mengumumkan pemberian pelepasan khas cukai pendapatan individu untuk pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet sehingga RM2,500 bagi tahun taksiran 2020. Ini merupakan tambahan kepada pelepasan ke atas perbelanjaan pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet sehingga RM2,500 yang diberikan di bawah pelepasan gaya hidup. Pelepasan khas cukai pendapatan individu ini telah dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2021 di bawah PERMAI.

### Cadangan

Sejajar dengan norma baharu dan amalan bekerja dari rumah dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), dicadangkan pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet dilanjutkan untuk 1 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2022.

## Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Anuiti Tertanggung

---

### Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM3,000 ke atas bayaran premium untuk anuiti tertanggung dan caruman dalam Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme* - PRS) layak dituntut setiap tahun oleh pembayar cukai individu mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021. Melalui Belanjawan 2021, tempoh pelepasan cukai pendapatan bagi caruman dalam PRS dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025.

### Cadangan

Selaras dengan lanjutan pelepasan cukai pendapatan bagi caruman dalam PRS, dicadangkan pelepasan cukai pendapatan bagi bayaran premium anuiti tertanggung dilanjutkan untuk 4 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2025.

## LAMPIRAN 9

# Cukai Ke Atas Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Malaysia

---

### **Kedudukan semasa**

Cukai pendapatan dikenakan kepada mana-mana orang ke atas pendapatan yang terakru di Malaysia atau terbit dari Malaysia atau diterima di Malaysia daripada sumber luar Malaysia.

Bagi meningkatkan pelaburan dengan menggalakkan pendapatan sumber luar negara diremitkan untuk dilaburkan semula di Malaysia, pendapatan tersebut dikecualikan cukai melalui pindaan Perenggan 28, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian cukai ini tidak terpakai kepada syarikat pemastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan air atau udara.

### **Cadangan**

Bagi memberikan layanan cukai sama rata dengan pendapatan yang terakru di Malaysia atau terbit dari Malaysia dan selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pematuhan amalan terbaik percukaian di peringkat antarabangsa, dicadangkan cukai pendapatan dikenakan kepada pemastautin di Malaysia ke atas pendapatan yang terbit daripada sumber luar negara dan diterima di Malaysia.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2022.

## Pengenaan Cukai Makmur

---

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta dikategorikan sebagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM600,000. Pendapatan bercukai selebihnya dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24%.

Bagi syarikat selain kategori di atas dikenakan cukai pada kadar 24%.

### Cadangan

Bagi menyokong inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan terjejas, dicadangkan suatu cukai khas iaitu Cukai Makmur secara *one-off* dikenakan kepada syarikat selain PMKS yang menjana pendapatan tinggi dalam tempoh pandemik COVID-19 seperti berikut:

- i. pendapatan bercukai sehingga RM100 juta pertama dikenakan cukai pada kadar 24%; dan
- ii. pendapatan bercukai selebihnya dikenakan cukai pada kadar 33%.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2022.

## Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Perusahaan Sosial

---

### Kedudukan Semasa

Sumbangan secara tunai kepada Perusahaan Sosial yang diakreditasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diberi potongan cukai pendapatan sehingga 10% daripada pendapatan agregat di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Walau bagaimanapun, pendapatan Perusahaan Sosial termasuk sumbangan yang diterima tertakluk kepada cukai pendapatan.

### Cadangan

Bagi membantu Perusahaan Sosial meningkatkan dana untuk menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif, dicadangkan perkara berikut:

- i. pengecualian cukai ke atas semua pendapatan sehingga 3 tahun taksiran berdasarkan kepada tempoh sah laku Akreditasi Perusahaan Sosial; dan
- ii. menubuhkan Jawatankuasa Bersama Akreditasi yang dianggotai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Yayasan Hasanah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan akreditasi oleh Perusahaan Sosial.

### Tarikh Kuat Kuasa

- i. Bagi permohonan pengecualian cukai yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.
- ii. Bagi permohonan akreditasi yang diterima oleh Yayasan Hasanah mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

## **Kajian Semula Layanan Cukai Ke Atas Kerugian Terkumpul**

---

### **Kedudukan Semasa**

Mulai tahun taksiran 2019, kerugian yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran semasa dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk tempoh maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut dan bakinya jika ada, hendaklah diabaikan. Baki kerugian terkumpul sehingga tahun taksiran 2018 boleh dibawa ke hadapan sehingga tahun taksiran 2025 sahaja. Sekatan ini adalah untuk mengukuhkan layanan cukai ke atas tuntutan kerugian dan mengurangkan kehilangan hasil kepada Kerajaan.

### **Cadangan**

Bagi menyokong langkah pemulihan perniagaan yang mengalami kerugian akibat pandemik COVID-19, dicadangkan layanan cukai semasa dikaji semula seperti berikut:

- i. kerugian semasa perniagaan yang tidak dapat diserap dan boleh dibawa ke hadapan mulai tahun taksiran 2019 dan seterusnya dilanjutkan daripada tempoh maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut kepada tempoh maksimum 10 tahun taksiran berturut-turut; dan
- ii. baki kerugian terkumpul sehingga tahun taksiran 2018 yang boleh dibawa ke hadapan sehingga tahun taksiran 2025 dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2028.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2019.



## **Lanjutan Potongan Cukai Khas Bagi Pengurangan Sewa Premis Perniagaan**

---

### **Kedudukan Semasa**

Pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang memberikan pengurangan atau pelepasan sewa kepada penyewa premis perniagaan diberi potongan cukai khas bersamaan dengan amaun pengurangan sewa sehingga Disember 2021. Potongan cukai khas ini diberikan tertakluk kepada syarat pengurangan sewa hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut.

### **Cadangan**

Bagi membantu syarikat yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19 dan mengurangkan kos operasi syarikat, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi pengurangan sewa pada bulan Januari 2022 hingga Jun 2022.

## **Pengecualian Duti Setem Ke Atas Perjanjian Pinjaman/Pembiayaan Bagi Pembiayaan Antara Rakan Setara**

---

### **Kedudukan Semasa**

Pembiayaan antara rakan setara (*peer-to-peer* - P2P) diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2016. Pembiayaan P2P merupakan pembiayaan alternatif berinovatif bagi membolehkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) meningkatkan modal perniagaan dalam bentuk pinjaman atau pembiayaan melalui platform P2P atas talian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Pembiayaan P2P bertujuan untuk memenuhi keperluan pendanaan dari PMKS, terutamanya usahawan baharu dan perusahaan mikro yang sukar untuk mendapatkan akses kepada kemudahan pembiayaan atau pinjaman dari institusi kewangan yang mengenakan syarat pinjaman yang ketat. Platform P2P bertindak menghubungkan PMKS dengan pelbagai pelabur yang kemudiannya akan melaburkan dana berdasarkan permintaan oleh PMKS melalui platform digital tersebut.

Setiap pendanaan yang berjaya oleh PMKS melalui platform P2P dikenakan duti setem ke atas perjanjian pinjaman/pembiayaan pada kadar di antara 0.05% hingga 0.50%.

### **Cadangan**

Bagi membantu meluaskan akses PMKS kepada pembiayaan alternatif dan mengurangkan kos pembiayaan, dicadangkan pengecualian duti setem 100% diberikan ke atas perjanjian pinjaman/pembiayaan P2P antara PMKS dan pelabur untuk 5 tahun.

Pengecualian ini hanya diberikan bagi pembiayaan P2P yang dibuat melalui platform P2P yang berdaftar dan diiktiraf oleh SC.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian pinjaman/pembiayaan P2P yang disempurnakan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026.

## **Kajian Semula Layanan Duti Setem Ke Atas Polisi Insurans Atau Sijil Takaful Dengan Premium/Sumbangan Tahunan Bernilai Kecil**

---

### **Kedudukan Semasa**

Pengecualian duti setem diberikan ke atas pembelian polisi insurans atau sijil takaful bagi Produk Perlindungan Tenang dengan nilai premium atau sumbangan tahunan bernilai kecil tidak melebihi RM100. Layanan ini disediakan untuk membantu golongan berpendapatan rendah (B40) mendapatkan perlindungan insurans yang meliputi insurans hayat, kebakaran dan banjir pada kos yang lebih rendah. Pengecualian duti setem ini diberikan sehingga 31 Disember 2025.

### **Cadangan**

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada produk insurans dan takaful bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) pada kos yang lebih rendah, dicadangkan layanan duti setem disemak semula seperti berikut:

- i. nilai premium tahunan bagi polisi insurans atau sumbangan tahunan bagi sijil takaful yang layak dikecualikan duti setem di bawah Produk Perlindungan Tenang dinaikkan daripada RM100 kepada RM150;
- ii. pengecualian duti setem diberikan kepada individu bagi pembelian lain-lain polisi insurans atau sijil takaful dengan nilai premium atau sumbangan tahunan tidak melebihi RM150; dan
- iii. pengecualian duti setem diberikan kepada PMKS bagi pembelian polisi insurans atau sijil takaful dengan nilai premium atau sumbangan tahunan tidak melebihi RM250.

Polisi insurans atau sijil takaful bagi produk yang dikecualikan duti setem seperti item (ii) dan (iii) adalah seperti berikut:

- a) Insurans Kebakaran;
- b) Insurans Gangguan Perniagaan Akibat Kebakaran;
- c) Insurans Kemalangan Diri;
- d) Insurans Perjalanan;
- e) Insurans Liabiliti; dan
- f) Insurans Kejuruteraan.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi polisi insurans atau sijil takaful yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025.

# Kajian Semula Duti Setem Ke Atas Nota Kontrak Bagi Dagangan Saham Tersenarai

---

## Kedudukan Semasa

Transaksi dagangan saham tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan duti setem ke atas nota kontrak pada kadar 0.1% iaitu bersamaan dengan RM1.00 bagi setiap RM1,000 dan sebahagian daripadanya terhad sehingga RM200 bagi setiap nota kontrak. Penetapan had duti setem RM200 ini diperkenalkan pada tahun 2003 bagi merencanakan pasaran modal di Malaysia.

## Cadangan

Bagi memastikan layanan yang adil dan saksama kepada pelabur, dicadangkan layanan duti setem bagi dagangan saham tersenarai di Bursa Malaysia dikaji semula seperti berikut:

- i. kadar duti setem ke atas nota kontrak dinaikkan kepada 0.15% iaitu bersamaan dengan RM1.50 bagi setiap RM1,000; dan
- ii. had duti setem RM200 bagi setiap nota kontrak berkaitan dimansuhkan.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022.

## **Lanjutan Pengecualian Duti Setem Ke Atas Perjanjian Penstrukturan Semula Atau Penjadualan Semula Pinjaman/Pembiayaan**

---

### **Kedudukan Semasa**

Melalui Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2020, Kerajaan telah memberikan pengecualian duti setem 100% ke atas perjanjian penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan antara peminjam dan institusi kewangan yang disempurnakan mulai 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2021 tertakluk kepada syarat berikut:

- i. pinjaman/pembiayaan asal telah disetamkan sewajarnya; dan
- ii. perjanjian penstrukturan semula atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan tersebut tidak mempunyai elemen penambahan nilai kepada nilai pinjaman/pembiayaan yang asal.

### **Cadangan**

Bagi mengurangkan kos pinjaman kepada peminjam yang menstruktur atau menjadualkan semula pinjaman/pembiayaan, dicadangkan pengecualian duti setem 100% ke atas perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan dilanjutkan untuk 1 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

## Lanjutan Pengecualian Duti Setem Bagi Surat Cara Berkaitan Percantuman Dan Pemerolehan

---

### Kedudukan Semasa

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang melaksanakan skim percantuman atau pemerolehan diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara yang disempurnakan mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021 ke atas dokumen berikut:

- i. kontrak atau perjanjian bagi penjualan atau penyewaan harta (tanah, bangunan, jentera dan peralatan);
- ii. surat cara pindah milik dan memorandum persefahaman;
- iii. perjanjian pinjaman atau pembiayaan; dan
- iv. perjanjian penyewaan yang pertama.

Bagi percantuman atau pemerolehan yang diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.

### Cadangan

PMKS merupakan komponen terpenting dalam ekonomi Malaysia. Justeru, bagi memastikan PMKS mengekalkan daya tahan dalam mengharungi kelembapan ekonomi, dicadangkan insentif sedia ada dilanjutkan untuk 1 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan percantuman atau pemerolehan yang diterima oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Julai 2021 hingga 30 Jun 2022 dan surat cara yang disempurnakan tidak lewat dari 31 Disember 2022.

## Kajian Semula Kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah Bagi Individu Dan Pemastautin Tetap Serta Selain Syarikat

---

### Kedudukan Semasa

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah atau saham syarikat harta tanah oleh individu warganegara, pemastautin tetap dan selain syarikat adalah seperti berikut:

Pelupusan	Kadar CKHT
Dalam tempoh 3 tahun	30%
Dalam tahun ke-4	20%
Dalam tahun ke-5	15%
Dalam tahun ke-6 dan seterusnya	5%

### Cadangan

Bagi meringankan beban kewangan individu warganegara dan pemastautin tetap serta selain syarikat, dicadangkan kadar CKHT ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah pada tahun ke-6 dan seterusnya diturunkan daripada 5% kepada 0%.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022.



## Galakan Cukai Bagi Menyokong Pembangunan Industri Kenderaan Elektrik

### Kedudukan Semasa

Kenderaan elektrik (*Electric Vehicle* - EV) merangkumi kenderaan penumpang (termasuk SUV dan MPV), motosikal dan kenderaan perdagangan dikenakan duti dan cukai seperti berikut:

Jenis Duti / Cukai	Kadar Duti / Cukai Kenderaan Elektrik		
	Kenderaan Penumpang (termasuk SUV dan MPV)	Motosikal	Kenderaan Perdagangan
Duti Import ( <i>Completely Built-Up</i> - CBU)	30%	30%	30%
Duti Eksais	10%	10%	<i>Nil</i>
Cukai Jualan	10%	<i>Nil</i>	10%

Pengecualian cukai diberikan ke atas kenderaan pemasangan tempatan termasuk EV seperti berikut:

- i. pengecualian duti import ke atas komponen *Completely Knocked-Down* (CKD); dan
- ii. pengecualian sebahagian duti eksais dan cukai jualan ke atas kenderaan CKD.

Pengecualian ini tertakluk kepada penilaian oleh *Automotive Business Development Committee* (ABDC).

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan hijau yang berkaitan dengan EV layak mendapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun untuk 3 tahun taksiran. Perkhidmatan yang layak termasuk:

- i. pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan peralatan pengecasan, infrastruktur dan stesen pengecasan;
- ii. operasi stesen pengecasan; dan
- iii. penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih.

Tiada insentif disediakan kepada individu khusus untuk pemasangan, penyewaan atau langganan perkhidmatan stesen pengecasan EV.

### Cadangan

Bagi menyokong pembangunan industri EV tempatan dan menggalakkan permintaan domestik terhadap EV selaras dengan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon, *EV Roadmap* dan Dasar Automotif Nasional 2020, dicadangkan galakan cukai bagi EV termasuk kenderaan penumpang (termasuk SUV dan MPV), motosikal dan kenderaan perdagangan diberikan seperti berikut:

Bil.	Langkah Cukai	Tempoh Galakan
1.	Pengecualian duti import sepenuhnya ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan.	01.01.2022 hingga 31.12.2025
2.	Pengecualian duti eksais dan cukai jualan sepenuhnya ke atas EV jenis CKD.	
3.	Pengecualian duti import dan duti eksais sepenuhnya ke atas EV jenis CBU import.	01.01.2022 hingga 31.12.2023
4.	Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV.	TT 2022 dan TT 2023

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022.

## Galakan Cukai Bagi Projek *Late-Life Assets* Untuk Industri Petroleum Hulan

### Kedudukan semasa

Mulai 30 November 2010, industri petroleum hulan telah diberi galakan cukai sebagai dorongan pelaburan dalam industri minyak dan gas yang berisiko tinggi serta memerlukan pelaburan modal besar seperti berikut:

Projek Layak	Galakan Cukai
Medan Marginal	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Kadar cukai pendapatan diturunkan</b> daripada 38% kepada 25%;</li> <li>ii. <b>Elaun modal dipercepatkan</b> daripada 10 tahun kepada 5 tahun; dan</li> <li>iii. <b>Pengecualian duti eksport</b> ke atas produk petroleum yang dikeluarkan.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Perolehan Minyak Tertingkat</li> <li>2. Kandungan Gas Karbon Dioksida Tinggi</li> <li>3. Bertekanan Tinggi Bersuhu Tinggi (<i>High Pressure High Temperature</i> - HPHT)</li> <li>4. Laut Dalam</li> <li>5. Aset Infrastruktur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Elaun Cukai Pelaburan (ITA)</b> sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak untuk ditolak daripada 70% pendapatan berkanun bagi 10 tahun untuk aktiviti pengeluaran minyak; dan</li> <li>ii. <b>Perbelanjaan eksplorasi yang layak dibenarkan ditolak</b> dengan pendapatan daripada kawasan Kontrak Perkongsian Pengeluaran (<i>Production Sharing Contract</i> - PSC) yang tidak berkongsi sempadan.</li> </ul>

*Late-Life Assets* (LLA) adalah projek yang dijalankan di medan minyak *brownfield* yang mempunyai baki jangka hayat ekonomi tidak melebihi 10 tahun bermula dari tahun penganugerahan kontrak. Ia melibatkan kos penyahtauliah medan (*field abandonment cost*) yang tinggi dan menjadi cabaran industri

minyak dan gas di Malaysia untuk menarik minat pelabur menjalankan aktiviti pengeluaran di medan minyak bagi projek LLA.

### Cadangan

Bagi menarik minat syarikat minyak dan gas untuk melabur dan menjalankan projek LLA, dicadangkan galakan cukai diberikan seperti berikut:

- i. cukai pendapatan petroleum pada kadar 25%;
- ii. Elaun Modal Dipercepatkan dalam tempoh 2 tahun;
- iii. kerugian daripada aktiviti *decommissioning* dibenarkan dibawa ke belakang (*carryback losses*) untuk diserap dengan pendapatan bagi 2 tahun taksiran berturutan sebelumnya (*consecutive immediate preceding year*). Baki kerugian yang tidak dapat diserap akan diabaikan; dan
- iv. pengecualian duti eksport ke atas produk petroleum.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi Kontrak Perkongsian Pengeluaran *Late-Life Assets* yang diberikan mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2029.

## **Galakan Cukai Bagi Skim *Digital Ecosystem Acceleration***

---

### **Kedudukan Semasa**

Syarikat yang menjalankan aktiviti yang diluluskan di bawah Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia diberi galakan cukai mulai 1 Januari 2019 seperti berikut:

**i. Premis di dalam lokasi MSC**

- a. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% untuk 10 tahun; atau
- b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran untuk 5 tahun.

**ii. Premis di luar lokasi MSC**

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% untuk 5 tahun.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan galakan cukai bagi syarikat yang memindahkan operasi ke Malaysia dan membuat pelaburan baharu dalam sektor perkhidmatan terpilih termasuk syarikat yang mengadaptasi teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 dan pendigitalan seperti berikut:

**i. Syarikat baharu**

Kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% untuk 10 tahun.

**ii. Syarikat sedia ada yang membawa segmen perkhidmatan baharu**

Kadar cukai pendapatan 10% sehingga 10 tahun.

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 7 November 2020 sehingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi menyokong pembangunan ekosistem digital negara yang komprehensif, dicadangkan galakan cukai bagi aktiviti di bawah **Skim Digital Ecosystem Acceleration** (DESAC) diberikan seperti berikut:

**i. Digital Technology Provider**

**a. Syarikat baharu**

Kadar cukai pendapatan 0% hingga 10% sehingga 10 tahun.

**b. Syarikat sedia ada yang mempelbagaikan aktiviti perkhidmatan baharu atau segmen perkhidmatan baharu**

Kadar cukai pendapatan 10% sehingga 10 tahun.

**ii. Digital Infrastructure Provider**

Galakan Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti yang layak sehingga 10 tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% ke atas pendapatan berkanun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 30 Oktober 2021 hingga 31 Disember 2025.

## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Program *Internship* Berstruktur

### Kedudukan Semasa

Potongan cukai dua kali diberi ke atas perbelanjaan yang layak kepada syarikat yang melaksanakan program *internship* berstruktur (SIP) yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad seperti berikut:

Belanjawan	Tempoh Pengecualian (Tahun Taksiran)	Taraf Akademik
Bajet 2012	2012 – 2016	Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
Bajet 2015	2015 – 2016	Diperluaskan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Diploma</li> <li>• Vokasional [Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan 5]</li> </ul>
Bajet 2017	2017 – 2019	Dilanjutkan tempoh dan diperluaskan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Vokasional [Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3]</li> </ul>
Belanjawan 2019	2019 – 2021	Dilanjutkan tempoh dan dikhaskan kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan program Vokasional (minimum SKM Tahap 3) dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi berdasarkan polisi Industry4WRD.
Belanjawan 2020	2020 - 2021	Dilanjutkan tempoh kepada semua bidang akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma, Vokasional (DKM Tahap 4 dan 5) dan SKM Tahap 3.

Kelayakan pelajar dan syarat kepada syarikat yang layak menuntut galakan ini adalah seperti berikut:

- i. pelajar adalah warganegara Malaysia;
- ii. pelajar menamatkan program *internship* yang diluluskan sebelum selesai semester akhir;
- iii. tempoh minimum *internship* sekurang-kurangnya 10 minggu; dan
- iv. elaun bulanan minimum sekurang-kurangnya RM500 bagi setiap pelajar.

Bilangan pelajar dan syarikat yang terlibat dalam SIP adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar Yang Mengikuti <i>Internship</i>	Bilangan Syarikat Yang Disahkan
2018	5,454	371
2019	6,284	529
2020	6,434	737
<b>JUMLAH</b>	<b>18,172</b>	<b>1,637</b>

\*sumber: Talent Corporation Malaysia Berhad

### Cadangan

Bagi menggalakkan penglibatan syarikat dan industri secara berterusan untuk melaksanakan strategi penyaluran bakat melalui program *internship* berstruktur, dicadangkan galakan cukai ini dilanjutkan untuk 4 tahun dan diperluaskan kepada pelajar di peringkat pengajian:

- i. Ijazah Sarjana;
- ii. Sijil Profesional; dan
- iii. Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2025.



## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Syarikat *Anchor* Di Bawah Program Pembangunan Vendor

---

### Kedudukan Semasa

Program Pembangunan Vendor (*Vendor Development Programme* – VDP) telah diperkenalkan pada Bajet 2014 dengan tujuan untuk membangunkan vendor tempatan dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). VDP adalah salah satu inisiatif pemerkasaan Bumiputera yang bermula sejak tahun 1998 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mulai tahun 2018.

Syarikat *anchor* yang membangunkan vendor tempatan di bawah VDP dan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MITI/MEDAC diberi potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan operasi seperti berikut:

- i. kos pembangunan produk, penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan peningkatan kualiti;
- ii. kos peningkatan keupayaan syarikat vendor seperti pensijilan ISO/Kaizen/5S, penilaian program dan *business process reengineering*; dan
- iii. kos latihan kemahiran vendor, *capacity building*, *lean management system* dan *financial management system*.

Kriteria kelayakan bagi potongan cukai dua kali ini adalah seperti berikut:

- i. perbelanjaan operasi yang layak hendaklah disahkan oleh MITI/MEDAC sebelum syarikat *anchor* menuntut potongan;

- ii. potongan bagi perbelanjaan operasi yang layak, dihadkan sehingga RM300,000 setiap tahun taksiran; dan
- iii. potongan diberi bagi 3 tahun taksiran berturut-turut.

Galakan cukai ini diberi kepada syarikat *anchor* yang telah menandatangani MoU dengan MITI/MEDAC mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2020.

### Cadangan

Bagi terus meningkatkan penglibatan syarikat *anchor* dalam membangunkan lebih banyak vendor Bumiputera tempatan yang berdaya saing, dicadangkan galakan cukai sedia ada dikaji semula seperti berikut:

- i. potongan bagi perbelanjaan operasi yang layak, dinaikkan sehingga RM500,000 setiap tahun taksiran;
- ii. galakan cukai dilanjutkan untuk 5 tahun bagi MoU yang ditandatangani antara syarikat *anchor* dengan MEDAC; dan
- iii. potongan diberi bagi 3 tahun taksiran berturut-turut.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi MoU yang ditandatangani antara syarikat *anchor* dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025.

## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Biasiswa

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang menaja biasiswa kepada pelajar di peringkat Diploma, Ijazah termasuk di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah layak diberikan potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(l) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Mulai 2012, potongan cukai dua kali diberikan kepada syarikat yang menaja biasiswa kepada pelajar Malaysia seperti berikut:

Tempoh Pengecualian (Tahun Taksiran)	Taraf Akademik dan Kriteria
2012 - 2016	Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi.  Kriteria seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Mengikuti pengajian sepenuh masa;</li> <li>iii. Tidak mempunyai pendapatan; dan</li> <li>iv. Jumlah pendapatan isi rumah ibu bapa atau penjaga tidak melebihi RM5,000 sebulan.</li> </ol>
2015 - 2016	Diperluaskan kepada program pengajian teknik dan vokasional bagi Sijil Kemahiran Malaysia yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran.
2019 - 2021	Diperkenalkan semula kepada pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Teknikal dan Vokasional, Diploma serta Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.  Kriteria seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Mengikuti pengajian sepenuh masa;</li> <li>iii. Tidak mempunyai sumber pendapatan; dan</li> <li>iv. Jumlah pendapatan isi rumah ibu bapa atau penjaga tidak melebihi RM10,000 sebulan.</li> </ol>

Potongan cukai dua kali diberikan ke atas perbelanjaan yang dibenarkan iaitu:

- i. yuran kursus pengajian; dan
- ii. perbelanjaan bantuan pembelajaran dan kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian pelajar.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan penyertaan syarikat dalam penajaan pelajar melalui pemberian biasiswa untuk menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, dicadangkan potongan cukai dua kali dikaji semula seperti berikut:

- i. skop pengajian yang layak diperluaskan kepada semua bidang pengajian di peringkat Teknikal dan Vokasional, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah; dan
- ii. galakan cukai dilanjutkan untuk 4 tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2025.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2025.

## Peluasan Skop Galakan Cukai Bagi Teknologi Hijau

---

### Kedudukan Semasa

Dalam Belanjawan 2020, galakan cukai bagi teknologi hijau telah dikaji semula seperti berikut:

i. **Green Investment Tax Allowance (GITA)**

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak dilanjutkan untuk 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak 70% daripada pendapatan berkanun.

ii. **Green Investment Tax Exemption (GITE)**

- a. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak dilanjutkan untuk 3 tahun taksiran; dan
- b. Galakan cukai baharu bagi aktiviti *solar leasing* diperkenalkan dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun sehingga 10 tahun taksiran diberi kepada syarikat *solar leasing* yang diperakukan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Sustainable Energy Development Authority – SEDA).

Galakan cukai ini adalah bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2023.

## Cadangan

Bagi menyokong agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030 iaitu *Goal 6: Clean Water and Sanitation*, *Goal 11: Sustainable Cities and Communities* dan *Goal 12: Responsible Consumption and Production*, dicadangkan pembelian aset hijau dan perkhidmatan hijau yang layak diperluaskan kepada projek Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH). Projek ini hendaklah disahkan oleh Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) bagi melayakkan insentif cukai diberikan seperti berikut:

i. ***Green Investment Tax Allowance (GITA)***

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti projek SPAH yang layak. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun; atau

ii. ***Green Investment Tax Exemption (GITE)***

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan projek SPAH yang layak.

## Tarikh Kuat Kuasa

Permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

## **Lanjutan Kadar Cukai Pendapatan Istimewa Kepada Individu Bukan Warganegara Yang Memegang Jawatan Utama Dalam Syarikat Yang Membuat Pelaburan Baharu Strategik**

---

### **Kedudukan Semasa**

Kerajaan melalui PENJANA telah mengumumkan galakan cukai iaitu pengenaan kadar cukai pendapatan 0% sehingga 15 tahun kepada syarikat pengilangan dan perkhidmatan yang memindahkan operasinya ke Malaysia.

Sebagai insentif tambahan, cukai pendapatan individu pada kadar rata 15% diberikan kepada bukan warganegara yang memegang jawatan utama (C-Suite) untuk 5 tahun berturut-turut. Galakan cukai ini adalah terhad kepada 5 individu bukan warganegara yang bekerja dalam setiap syarikat tertakluk kepada pematuhan syarat berikut:

- i. menerima gaji bulanan tidak kurang daripada RM25,000; dan
- ii. merupakan pemastautin cukai di Malaysia bagi setiap tahun taksiran sepanjang tempoh layanan cukai pendapatan kadar rata.

Galakan cukai ini diberi bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 7 November 2020 hingga 31 Disember 2021.

### **Cadangan**

Bagi terus memacu pemulihan ekonomi melalui aktiviti pelaburan dan meningkatkan daya tarikan kepada syarikat untuk

memindahkan operasinya ke Malaysia, dicadangkan galakan ini dilanjutkan untuk 1 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan dan Pelaburan Malaysia sehingga 31 Disember 2022.



# Lanjutan Galakan Cukai Untuk Penganjuran Aktiviti Kesenian, Kebudayaan, Sukan Dan Rekreasi Di Malaysia

---

## Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun bagi penganjuran aktiviti yang diluluskan diberi kepada syarikat penganjur seperti berikut:

- i. aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia; dan
- ii. pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan Kementerian Belia dan Sukan.

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022.

## Cadangan

Bagi membantu dan menyokong aktiviti kesenian, kebudayaan, sukan dan rekreasi di Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk 3 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## Lanjutan Galakan Cukai Bagi Pembelian Kenderaan Pelancongan

---

### Kedudukan Semasa

Perbelanjaan modal ke atas pembelian bas persiaran pemasangan tempatan baharu layak menuntut Elaun Modal Dipercepatkan (*Accelerated Capital Allowance* - ACA) dengan elaun permulaan 20% dan elaun tahunan 40%. Elaun ini boleh dituntut bermula tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021.

### Cadangan

Bagi membantu dan menyokong industri pelancongan di Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk 3 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024.

## Lanjutan Pengecualian Cukai Pelancongan

---

### Kedudukan Semasa

Cukai pelancongan dikenakan ke atas pelancong yang menginap di premis penginapan yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 pada kadar rata RM10.00/bilik/malam. Pelancong warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia dikecualikan daripada dikenakan cukai pelancongan.

Bagi membantu industri pelancongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, pengecualian cukai pelancongan telah diberikan mulai 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021 melalui pengumuman PENJANA, dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021 melalui PEMERKASA.

### Cadangan

Bagi terus menyokong usaha pemulihan sektor pelancongan domestik selari dengan Pelan Pemulihan Negara dan menarik semula kemasukan pelancong asing, dicadangkan tempoh pengecualian cukai pelancongan dilanjutkan untuk 1 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

## Lanjutan Pengecualian Duti Hiburan Di Wilayah Persekutuan

---

### Kedudukan Semasa

Di bawah PEMERKASA, pengecualian duti hiburan ke atas bayaran kemasukan ke tempat hiburan seperti taman tema, persembahan pentas, acara sukan dan pertandingan serta tayangan filem pawagam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya diberi mulai 1 April 2021 sehingga 31 Disember 2021.

### Cadangan

Bagi terus menyokong usaha pemulihan industri pelancongan dan membantu rantaian perniagaan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19, dicadangkan pengecualian duti hiburan ke atas bayaran kemasukan ke tempat hiburan seperti taman tema, persembahan pentas, acara sukan dan pertandingan serta tayangan filem pawagam di semua Wilayah Persekutuan dilanjutkan untuk 1 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

## Lanjutan Rebat Cukai Bagi Penubuhan Entiti Baharu Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana

---

### Kedudukan Semasa

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% bagi RM600,000 pertama pendapatan bercukai dan selebihnya dikenakan pada kadar cukai pendapatan 24%.

Bagi merangsang aktiviti perniagaan, PMKS baharu yang ditubuhkan diberi rebat cukai pendapatan sehingga RM20,000 bagi setiap tahun taksiran untuk 3 tahun taksiran pertama tertakluk kepada syarat berikut:

- i. PMKS yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016;
- ii. modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun;
- iii. amaun rebat yang layak dituntut PMKS adalah bersamaan perbelanjaan modal atau perbelanjaan operasi yang dibuat dalam setiap tahun taksiran tertakluk kepada nilai maksimum RM20,000 setiap tahun taksiran;
- iv. rebat cukai yang tidak digunakan pada tahun taksiran semasa tidak boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya;
- v. entiti baharu ini hendaklah menggunakan loji, peralatan dan fasiliti berasingan serta tidak dipindahkan daripada syarikat sedia ada ataupun syarikat berkaitannya; dan

vi. lain-lain syarat yang telah ditetapkan.

Galakan cukai ini diberi kepada PMKS baharu yang ditubuhkan dan beroperasi mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021.

### **Cadangan**

Bagi terus melaksanakan agenda pemulihan ekonomi negara dan memastikan kelangsungan ekosistem perniagaan PMKS, dicadangkan tempoh penubuhan dan operasi PMKS baharu termasuk yang menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian, dilanjutkan 1 tahun lagi sehingga 31 Disember 2022.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana baharu yang ditubuhkan dan beroperasi selewat-lewatnya 31 Disember 2022.

## Lanjutan Elaun Pelaburan Semula Tambahan

---

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang membuat pelaburan semula bagi tujuan pembesaran, pemodenan, automasi atau pelbagaian dalam aktiviti pengilangan dan pertanian terpilih layak menuntut Elaun Pelaburan Semula (EPS) bagi 15 tahun berturut-turut di bawah Jadual 7A, Akta Cukai Pendapatan 1967. Syarikat boleh menuntut EPS pada kadar 60% daripada perbelanjaan modal yang layak untuk ditolak sehingga:

- i. 70% ke atas pendapatan berkanun setiap tahun taksiran; atau
- ii. 100% ke atas pendapatan berkanun jika dalam tahun taksiran tersebut syarikat mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

EPS Khas pula diberi untuk 3 tahun mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018 bagi syarikat yang telah tamat tempoh 15 tahun EPS.

EPS Tambahan kemudiannya telah disediakan melalui PENJANA kepada syarikat yang telah tamat tempoh EPS dan EPS Khas. EPS ini diberi untuk 3 tahun bagi tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022.

### Cadangan

Bagi meneruskan agenda pemulihan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19, dicadangkan EPS Tambahan yang disediakan bagi tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022 dilanjutkan untuk 2 tahun sehingga tahun taksiran 2024 bagi syarikat sedia ada di Malaysia yang telah tamat tempoh kelayakan EPS dan EPS Khas. Lanjutan tempoh ini menjadikan keseluruhan tempoh EPS Tambahan selama 5 tahun.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2024.

## **Lanjutan Galakan Cukai Bagi Kos Pengubahsuaian Dan Pembaharuan Premis Perniagaan**

---

### **Kedudukan Semasa**

Kos pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan diberi potongan cukai bagi perbelanjaan yang layak terhad sehingga RM300,000 yang dibuat mulai 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.

### **Cadangan**

Bagi terus membantu aliran tunai syarikat serta menggalakkan syarikat menambah baik fasiliti premis perniagaan, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi kos pengubahsuaian dan pembaharuan premis perniagaan yang dibuat mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.



## **Lanjutan Potongan Cukai Tambahkan Ke Atas Perbelanjaan Penginapan Pekerja (*Safe@Work*)**

---

### **Kedudukan Semasa**

Melalui PEMERKASA, potongan cukai tambahan di bawah program *Safe@Work* diberikan kepada syarikat pengilangan dan syarikat perkhidmatan berkaitan pengilangan ke atas perbelanjaan sewaan premis bagi penginapan pekerja selaras dengan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Perbelanjaan sewaan yang layak dihadkan sehingga RM50,000 bagi setiap syarikat mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan syarikat pengilangan dan syarikat perkhidmatan berkaitan pengilangan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara dan program *Safe@Work* yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk 1 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi perbelanjaan sewaan premis yang dilakukan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

## Lanjutan Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Kereta Penumpang

---

### Kedudukan Semasa

Di bawah PENJANA, pengecualian cukai jualan telah diberikan ke atas kenderaan penumpang (termasuk SUV dan MPV) mulai 15 Jun 2020 hingga 30 Jun 2021 untuk merencanakan semula jualan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 seperti berikut:

- i. 100% pengecualian cukai jualan ke atas *Completely Knocked-Down* (CKD); dan
- ii. 50% pengecualian cukai jualan ke atas *Completely Built-Up* (CBU) import baharu dan terpakai.

Pengecualian cukai jualan ini telah dilanjutkan di bawah PEMERKASA+ bagi 6 bulan mulai 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021.

### Cadangan

Bagi terus memacu momentum sektor automotif, dicadangkan pengecualian cukai jualan sedia ada dilanjutkan untuk 6 bulan.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.

## Cukai Jualan Ke Atas *Low Value Goods*

---

### Kedudukan Semasa

Cukai jualan dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai yang dikilangkan di Malaysia atau diimport ke Malaysia. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai jualan diberikan ke atas barang bernilai tidak melebihi RM500 (kecuali rokok, tembakau dan minuman memabukkan) yang diimport menggunakan perkhidmatan kurier udara melalui lapangan terbang antarabangsa yang ditetapkan. Pengecualian yang diberikan adalah berdasarkan peruntukan di bawah Butiran 24, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

### Cadangan

Bagi memastikan layanan saksama antara barang bercukai yang dikilangkan di Malaysia dengan barang yang diimport, dicadangkan barang dari luar negara bernilai tidak melebihi RM500 (*Low Value Goods* - LVG), yang dijual oleh peniaga secara atas talian dan dihantar melalui perkhidmatan kurier udara kepada pengguna di Malaysia dikenakan cukai jualan. Dengan pengenaan cukai jualan ke atas LVG ini, pengecualian di bawah Butiran 24, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dibatalkan.

Pengenaan cukai jualan ke atas LVG akan dilaksanakan melalui peruntukan perundangan baharu di dalam Akta Cukai Jualan 2018. Di bawah peruntukan ini, peniaga sama ada dari Malaysia atau luar negara yang menjual LVG kepada pengguna di Malaysia perlu berdaftar dan mengenakan cukai jualan.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2023.

## **Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Penghantaran Barang**

---

### **Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan penghantaran kiriman cepat bagi dokumen dan bungkusan tidak melebihi 30 kilogram oleh penyedia perkhidmatan yang dilesenkan di bawah Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Pos 2012 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Manakala penyediaan perkhidmatan penghantaran barang oleh penyedia perkhidmatan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Pos 2012 tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

### **Cadangan**

Bagi menyelaraskan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantaran kiriman cepat dan penghantaran barang, dicadangkan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan penghantaran barang yang disediakan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan termasuk platform E-Dagang kecuali perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman serta perkhidmatan logistik.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Julai 2022.

# **Pengecualian Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Pembrokeran Berkaitan Dagangan Saham Tersenarai**

---

## **Kedudukan Semasa**

Perkhidmatan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan bagi penggunaan atau penyediaan pembrokeran dan penajajaminan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Penyedia perkhidmatan pembrokeran dan penajajaminan termasuk perkhidmatan berkaitan dagangan saham tersenarai perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan tersebut.

## **Cadangan**

Bagi terus merancakkan dan memastikan aktiviti pasaran saham di Malaysia kekal kompetitif, dicadangkan seperti berikut:

- i. penerima perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan;
- ii. penyedia perkhidmatan pembrokeran berkaitan dagangan saham dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan; dan
- iii. pengecualian seperti item (i) dan (ii) adalah terpakai ke atas perkhidmatan berkaitan dagangan saham tersenarai di Bursa Malaysia.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 Januari 2022.

## Duti Eksais Ke Atas Cecair Atau Gel Yang Digunakan Dalam Rokok Elektronik Dan Vape

---

### Kedudukan Semasa

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021, peranti dan cecair atau gel yang digunakan dalam rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk *vape* telah dikenakan duti eksais seperti berikut:

- i. semua jenis peranti rokok elektronik dan bukan elektronik termasuk *vape* dikenakan pada kadar *ad valorem* 10%; dan
- ii. cecair atau gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik termasuk *vape* dikenakan pada kadar RM0.40 per mililiter.

### Cadangan

Bagi mengawal selia penggunaan rokok elektronik dan *vape* di Malaysia secara menyeluruh dan memastikan layanan cukai yang saksama ke atas semua produk rokok dan tembakau, dicadangkan pengenaan duti eksais diperluaskan kepada produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan *vape*. Duti eksais akan dikenakan pada kadar RM1.20 per mililiter.

Bagi cecair atau gel tanpa nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan *vape*, duti eksais akan turut dinaikkan daripada RM0.40 per mililiter kepada RM1.20 per mililiter iaitu selaras dengan kadar duti eksais bagi cecair atau gel yang mengandungi nikotin.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022.

## Peluasan Skop Duti Eksais Produk Minuman Bergula

### Kedudukan Semasa

Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019, produk minuman bergula dalam bentuk sedia diminum telah dikenakan duti eksais pada kadar RM0.40 per liter berdasarkan nilai ambang kandungan gula seperti berikut:

Kod Tarif	Perihal Produk	Nilai Ambang Kandungan Gula
22.02	Air minuman termasuk minuman berkarbonat yang mengandungi gula tambahan atau bahan pemanis lain atau berperisa, termasuk minuman lain tanpa alkohol.	>5g/100ml
22.02	Air minuman berasaskan susu yang mengandungi laktosa ( <i>flavoured milk</i> ), tidak termasuk produk minuman susu soya.	>7g/100ml
20.09	Jus buah-buahan dan jus sayur-sayuran sama ada mengandungi gula tambahan atau tidak, atau mengandungi bahan pemanis yang lain.	>12g/100ml

### Cadangan

Bagi terus menyokong dan melaksanakan strategi yang telah digariskan di bawah *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III* (2016-2025) dalam menangani isu obesiti, *diabetes* dan lain-lain penyakit tidak berjangkit yang dikaitkan dengan pemakanan, dicadangkan skop pengenaan duti eksais ke atas produk minuman bergula diperluaskan bagi meliputi penyediaan pra-campuran yang berasaskan coklat atau koko, malt, kopi dan teh seperti minuman pra-campuran 2 dalam 1 atau 3 dalam 1.

Duti eksais akan dikenakan ke atas produk penyediaan pra-campuran yang dikategorikan di bawah kod tarif 18.06, 19.01 dan 21.01 iaitu pada kadar RM0.47 per 100g dengan berdasarkan nilai ambang kandungan gula seperti berikut:

<b>Kod Tarif</b>	<b>Perihal Produk</b>	<b>Nilai Ambang Kandungan Gula</b>
18.06	Penyediaan coklat atau koko campuran.	>33.3g/100g
19.01	Penyediaan malt campuran.	>33.3g/100g
21.01	Penyediaan kopi pra-campur dan teh campuran.	>33.3g/100g

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai 1 April 2022.



## Kajian Semula Levi Keuntungan Luar Biasa

### Kedudukan Semasa

Levi keuntungan luar biasa dikenakan ke atas buah kelapa sawit mulai 15 Julai 2008. Kadar levi adalah 3.0% bagi Semenanjung Malaysia dan 1.5% bagi Sabah dan Sarawak dengan nilai ambang harga minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil* – CPO) pada paras RM2,000 per tan metrik.

Mulai 10 Mac 2009, nilai ambang harga CPO telah disemak semula seperti berikut:

Lokasi	Nilai Ambang Harga CPO (RM/tan metrik)	Kadar Levi (%)
Semenanjung Malaysia	RM2,500	3.0
Sabah dan Sarawak	RM3,000	1.5

### Cadangan

Bagi terus menyokong kelangsungan industri sawit negara, dicadangkan nilai ambang harga CPO bagi kenaikan levi keuntungan luar biasa dikaji semula bagi kedua-dua lokasi, manakala kadar levi bagi Sabah dan Sarawak turut diselaraskan sepertimana kadar levi bagi Semenanjung Malaysia seperti berikut:

Lokasi	Nilai Ambang Harga CPO (RM/tan metrik)	Kadar Levi (%)
Semenanjung Malaysia	RM3,000	3.0
Sabah dan Sarawak	RM3,500	3.0

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2022.





ISSN 2637-0182



9 772637 018000